



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1)

• **Mengutuk Serangan Bom Di London**

- *Y.B. Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian)* (Halaman 15 & 75)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 16)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah
(Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 (Halaman 16)

Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah
(Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 (Halaman 46)

Rang Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah
(Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 (Halaman 55)

USUL:

Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3) (Halaman 88)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

**Peningkatan Harga Barangan Keperluan Harian
Menjejaskan Para Pesara**

- *Y.B. Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)* (Halaman 88)

**Kontrak Pekerjaan Berunsur Diskriminasi Terhadap
Pramugari MAS**

- *Y.B. Puan Teresa Koh Suh Sim (Seputeh)* (Halaman 92)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasar Salak) - UMNO

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA

6. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS

29. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupa) - PBB
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC

13. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO

19. Yang Berhormat Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO

56. Yang Berhormat Tan Sri Dato' K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. " Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. " Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. " Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. " Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. " Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. " Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
72. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. " Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. " Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. " Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. " Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. " Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
88. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. " Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. " Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO

93. Yang Berhormat Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-undang
Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha
Muhd Sujairi bin Abdullah
Lavinia a/p Vyveganathan
Bazlinda binti Bahrin
Farah Nurdiana binti Azhar

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiyah binti Jamaludin
Hairan bin Mohtar
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Mohd. Izhar bin Hashim

JURUBAHASA SERENTAK
Mazidah binti Mohamed
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Cik Lee Jing Jing

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PERUNDANGAN

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Zunaini bt. Mohd Salleh
Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Siti Rohaini bt. Roslan
Mohamad Faizal bin Harun
Mohd. Faizol bin Mohd. Noh
Zaini Azlina bt. Zawawi

PETUGAS-PETUGAS UNIT CETAK

Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 11 Julai 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Tuan Che Azmi bin Haji Abdul Rahman [Kuala Nerus] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan tentang tindakan yang akan diambil ke atas pelajar-pelajar yang gagal membayar balik pinjaman untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran di pusat-pusat latihan kemahiran di bawah Kementerian Pembangunan Sumber Manusia. Berapakah bilangan pelajar yang terlibat dan jumlah tunggakan pinjaman yang belum dibayar.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan mengambil tindakan ke atas pelajar-pelajar yang gagal membayar balik pinjaman sejajar dengan syarat perjanjian pinjaman Tabung Pembangunan Kemahiran yang telah ditandatangani. Di antara tindakan yang sedang diambil ialah pertamanya menuntut bayaran balik pinjaman selepas 6 bulan peminjam yang menamatkan latihan secara ansuran mengikut amaun yang ditentukan. Kedua, memberi kelonggaran kepada peminjam membuat bayaran balik pinjaman serendah RM50 sebulan bagi yang tidak berkemampuan.

Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah lain yang sedang ditimbang untuk mendapatkan balik pinjaman ialah,

- (i) menuntut bayaran balik daripada penjamin-penjamin setelah tidak menerima 3 bulan bayaran berturut-turut daripada peminjam;
- (ii) mengiklankan nama peminjam yang ingkar membuat bayaran balik pinjaman di lawan web dan akhbar tempatan;
- (iii) mendaftar nama peminjam ingkar dengan Sitor Sendirian Berhad dan Centrel Credit Reference Information System yang dikendalikan oleh Bank Negara; dan
- (iv) mengambil tindakan undang-undang terhadap peminjam yang masih ingkar notis-notis balik bayaran pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan pelajar yang patut membuat bayaran balik pinjaman sehingga bulan Mei 2005 ialah 98,339 orang dengan jumlah RM92,239,150.46 sen. Bayaran balik yang berjaya dikutip ialah RM20.2 juta iaitu 21.9% daripada 24,081 iaitu 25.9% pembayar yang aktif.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita dapat makluman daripada pelajar-pelajar yang gagal bayar tetapi kita pun tahu bahawa Kementerian juga banyak tidak bayar kepada kolej-kolej yang telah memberi *advance* kepada pelajar-pelajar latihan ini dengan perjanjian-perjanjian awal. Sebagai contohnya kebetulan saya tahu ada satu kolej yang saya menjadi pengerusinya di mana ia dimiliki oleh kerajaan sebanyak RM500 ribu lebih sudah setahun lebih tidak bayar. Jadi apakah sebenarnya pendirian kementerian dan kerajaan? Dalam masa yang sama kita sedang menghambat masalah pelajar yang tidak bayar tetapi

kementerian juga banyak tidak membayar kepada kolej-kolej yang telah menaja pelajar-pelajar ini. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kementerian saya cuba membayar pinjaman-pinjaman secepat mungkin kepada kolej-kolej berkenaan. Namun demikian mungkin dalam kes-kes tertentu ada sedikit masalah berkaitan dengan butir-butir dan nama yang diperlukan. Namun demikian, saya telah mengarahkan pegawai-pegawai saya bahawa semua masalah tersebut perlu diselesaikan sedangkan kita mahu tabung tersebut digunakan demi kebajikan para pelatih dan juga kolej-kolej yang telah bekerjasama dengan kementerian saya untuk mengendalikan kursus tersebut. Saya jamin masalah-masalah tersebut akan diselesaikan secepat mungkin.

Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya tidak ramai pelajar-pelajar atau pelatih-pelatih ini tahu bahawa mereka ini menyertai skim (program) ini melalui pinjaman kerajaan. Kebanyakannya menganggap penyertaan mereka melalui biasiswa ataupun geran kerajaan. Fasal kalau kita lihat pada pusat-pusat latihan ini banyak yang memberi biasiswa bulanan, elaun bulanan dan dari segi pengiklannya dari segi pemasarannya pun menyatakan pelajar-pelajar ini diberi elaun percuma dan penyediaan borang-borang biasanya disediakan oleh pusat-pusat latihan. Jadi tidak diterangkan dengan jelas kepada pelatih-pelatih bahawa mereka menyertai program ini melalui pinjaman. Ada kes-kes tertentu pelajar ini menyertai kursus-kursus ini sekerat jalan sebab pusat-pusat latihan ini ditutup lebih awal. Jadi saya hendak tahu melalui soalan tambahan saya, kenapa kementerian tidak mengambil tindakan ke atas pusat-pusat latihan ini. Dan saya suka mencadangkan supaya pinjaman-pinjaman di bawah skim atau program latihan kemahiran ini dihapuskan dan ditukar kepada biasiswa ataupun geran latihan.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang benar di antara 1,200 pusat latihan yang telah ditauliahkan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan ada sekumpulan kecil pusat-pusat latihan tidak bertanggungjawab di mana mereka telah mengutip pinjaman tersebut dan sebelum latihan itu tamat mereka tutup yang menjejaskan masa depan pelatih-pelatih. Untuk kumpulan pelatih tersebut kementerian saya telah mengambil tindakan memberi bantuan iaitu memasukkan mereka ke dalam kursus-kursus yang dikendalikan oleh Institut Latihan Perindustrian di mana yurannya adalah percuma dan mereka akan terus mengikuti kursus-kursus sehingga mereka tamat, dapat sijil dan sebagainya. Memang kementerian saya akan menentukan pusat-pusat latihan yang akan diiktiraf adalah mengikut syarat-syarat iaitu mempunyai pengalaman, mempunyai kemudahan yang cukup dan juga latar belakang pengajarnya merupakan pengajar yang jujur dan berkemampuan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat dari Gerik.

2. Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan jika dadah terutama pengedarnya adalah musuh nombor satu negara (dahulu komunis sebagai musuh nombor satu), tidak mungkinkah kerajaan menggunakan anggota tentera untuk mengawal pintu masuk sempadan khususnya di utara Semenanjung kerana keberkesanan kawalan oleh pasukan tentera tidak boleh dinafikan.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengisytiharkan dadah sebagai musuh nombor satu negara sejak 1983 lagi. Beberapa agensi penguatkuasaan seperti Polis Di-Raja Malaysia, agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jabatan Kastam Di-Raja Malaysia, Unit Pencegahan Penyeludupan dan Bahagian Farmasi telah menggabungkan usaha-usaha untuk menangani masalah ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Angkatan Tentera Malaysia sendiri memang terlibat dalam tugas dan usaha-usaha membanteras kegiatan dadah ini. Kini terdapat beberapa penempatan ATM di kawasan-kawasan sempadan kita dengan Thailand dan juga Indonesia. Penempatan anggota ATM selain dari mengawasi keadaan keselamatan di sempadan negara mereka juga secara tidak langsung membantu mencegah kegiatan-kegiatan penyeludupan dadah di negara ini.

Kegiatan-kegiatan penyeludupan dadah tidak semestinya melalui jalan-jalan sempadan. Di atas kedudukan negara yang strategik ini penyeludupan dadah boleh berlaku melalui laut dan udara. Oleh yang demikian, semua agensi penguatkuasaan kerajaan perlu memainkan peranan mereka sewajarnya. Di dalam tindakan-tindakan yang diambil sekarang, strategi yang digunakan adalah secara bersepadu dan menyeluruh bagi memastikan kegiatan pengedaran dan penyalahgunaan dadah dapat dihapuskan. Setakat ini keadaan adalah terkawal dan kerajaan yakin bahawa agensi yang sedia ada mampu untuk menangani masalah ini. Oleh itu kerajaan tidak bercadang untuk menggunakan anggota tentera untuk menangani musuh negara nombor satu ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1976 iaitu 29 tahun yang lalu Jabatan Antropologi, Sosiologi dan Psikologi UKM mengadakan satu seminar dengan menjemput Dato' Mohd. Jarjis iaitu ayahanda kepada Dato' JJ menyampaikan kepada kita kaedah-kaedah penyeludupan dan kata beliau di antara kaedah yang canggih 29 tahun yang lalu ialah menggunakan baju dalam, seluar dalam dan yang lebih dalam lagi daripada seluar dalam iaitu "pek-pek". Tuan Yang di-Pertua tahu apa itu "pek-pek"? Tak faham ya, tak tahu. Bahasa ibu dan ayah kepada anak iaitu kemaluan orang perempuan dan kalau bahasa untuk lelaki dipanggil "burung". Kalau Yang Berhormat Arau dia kata ada bahasa istana, kita kena tanya dia.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita hendak tahu hari ini apakah pula kaedah-kaedah canggih yang digunakan untuk menyeludup dadah ini sehinggakan kita agak sukar untuk mengawal kemasukan yang dibawa oleh musuh-musuh ataupun si durjana kepada negara kita ini. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat daripada Gerik. Memang tidak boleh dinafikan segala apa Yang Berhormat nyatakan tadi memang itulah cara yang mereka buat sejak dahulu, dan sekarang pun penyeludup-penyeludup dadah ini masih menggunakan cara-cara yang sama. Malah pada sekarang ini bila ada teknologi moden ini, mereka menggunakan dengan beberapa taktik dan juga cara-cara yang lebih berkesan di mana kadang-kadang sukar untuk kita atasi.

Sebagai contoh kalau di lapangan terbang mesin pengimbas yang digunakan oleh pihak MBA sebenarnya mesin itu hanya untuk dapat mengesan barang-barang metal sahaja. Tetapi kalau dia bawa dadah agak sukar untuk kita dapat kesan. Namun demikian kita dapati usaha-usaha yang dibuat oleh pihak berkuasa sehingga hari ini banyak kejayaan yang telah kita capai dan banyak rampasan penyeludupan dadah telah dapat kita kesan. Oleh yang demikian dalam menangani masalah-masalah yang baru dan taktik-taktik yang baru maka kerajaan hari ini sedang berusaha untuk menggunakan mesin-mesin pengimbas yang lebih canggih yang mungkin lebih baik. Kalau tidak lebih baik pun sekurang-kurangnya hampir sama dengan alat-alat yang digunakan oleh penyeludup ini. Terima kasih.

Tuan R. Karpal Singh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, adakah satu sebab tertentu kerana tentera, askar tidak menggunakan adalah kerana banyak yang menyertai tentera askar ada sendirinya penagih dadah. Ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah Yang Berhormat Jelutong kerana berminat fasal dadah, tapi kalau ada kes dadah kat mahkamah itu janganlah *defend* lebih-lebih sangat. Ini kadang-kadang Jelutong yang lepaskan ramai penagih dadah ini. [Ketawa] Bila dia lawan kat mahkamah 39B, dia peguam yang hebat, orang pengedar dadah pun boleh dibebaskan oleh mahkamah. Itu mukadimah.

Yang Berhormat, sebenarnya kita sedia maklum bahawa tidak boleh dinafikan memang kita dapati adalah segelintir, polis pun ada, tentera pun ada terlibat di dalam dadah, tetapi ramai di antara mereka bukan merupakan pengedar.

Tapi ramai di antara mereka ialah merupakan apa ni, pengguna-pengguna dadah dan bagi mereka yang terlibat dalam pasukan keselamatan yang terlibat dalam dadah ini kita telah pun mengambil tindakan undang-undang dan di antara mereka yang kita tahan di bawah (LLPK), langkah-langkah pencegahan khas dan juga di antara mereka telah pun didakwa di mahkamah, dalam erti kata lain soal dadah ini dia tak kiralah siapa juga yang

terlibat Yang Berhormat, kita pasti akan ambil tindakan *nobody is above the law*. Jadi, masalah yang kita hadapi ialah kerana kawasan kita ini luas Yang Berhormat, namun demikian kita dapati kerajaan telah menempatkan lebih kurang 12,520 orang pasukan gerak am di seluruh negara untuk menjaga sempadan-sempadan kita. Terima kasih.

3. **Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah pihak kerajaan bercadang untuk menghentikan pengeluaran kereta Perdana V6, 2000CC yang mengalami kerosakan "gear box", sehingga ia dikaji dan diselidik dan punca masalah dikenal pasti, serta diselesaikan sepenuhnya supaya tidak berulang dan barulah dikeluarkan semula.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Mah Siew Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat segala urusan melibatkan operasi termasuk membuat keputusan sama ada untuk menghentikan pengeluaran kereta Perdana V6, 2000CC yang mengalami kerosakan dengan izin, *gear box* dan sebarang kajian mengenainya adalah di bawah budi bicara pihak pengurusan Proton untuk membuat keputusan. MITI tidak terlibat dalam menentukan tindakan-tindakan yang wajar diambil oleh Proton dalam pengeluaran kereta. Menurut pihak Proton ketika dihubungi, adalah tidak benar bahawa terdapat kerosakan mekanikal terhadap *gear box* dengan izin, bagi kereta Perdana V6. Oleh itu,

Proton tidak mempunyai sebab untuk menghentikan pengeluaran kereta Perdana V6 tersebut.

Proton menegaskan adalah penting untuk mematuhi jadual penyelenggaraan yang ditetapkan dan mengikut spesifikasi dan jumlah pengisian minyak gear yang telah ditetapkan. Menurut Proton juga, walau pun tiada sebarang masalah berkaitan dengan gear boxnya dengan izin, Proton sentiasa mengambil langkah yang proaktif untuk meningkatkan mutu dan prestasi produk pengeluarannya dengan mengadakan sesi dengan pengguna dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sebenarnya sungguh kecewa mendengar jawapan yang telah disampaikan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi. Tuan Yang di-Pertua, Proton V6 ini dinaiki oleh Perdana Menteri, Tuan Yang di-Pertua sendiri, Menteri-menteri, Proton Executive V6 ini dinaiki oleh semua ketua-ketua jabatan dan hari ini kita mendapat jawapan daripada pihak pengurusan Proton mengatakan mereka tidak menghadapi masalah ini, nampak sangat mereka tidak ada satu cara untuk mengenal pasti dengan izin, Tuan Yang di-Pertua *reaching out* untuk mengenal pasti apakah masalah yang di alami oleh pengguna-pengguna Proton ini.

General Motors Corporation, Perbadanan General Motors telah menarik balik 93 ribu unit kereta sedan Aurora pada tahun 1997 kerana berlaku kebocoran di dalam sistem *fuel pumpnya* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dan mereka mengekalkan kualiti produk mereka sehingga hari ini. Proton, bagaimana kita hendak menghadapi cabaran pasaran masa kini, jika masalah *gear box* yang dialami seorang, saya sebut seorang sahaja, Exco Kerajaan Negeri Melaka yang terpaksa meletakkan kereta mereka di tepi *traffic light* kerana mengalami masalah *transmission*. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita ada kereta sedang Mitsubishi, Toyota, Mazda yang mempunyai faktor-faktor keselamatan yang tinggi, menyediakan *dual air-bag system* sekurang-kurangnya dalam kereta sedang itu. Bagaimanakah sikap proton terhadap masalah ini sedangkan kita berhadapan dengan cabaran yang lebih besar, faktor keselamatan yang akan mengancam Tuan Yang di-Pertua kita, Perdana Menteri ketika berada dalam kereta. Saya hendak tahu sikap Proton terhadap penambahbaikan dan bagaimana masalah ini dianggap oleh Proton sebagai tak ada masalah sedangkan ribuan pengguna menghadapi masalah ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mah Siew Keong: Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat. Pagi tadi saya sendiri pun ada telefon Proton bagi memastikan dan jawapan Proton adalah 'gear box' bukan satu masalah – itu jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya tegaskan, Proton adalah sebuah syarikat yang disenaraikan di bursa saham, dia ada Lembaga Pengarah, ada pengarah Urusan sendiri dan operasi harian ditetapkan oleh Lembaga Pengurusnya. Pihak kementerian hanya dapat menetapkan polisi dan memberi nasihat. Walau bagaimanapun, kita di MITI pun ada banyak kes yang mana bila Proton tidak respons, boleh adu kepada MITI dan MITI telah sampaikan kepada Proton.

Kita berharap bahawa Proton seperti yang.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak ada jawapan lah itu... sebab tidak ada jawapanlah.

Dato' Mah Siew Keong: Sebab tadi saya tegaskan bahawa tanggungjawab operasi adalah di bawah Lembaga Pengurus dan kita pun sama-sama harapkan bahawa semua kritik dan maklum balas seperti yang diberitahu oleh Yang Berhormat Tangga Batu akan disambut baik oleh Proton....[Disampuk] Kita semua walaupun ada pandangan yang berbeza, kita semua hendak Proton berjaya.

4. Puan Lim Bee Kau [Padang Serai] minta menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan persatuan-persatuan belia di negara ini hanya dipimpin oleh golongan pemimpin belia sendiri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, persatuan belia di negara ini adalah tertakluk kepada undang-undang tubuh atau perlembagaan masing-masing dalam soal menentukan kepimpinan dan hal-hal yang berkaitan. Walaupun Dasar Pembangunan Belia Negara mendefinisikan belia iaitu mereka berumur antara 15 hingga 40 tahun namun ia tidak mempengaruhi soal penentuan kepimpinan sesebuah pertubuhan belia terutamanya dari segi umur pemimpin belia.

Berasaskan laporan kajian awal Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia baru-baru ini, 86 peratus belia setuju supaya pemimpin pertubuhan belia berumur 40 tahun ke bawah. Ini adalah berketepatan dengan definisi belia itu sendiri disambung golongan belia sendiri merasakan bahawa pemimpin belia yang berumur 40 tahun ke bawah lebih memahami kehendak dan keperluan belia lebih lasak dan aktif.

Kementerian Belia dan Sukan sedang dalam proses penggubalan sebuah draf akta belia yang antara lain akan menentukan kedudukan perkara berkaitan had umur ahli dan pemimpin belia di samping perkara-perkara lain yang berkaitan dengan pembangunan belia. Draf akta belia ini perlu dilihat secara positif dan terbuka khususnya oleh pemimpin belia sedia ada demi untuk kecemerlangan pembangunan belia di negara ini. Terima kasih.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen yang telah memberikan jawapan. Daripada kajian yang telah dilakukan memang telah dibuktikan bahawa belia sendiri memang berminat supaya persatuan-persatuan belia ini di pimpin oleh belia-belia sendiri, kerana kita dapati kalau pimpinan itu bukan dari belia mungkin ada masalah generasi *gap* dengan izin, dan ini tidak dapat menyampaikan matlamat yang kita hendak untuk menggalakkan lebih lagi persatuan lagi persatuan belia ini. Adakah pihak kementerian mengkaji sama ada, adakah kemungkinan terhadap belia-belia ini mempunyai masalah keyakinan diri untuk sendiri untuk memimpin persatuan-persatuan tersebut. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang sebelum akta ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, persatuan pertubuhan, pertubuhan ini di bawah bidang kuasa *Registrar of Societies* dengan izin. Oleh yang demikian, mereka ada perlembagaan mereka tersendiri. Tetapi selepas - mudah-mudahan selepas akta belia, kita dapat menyusul dan membawa persatuan-persatuan tersebut di bawah bidang kuasa Kementerian Belia dan Sukan. Ada kebaikan dan keburukannya oleh pemimpin-pemimpin yang lebih umur 40 tahun.

Untuk makluman Dewan yang mulia, 74 peratus bersetuju umur belia dihadkan kepada 40 tahun. Sebab-sebab yang diberikan mengikut susunan keutamaan ialah sesuai dengan gelaran belia, memahami golongan belia, lebih lasak dan aktif, beri pendedahan kepada belia dan mengurangkan belia yang tidak aktif tetapi kementerian juga telah mengambil maklum balas mengenai kepimpinan belia yang melebihi umur 40 tahun. Ini adalah 61 bersetuju pemimpin belia yang berumur melebihi 40 tahun dihadkan untuk pemimpin selama dua penggal. Ini adalah kerana Yang Berhormat dan Dewan yang mulia kerana mereka ini banyak berpengalaman dan elakkan pemimpin memonopoli persatuan, menjadi penasihat, mendidik pelapis dan seterusnya.

Oleh yang demikian kita akan - pada masa sekarang kementerian mengadakan bengkel-bengkel akta belia, mengenal pasti bidang dalam akta belia, mendapatkan pandangan Jabatan Peguam Negara, penyediaan draf cadangan sedang dijalankan, mesyuarat jawatankuasa bersama Kementerian Belia dan Sukan dan MBM sedang dijalankan, draf akta belia dibincangkan dalam MPBM, draf akta belia dikemukakan kepada Jabatan Belia dan akhir sekali draf belia ini akan dibentangkan di Parlimen, pada penggal yang akan datang. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, berbaloi Tuan Yang di-Pertua saya mai jauh-jauh pagi, ini tiga jam setengah dari Alor Setar Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengar fasal kementerian draf tu, draf ni, pelan tu, pelan ni, tiap-tiap kali jawapan daripada pihak kementerian, satu. Yang keduanya faktor umur menjadi kepimpinan itu tak payah kira, pak yang tua pun boleh bela anak, Tok Wan yang tua pun boleh bela cucu. Jadi, yang tu, faktor umur tidak mengambil kira asalkan kepimpinan dia bagus. Cuma satu saya nak tanya, "Vanakam". *[Ketawa]*

Saya nak tahu kepada kementerian selain daripada program masa jangka masa panjang yang didrafkan yang dibincangkan yang akan dimasukkan di dalam Dewan Rakyat dan sebagai apakah perancangan-perancangan jangka pendek, contohnya pada ketika kita nampak belia-belia yang merayau dengan motor Tuan Yang di-Pertua, belia-belia yang melepak-melepak ini, apakah tidak ada satu pasukan untuk mendekati mereka, memahami mereka dan membawa mereka balik ke kepada jalan yang sesuai dengan umur mereka kerana kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, kita pergilah *supermarket* mana-mana pun melepak-melepak..

Kita tengok di sebelah petang motor yang dua roda itu jadi satu roda. Jadi, kalau perkara ini kita biar, ini jangka pendek yang harus kita *curb*. Sabitlah itu berlaku pukulan sampai mati, berlaku rogol, berlaku dadah dan sebagainya. Jadi, program ini bagaimanakah pihak kementerian akan atasi selain daripada draf-draf yang belum selesai setelah 47 tahun kita merdeka? Jadi, apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, akta ini ialah ke arah apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ah, panjang tanya, jawab macam itu sahaja? *[Ketawa]* Maksud saya perancangan.

Tuan Sa. Vigneswaran: Okay. Tidak. Yang saya hendak....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bercakap Tamil]* *[Ketawa]*

Tuan Sa. Vigneswaran: Yang Berhormat, walaupun soalan ini berkenaan dengan akta dan apa yang ditanya oleh Yang Berhormat ini luar daripada soalan pokok, saya akan cuba jawablah.

Yang Berhormat, masalah dadah, lumba haram, semua masalah berkenaan dengan belia ini, memang Kementerian Belia dan Sukan yang kena hentam walaupun ini adalah dalam bidang kuasa beberapa kementerian. Walau bagaimanapun, kita memang suka mengambil cabaran-cabaran yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Tetapi Yang Berhormat kena beri masa kepada kita Kementerian Belia dan Sukan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, maksud Yang Berhormat bagi Jerai tadi jikalau belia-belua suka berlumba maka haruslah diadakan tempat untuk mereka berlumba. Kemudahan.

Tuan Sa. Vigneswaran: Itu memang ada Tuan Pengerusi. Tempat berlumba memang ada tetapi apa yang dimaksudkan adalah cara minda pemikiran belia-belua kerana telah dipengaruhi oleh lumba haram. Terima kasih.

5. **Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah atau program yang diambil oleh kerajaan bagi memberi kesedaran kepada penduduk luar bandar seperti di rumah-rumah panjang di Sarawak terhadap pencegahan dan pengawalan api dan cara-cara memadam dan mencegah merebaknya api semasa kebakaran.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sedar risiko yang dihadapi oleh rumah-rumah panjang apabila terlibat dengan kebakaran. Ini termasuk kehilangan nyawa dan harta benda serta ditambah pula dengan kesukaran untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat memandangkan kebakaran disebabkan kedudukan rumah-rumah panjang yang agak terpencil. Bahan pembinaan yang digunakan untuk membuat rumah pula lazimnya dari jenis yang mudah terbakar.

Menyedari hakikat ini, kerajaan telah menjalankan pelbagai langkah bagi meningkatkan kesedaran orang ramai yang ditujukan khusus untuk penghuni-penghuni rumah panjang di Sarawak. Antara program-program yang dijalankan ialah:

- (i) mengadakan ceramah-ceramah keselamatan kebakaran dari rumah panjang yang dilakukan oleh balai bomba mengikut kawasan masing-masing. Program tersebut telah dilaksanakan semenjak tahun 1984 lagi. Contohnya, di antara bulan Mei 2004 hingga bulan Mei 2005 sebanyak 37 buah rumah panjang telah dikunjungi dan seramai 4,764 penghuni terlibat dalam aktiviti yang dijalankan;
- (ii) mengedarkan *pamphlets*;
- (iii) mengadakan latihan tatacara mengguna alat pemadam api;
- (iv) menjalankan latihan pengosongan bangunan jika berlaku kebakaran di rumah panjang; dan
- (v) menggalakkan penubuhan pasukan bomba sukarela di rumah-rumah panjang dengan memberi bantuan peralatan seperti pam angkut dan *hose* dari pihak kerajaan.

Sekian.

Tuan Aaron Ago Dagang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri atas jawapan. Soalan tambahan, di Sarawak kebakaran rumah-rumah panjang sering berlaku. Jadi, akibat itu ramailah mangsa kebakaran yang sememangnya penduduk luar bandar yang miskin mengalami kesulitan untuk mulakan hidup baru, lebih-lebih lagi membina semula rumah mereka. Kita juga ketahui sumbangan kerajaan kepada mangsa kebakaran melalui jabatan kebajikan negeri adalah sangat kecil iaitu merupakan RM2,500 sebagai pemberian *temporary relief* untuk membeli bahan makanan dan membuat *temporary shed*, dan RM2,500 lagi bagi pendahuluan untuk membeli bahan binaan.

Jadi, dalam tahun 2003, 2004 di kawasan saya sendiri ada empat buah rumah panjang telah terbakar. Ini melibatkan lebih kurang 75 buah keluarga dan mereka sekarang ini masih tinggal di pondok-pondok kecil di tepi sungai dan di tepi jalan. Sebagai wakil rakyat kita memang sentiasa memberi bantuan seperti meratakan tempat rumah baru

mereka tetapi selepas dua tahun, tiga tahun ini mereka masih belum mampu lagi membina rumah.

Jadi, soalan saya adalah, adakah kerajaan berminat ataupun boleh memberi *soft loan*, dengan izin, kepada mereka ini di antara RM20,000 atau RM30,000 supaya mereka ini dapat mendirikan rumah baru mereka? Kedua, sekarang ini kita juga ketahui bahawa ada satu program Rumah Mesra Untuk Rakyat Miskin. Bolehkah bantuan ini diberikan kepada mangsa-mangsa kebakaran ini? Terima kasih.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kanowit. Di kawasan saya samalah ada masalah begitu. Saya faham sangat kesulitan wakil rakyat Barisan Nasional dari Sabah dan Sarawak. Untuk bantuan kewangan kepada penghuni-penghuni di rumah panjang jika terbakar, Jabatan Kebajikan telah memberi bantuan. Contohnya satu keluarga berapa dia punya gaji, bantuan beli buku teks, baju dan makanan untuk satu minggu dan lain-lain. Itu memang ada.

Dari kementerian saya, saya difahamkan pada tahun hadapan Kerajaan Persekutuan sendiri akan memberikan peruntukan bantuan di dalam bentuk pinjaman – satu pintu RM5,000. Peruntukan RM5 juta untuk Sabah dan jumlah yang sama untuk Sarawak. Saya harapkan Yang Berhormat bagi Kanowit boleh beritahu semua penduduk yang kena kebakaran secepat mungkin menghantar permohonan pinjaman wang untuk membina balik rumah mereka.

Tambah pula saya telah menyambut Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara melawat Sarawak dua bulan yang lalu untuk mereka faham apa kesulitan kerana di Sarawak lebih kurang satu tahun dua buah rumah panjang terbakar iaitu kami sekarang masih kaji ada satu program yang baru khasnya untuk memberi bantuan kepada penduduk-penduduk di luar bandar termasuk penduduk-penduduk di rumah panjang.

Tentang rumah mesra, sekarang program rumah kos rendah dilaksanakan oleh dua pihak, satu ialah Syarikat Perumahan Negara Berhad, iaitu di bawah Kementerian Kewangan. Tarif KPKT, kami hanya melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR). Saya pun seru Ketua Pengarah kaji kemungkinan kita melaksanakan Program PPR di Sabah dan Sarawak, di luar bandar.

Tetapi mungkin ada masalah ialah tanah itu belum sukat sama ada atau tidak *title*, dengan izin, ada kesulitan di situ, kami sedang meneliti. Saya harap tidak lama lagi mungkin Rancangan Malaysia Kesembilan kami akan mengeluarkan satu program khasnya untuk memberi bantuan kepada penduduk-penduduk di luar bandar termasuk di Sabah dan Sarawak.

6. **Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak kementerian bagi mengatasi kekurangan barang-barang keperluan harian di Bario dan tindakan untuk menstabilkan harga barangan penting yang melambung tinggi.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, Bario merupakan sebuah perkampungan tanah tinggi Kaum Kelabit yang terletak di Utara Tengah Borneo dan jumlah penduduknya lebih kurang 3,500 orang. Akses perkampungan ini hanyalah melalui udara sahaja, tiada jalan darat mahupun sungai. Penerbangan dari bandar terdekat iaitu Miri mengambil masa kira-kira 45 minit. Kegiatan ekonomi utama penduduk di situ adalah menanam padi.

Pengangkutan untuk mengangkut penumpang ke perkampungan tersebut adalah menggunakan pesawat kecil yang diusahakan oleh Penerbangan Malaysia MAS, sementara pengangkutan kargo udara menggunakan *Sky Van* yang diusahakan oleh sebuah syarikat persendirian. Bekalan barang-barang keperluan harian ke Bario adalah dihantar dari Miri atau Marudi dengan menggunakan pengangkutan *Sky Van* ini.

Kekurangan barang-barang keperluan ini boleh terjadi jika berlaku gangguan dalam bekalan barang-barang tersebut serta gangguan dalam sistem pengangkutan. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna membuat pemeriksaan dan pemantauan ke atas perkampungan tersebut bagi memastikan bekalan barang-barang keperluan sentiasa mencukupi.

Harga barang-barang di Bario adalah secara umumnya tinggi berbanding kawasan-kawasan lain. Namun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna mendapati ini adalah kerana faktor kos pengangkutan udara bagi mengangkut barang-barangan daripada pembekal-pembekal di bandar-bandar yang berhampiran seperti Miri dan Marudi adalah tinggi.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna akan terus melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan ke atas harga dan bekalan barang-barang keperluan di perkampungan tersebut bagi memastikan bekalan barang-barang sentiasa mencukupi dan harga yang dijual adalah munasabah setelah mengambil kira kos yang dikenakan bagi mengangkut barang-barang ke perkampungan tersebut. Terima kasih.

Tuan Henry Sum Agong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan yang diberikan. Memandangkan harga barang-barang keperluan harian di kawasan Bario terlalu tinggi seperti mana yang dikatakan juga oleh Timbalan Menteri tadi, untuk makluman Dewan yang mulia ini satu beg simen untuk kita bangunkan rumah adalah RM150 se beg, begitu juga kos tong gas. Satu tong gas bukan termasuk dia punya tong tetapi isinya, RM150 juga satu tong dan, diesel di Bario satu gelen melebihi RM20 harga.

Jadi, soalan saya, adakah pihak kementerian atau kerajaan bercadang untuk melipatgandakan kadar subsidi untuk barang-barang keperluan harian termasuk diesel dan benzin yang sangat diperlukan di kawasan ini. Sekian, terima kasih.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian tidak ada cadangan untuk memberi subsidi untuk mengurangkan harga baran-barang di situ. Apa yang kita nampak, seperti yang disebut tadi, macam segelen minyak diesel harga RM28, kalau kita kira seliter harganya RM1.40 sen, walhal di Sabah harganya adalah RM1.84 sen. Jadi, kalau kita ambil seperti gula, harganya RM4.30 sekilogram di Bario, harga pasaran di Sabah adalah RM1.40 sen. Tepung gandum RM3.50, harga adalah RM1.20 sen.

Harga yang mahal adalah bagi gas petroleum dan juga bagi simen. Kebanyakan penduduk di Bario menggunakan bahan kayu dan lain-lain untuk masak dan lain-lain. Kita juga tidak menerima begitu banyak aduan daripada penduduk-penduduk Bario. Saya ucapkan terima kasih kepada penduduk Bario, walaupun tidak ada subsidi mereka sanggup menjalankan urusan harian tanpa subsidi itu. Ini adalah salah satu perkara yang boleh dicontohi oleh penduduk-penduduk lain yang boleh hidup tanpa subsidi.

Jika, ada permohonan khas, saya minta Yang Berhormat Ahli Parlimen itu membuat permohonan untuk pertimbangan kementerian saya. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kekurangan barang-barang keperluan bukan sahaja di Bario tetapi di merata-rata tempat di negara ini. Dan, apakah kerajaan akan memastikan bahawa di setiap tempat, lebih-lebih lagi di luar-luar bandar bahawa barang-barang keperluan itu ada dan harga-harga yang ditetapkan oleh kerajaan akan dipatuhi oleh peniaga-peniaga bila menjual atau diperolehi oleh masyarakat.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sebut tidak mencukupi barang-barang di Bario. Harganya tinggi tetapi bekalan memang mencukupi. Kementerian saya membuat pemantauan setiap kali dalam setahun di kawasan itu. Di seluruh negara kita membuat pemantauan tiap-tiap minggu dan kita dapati bahawa barang-barang keperluan mencukupi, tidak ada masalah dengan barang-barang keperluan itu.

Masalah yang kita hadapi sekarang adalah kita ambil tindakan atas penjual-penjual yang menjual dengan harga yang ditetapkan itu. Setakat tahun ini kita ada sebanyak 236 kes di mana ada yang menjual lebih daripada harga yang telah ditetapkan dan kita telah mengambil tindakan. Kita akan terus mengambil tindakan jika kita dapati ada

yang menjual lebih daripada harga yang ditetapkan. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat, barang-barang keperluan cukup dalam negara kita. Terima kasih.

7. **Datuk Richard Riot Jaem [Serian]** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Sistem Penilaian Pembelajaran Interaktif Dalam Darjah (ICELS) yang diheboh-hebohkan baru-baru ini akan diperkenalkan di sekolah-sekolah di seluruh negara. Sila nyatakan dengan lebih lanjut apakah ICELS ini.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, sistem ICELS atau *Interactive Classroom E-Learned System* ini telah dilaksanakan secara meluas di Taiwan dan juga dilaksanakan secara rintis di United Kingdom. Kajian *test run* kepenggunaan sistem ini telah dilaksanakan di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu, Negeri Sembilan bagi melihat kesesuaian penggunaan di sekolah-sekolah Malaysia.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pelajaran memang berhasrat untuk membistarkan sistem pendidikan di negara kita. Dalam hubungan ini sistem ICELS boleh dilihat sebagai salah satu usaha inovasi penambahbaikan dan nilai tambah terhadap keberkesanan sistem penyampaian pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Menjimatkan kos perolehan, penyediaan infrastruktur memandangkan sistem ini boleh diintegrasikan dengan sumber dan infrastruktur yang sedia ada di sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ICELS merupakan satu sistem yang dapat merekod prestasi kefahaman pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Guru, melalui ICELS boleh mengenal pasti tahap kefahaman pelajar semasa sesuatu pengajian dilakukan di bilik darjah. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih di atas laluan yang diberi. Sistem ini saya kira adalah merupakan satu sistem yang direka cipta di luar. Apa salahnya kalau kita mengambil sistem-sistem yang dicipta daripada tempatan? Misal kata di Terengganu dalam usaha mempertingkatkan UPSR, kita ada sistem yang disebut sebagai *e-pantau*, *e-monitoring* ini telah terbukti ada kesan-kesan yang cukup positif. Apa salahnya kalau produk-produk tempatan (*local*) yang boleh digunakan dan dimanfaatkan secara menyeluruh di sekolah-sekolah yang lain.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju pandangan Yang Berhormat bahawa kita tidak semestinya melihat dari luar. Sebenarnya orang tempatan pun sudah sampai ke satu tahap untuk pandai untuk mengeluarkan perisian untuk tujuan pendidikan. Jadi dalam hal ini memang Kementerian Pelajaran dengan minda yang terbuka untuk melihat segala usaha untuk membantu kita mencapai matlamat pendidikan ditujukan. Terima kasih.

[Soalan No. 8 – Y.B. Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Said (Kota Belud) tidak hadir]

[Soalan No 9 – Y.B. Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) tidak hadir]

10. **Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) berapakah peratus hutan simpan yang terdapat di Malaysia; dan
- (b) bagaimanakah tindakan Jabatan Perhutanan Malaysia dalam menangani masalah pembalakan haram.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga Disember tahun 2004, Malaysia masih mempunyai kawasan hutan simpanan kekal seluas 14.45 juta hektar atau pun 44% daripada jumlah keluasan tanah negara.

Dalam usaha untuk menghalang pembalakan haram di Malaysia, Jabatan Perhutanan sentiasa menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan Undang-undang Hutan di semua negeri melalui perundangan hutan yang berkenaan. Di antara usaha yang dilaksanakan ialah:

- (i) menubuhkan Pasukan Penguatkuasaan Hutan di peringkat daerah dan negeri serta *Flying Squad* di ibu pejabat bagi membanteras kes-kes kesalahan hutan;
- (ii) mengadakan rondaan di kawasan sensitif termasuk penggunaan helikopter;
- (iii) menjalankan sekatan jalan raya dari semasa ke semasa bagi mengawal pergerakan kayu-kayu balak;
- (iv) menggunakan teknologi penderiaan jauh, dengan izin *remote sensing* dan sistem maklum geografi (GIS) untuk mengesan dan memantau aktiviti pencerobohan hutan;
- (v) mengadakan sistem Balai Pemeriksaan Hutan di mana semua lori yang membawa kayu balak dikehendaki mempunyai pas memindahkan yang dikeluarkan oleh Balai Pemeriksaan Hutan; dan
- (iv) menggalakkan masyarakat awam membuat aduan mengenai kegiatan pencerobohan hutan yang disyaki sedang ataupun telah berlaku.

Terima kasih.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang telah diberikan oleh Setiausaha Parlimen. Saya ingin tahu sejauh mana berkesanannya tindakan yang dibuat oleh Jabatan Perhutanan ini kerana pembalakan haram sejak kebelakangan ini, sangat berleluasa. Ia berlaku di Kelantan, di Terengganu, di Pahang dan saya difahamkan bahawa orang-orang yang menjalankan pembalakan ini menggunakan alat-alat kelengkapan yang lebih canggih daripada apa yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan.

Jabatan Perhutanan menggunakan helikopter, dia gunakan helikopter yang lebih *powerful* dengan izin; menggunakan *remote sensing*, dia menggunakan *remote sensing* yang lebih kuat daripada yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Malaysia. Saya ingin tahu sejauh mana keberkesanannya setakat ini kerana kalau tidak dibendung kegiatan pembalakan haram ini ia akan merugikan negara dan merugikan *environment*, dengan izin, dan yang akhirnya akan merugikan generasi kita masa hadapan. Saya ingin tahu daripada pihak kerajaan.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat, sememangnya kita ketahui bahawasanya pembalakan haram dapat kita pantau dan kita kendalikan dengan agak baik tetapi untuk menghapuskan sama sekali pembalakan haram ini sememangnya amat payah sekali dan ada juga pembalakan-pembalakan haram dikategorikan telah dihalalkan di beberapa buah negeri di Semenanjung dengan cara mengeluarkan lesen-lesen seperti melombong atau pun lesen seperti membuat pertanian dan sebagainya tetapi walhal kita tahu tujuan utama ialah untuk mengeluarkan balak.

Saya di sini ingin menyarankan kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya apabila ingin meluluskan sesuatu kawasan yang agak luas untuk tujuan pembangunan seperti melombong dan juga pertanian, hendaklah dibawa kepada Dewan-dewan Perundangan Negeri supaya ia lebih telus dan supaya kita semua dapat menyayangi hutan-hutan kita dan alam semula jadi kita. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tadi jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa kita masih ada lebih kurang 44% kawasan kita yang masih

kawasan hutan. Saya hendak tanya sedikit, soalan tambahan saya mengenai penanaman semula balak ataupun hutan kita.

Seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Temerloh, masalah pembalakan haram ini menjadi suatu masalah yang kritikal pada masa kini. Apakah kementerian Yang Berhormat untuk memastikan bahawa penanaman semula pokok-pokok ataupun hutan kita pada masa yang akan datang ini dapat dijamin bahawa generasi-generasi muda kita masih boleh tengok hutan-hutan yang cantik dan juga hutan-hutan yang berkekalan kehijauannya. Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Sebenarnya di dalam pembalakan di dalam hutan-hutan simpan kekal yang dibuat secara lestari iaitu memenuhi kriteria dan garis panduan dan juga mengikut Warta Majlis Perhutanan Negara dan bagi hutan-hutan tersebut apabila dibalak, kita sememangnya mengambil langkah di mana penanaman semula hutan-hutan tersebut dibuat dan *cycle*, dengan izin, yang kita gunakan ialah di antara 25 hingga 30 tahun barulah *compartments* tertentu dapat dibalak kembali.

Ini hanya tertakluk kepada hutan-hutan simpan kekal di bawah Persekutuan, diuruskan oleh Persekutuan melalui Majlis Perhutanan Negara dan setiap lima tahun sekali kita memang ada keluaran *quota* untuk negeri-negeri yang terbabit dalam pembalakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Angka peratusan tadi, berapa peratus?

Tuan Sazmi bin Miah: 44%.

Tuan Yang di-Pertua: 44%.

Tuan Sazmi bin Miah: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: 44%.

11. Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan apakah bentuk ganti rugi dan bantuan yang akan diberi kepada 7 orang pelajar (ISA 7) selepas Mahkamah Majistret mendapati mereka tidak bersalah dan kementerian telah menggantung mereka sebelum keputusan mahkamah tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengajian Tinggi setakat ini tidak bercadang untuk memberi sebarang bentuk ganti rugi dan bantuan kepada tujuh orang pelajar selepas Mahkamah Majistret mendapati mereka tidak bersalah. Tindakan menggantung pelajar-pelajar berkenaan sebelum keputusan mahkamah diperolehi adalah berdasarkan bahawa pelajar-pelajar berkenaan adalah daripada Institut Pengajian Tinggi Awam iaitu UPM, UTM, UM, UiTM yang tertakluk kepada akta berikut:

- (i) Seksyen 15D(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) - memperuntukkan bahawa jika seorang pelajar universiti dipertuduhkan atas satu kesalahan jenayah maka ia hendaklah dengan serta-merta digantung menjadi seorang pelajar universiti dan dia tidak boleh dalam masa menunggu keputusan prosiding jenayah itu tinggal atau masuk dalam kampus universiti itu atau kampus universiti lain;
- (ii) Seksyen 14(1) Akta Institusi-institusi Pengajian Tinggi (Tatatertib) 1976 (Akta 174) bagi UiTM mempunyai peruntukan yang serupa dengan Seksyen 15D(1) Akta Universiti tersebut.

Oleh yang demikian, penggantungan pelajar-pelajar tersebut adalah wajib – *shall* - dan tidak perlu menunggu keputusan daripada mahkamah sebelum penggantungan pelajar-pelajar tersebut dibuat. Sehubungan dengan itu tidak timbul persoalan ganti rugi dan bantuan kepada pelajar-pelajar tersebut kerana penggantungan yang dikenakan ke atas mereka adalah teratur dan menurut undang-undang yang terpakai dan berkuat kuasa.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya rasa kerajaan tidak perlu begitu angkuh sekali. Mahkamah telah memutuskan tujuh orang pelajar ISA ini bebas dan tidak bersalah. Mengikut prinsip undang-undang, *one is presumed innocent until proven guilty*. Apakah tindakan kerajaan ini sejajar dengan apa yang selalu dilaungkan sebagai Islam Hadhari? Salah satu prinsip utama adalah kerajaan yang adil dan beramanah.

Saya pohonlah kepada kerajaan bertindak untuk membantu balik belia-belia kita, mahasiswa kita yang merupakan pemimpin masa depan. Yang Berhormat Menteri kata kalau hendak melabur, melaburkan ke atas belia-belia kita. Saya pohon, apakah kerajaan bercadang meminda akta-akta yang Yang Berhormat katakan tadi agar para belia-belia kita boleh bebas melibatkan diri dalam politik dan juga bebas bersuara untuk negara dan sejajar dengan Islam Hadhari! *[Dewan riuh dengan ketawa]*

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam hal ini memandangkan terdapat rayuan terhadap pelepasan pelajar tersebut ke Mahkamah Tinggi, proses penggantungan pelajar akan berterusan sehingga selesai proses rayuan tersebut. Terima kasih.

12. **Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang sedang dan akan dilaksanakan di dalam memastikan penyelewengan logo atau tanda halal tidak berulang sehingga menjejaskan imej negara selaku pengeluar produk makanan halal.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dari masa ke semasa meningkatkan keberkesanan pemantauan logo Halal agar tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak.

Bagi jangka pendek JAKIM sedang meningkatkan ciri-ciri keselamatan bagi logo Halal seperti menggunakan *bar code* yang membolehkan orang ramai membuat aduan dan mengesan penyalahgunaan logo Halal tersebut melalui sistem SMS. Sistem pengesanan atau pemantauan melalui *bar code* ini akan disiapkan pada penghujung tahun ini. Di samping itu juga, JAKIM sedang berusaha untuk menambah pegawai secukupnya bagi tujuan pemantauan.

Bagi jangka panjang JAKIM sedang menetapkan memantapkan:

- (i) Portal Halal ialah satu laman web JAKIM yang memaparkan maklumat-maklumat mengenai halal seperti permohonan persijilan halal, aduan halal dan direktori halal bagi memudahkan orang ramai mengetahui senarai syarikat-syarikat yang mempunyai sijil pengesahan halal yang sah;
- (ii) Portal Halal JAKIM mempunyai rangkaian dengan agensi-agensi yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan sebagainya;
- (iii) Sistem E-Halal iaitu sistem permohonan persijilan halal secara *online* oleh syarikat-syarikat yang ingin memohon bagi kategori produk ataupun barangan guna, premis makanan atau rumah sembelihan.

Sekian, terima kasih.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih. Apabila kita bercerita berkenaan dengan halal, makanan halal ataupun produk halal kita boleh bahagikan kepada dua, yang pertama ialah berkenaan dengan bahan tersebut dan yang kedua ialah proses untuk menjadikan setiap makanan itu makanan halal.

Apa yang kita dapati sekarang ini ialah setiap makanan ataupun bahan proses tidak mempunyai *ingredients* yang sepatutnya ditulis dalam penghasilan setiap bahan ataupun produk tersebut. Adakah pihak kementerian ingin mencadangkan untuk mewajibkan setiap produk yang dihasilkan dilekapkan dengan *ingredients* tersebut.

Soalan yang kedua, kita dapati juga bahawa industri makanan halal ini merupakan satu industri yang agak besar dan saya juga ingin bertanya adakah pihak kementerian ingin mencadangkan untuk membentuk satu pelan induk industri makanan halal negara untuk menjamin garis hala tuju industri tersebut dapat berkembang dan memberi fokus utama kepada usahawan Melayu? Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sebenarnya sebagaimana yang saya telah sebut dalam jawapan saya tadi, dari segi jangka panjangnya kita akan memantapkan. Sekarang ini mungkin di sana sini ada kelemahan, maka dalam masa yang sederhana dan dalam jangka masa panjang, kita akan memantapkan lagi mana-mana kekurangan yang terdapat dalam makanan halal sama ada bahannya ataupun pemprosesan makanan halal tersebut.

Manakala jawapan kepada persoalan yang kedua iaitu masalah industri makanan halal, saya rasa ini satu peluang yang terbentang luas sebenarnya yang perlu diceburi oleh orang-orang Islam. Sekarang ini boleh dikatakan hampir 20% sahaja dalam industri makanan halal ini dipenuhi ataupun diusahakan oleh pengusaha-pengusaha bumiputera Islam, 80% adalah bukan Islam. Saya rasa ini adalah merupakan satu cabaran yang terbentang luas pada masa hadapan untuk pengusaha-pengusaha makanan halal ini diusahakan oleh bumiputera Islam.

Selain daripada itu, potensi makanan halal ini saya rasa cukup terbentang luas di peringkat Malaysia - dalam negeri dan peringkat antarabangsa sebab di negara-negara Timur Tengah dan juga negara-negara Islam yang lain mengharapkan kita memberi sumbangan yang begitu besar untuk menghasilkan makanan ataupun produk sama ada halal *food* ataupun halal *products*.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semasa Yang Berhormat menjawab usul saya dalam sesi yang lepas - usul tentang isu halal haram ini, Yang Berhormat menyatakan JAKIM cuma memiliki enam orang pegawai penguat kuasa. Soalan tambahan saya, setakat hari ini berapakah yang telah dilantik sebagai menunjukkan keseriusan kementerian terhadap hal ini dan adakah berlaku sebagaimana yang dijanjikan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri bahawa mereka juga akan membantu pegawai penguat kuasa mereka. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sebenarnya apa yang saya telah sebut semasa menjawab soal usul tergepar dahulu iaitu mengatakan keterbatasan kita dari segi pegawai-pegawai penguat kuasa. Selepas itu ditambah dengan, saya rasa 70 lebih pegawai dan kita agih-agihkan kepada negeri-negeri sebab JAKIM dan juga Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN) yang juga adalah diberi tanggungjawab untuk menguatkuasakan. Sebenarnya ini adalah guna sama pegawai yang telah diagihkan oleh JAKIM kepada JAIN.

Selain daripada itu, kita mendapat kerjasama yang cukup baik daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Dia sendiri mempunyai, kalau saya tidak silap kira-kira 1,600 ataupun 1,800 orang pegawai penguat kuasa yang bersedia untuk membantu bagi penguatkuasaan dalam bidang halal ini. Saya rasa kita mempunyai cukup dengan dibantu oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi soal jawab lisan kita pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)
MENGUTUK SERANGAN BOM DI LONDON

11.07 pagi.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan (2) dengan ini diberi notis bahawa saya akan mengusulkan supaya mesyuarat ini ditangguhkan untuk membincangkan usul yang melibatkan perkara tertentu, berkepentingan ramai dan perlu disegerakan.

Saya Yang Berhormat Salahuddin bin Ayub akan memohon mencadangkan bahawa mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu letupan dan serangan bom dan keganasan yang berlaku di kota raya London.

Tuan Yang di-Pertua, dunia dan warga dunia sekali lagi dikejutkan dengan tragedi yang sangat menggemparkan seperti mana warga dunia tidak pernah terfikir berlakunya tragedi September 11 di kota New York. Kali ini giliran kota London yang dianggap di antara 10 tempat atau bandar raya di dunia yang selamat untuk dikunjungi dan didiami.

Serangan pihak yang tidak bertanggungjawab ini seharusnya dikutuk oleh semua makhluk yang cintakan keamanan dan kesejahteraan. Parlimen Malaysia yang sedang bersidang ini seharusnya mengambil sikap dan pendirian yang tegas untuk memberitahu dunia bahawa kita amat kesal dengan mala petaka angkara manusia yang tidak bermoral ini.

Dengan pendirian kita sebagai Ahli-ahli Parlimen Malaysia yang bersatu teguh tanpa mengira daripada parti mana yang kita wakili adalah satu pembuktian yang konsisten terhadap isu keganasan tanpa mengira sempadan dan batasan agama, negara dan bangsa.

Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahuan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Parlimen bagi kawasan Kubang Kerian pada 8 Julai 2005. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Bagi membolehkan perkara ini dibentangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang Di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara iaitu adalah:

- (i) perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa:-

- (a) tertentu, perkara ini adalah perkara yang tertentu,
- (b) kepentingan orang ramai, ia adalah bagi kepentingan orang ramai
- (c) berkehendak disegerakan, perkara ini juga perlu disegerakan.

Oleh yang demikian saya membenarkan Usul ini dibahaskan.

Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)(b) usul ini hendaklah ditempohkan hingga jam 4.30 petang dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya membenarkan pihak pencadang membahaskan selama masa 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan menjawab selama 30 minit. Sekian.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG BANK DAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG BANK ISLAM (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bank Islam 1983; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [7 Julai 2005]

Tuan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Menteri menyambung menjawab.

11.13 pagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya konsep negara Islam....

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bukit Gelugor hendak minta penjelasan ke atas apa yang telah Yang Berhormat berucap. Minta penjelasan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya hendak menyambung.....

Tuan Yang di-Pertua: Belum lagi, belum lagi Yang Berhormat.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya hendak sambung semula

Tuan Yang di-Pertua: Biar Yang Berhormat berucap dahulu lepas itu hendak minta penjelasan boleh ya. Sila.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:tentang negara Islam yang ditimbulkan ramai oleh ahli-ahli yang sebahagiannya telah pun saya sebut dalam penggulungan yang telah diberikan peluang pada saya tetapi tidak sempat keseluruhan maka dalam penggulungan pada pagi ini saya akan sambung untuk menyebut. Sebenarnya konsep negara Islam tidak terdapat dalam Al-Quran dan Sunah iaitu ia bererti nas Al-Quran dan

Sunah tidak menyebut dengan jelas perkara ini. Dan dalam Al-Quran ada menyebut di antaranya (*membaca sepotong ayat Al-Quran*) yang bermaksud “negara yang baik dan mendapat keampunan Tuhan”, itu ada disebut di antaranya. Oleh itu ulama-ulama mutakaddimin, ulama terdahulu tidak membincangkan istilah negara Islam itu. Tetapi ulama-ulama mutaakhirin, ulama yang terkemudian ada menyebut tentang konsep negara Islam oleh itu ianya termasuk dalam perkara-perkara Isithadiah iaitu perkara-perkara yang ada ruang untuk berbeza pendapat, ada ruang untuk berbeza pendapat.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan bagi Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua apa yang penting adalah dalam konteks apa yang dikatakan tadi oleh Menteri bahawa Mahkamah Agong ada dalam tahun 1988. Apa yang saya katakan di dalam Dewan yang mulia ini baru-baru ini, dengan sebulat suara Malaysia adalah suatu *secular state* dan bukan *Islamic state*. Ini adalah diisytiharkan oleh mahkamah yang tertinggi iaitu Mahkamah Agong pada tahun 1988. Kenapa kerajaan tidak mahu menerima tafsiran perkataan ‘Islam’ dalam Perkara 1 mengenai adakah negara ini satu negara Islam atau satu negara sekular.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat daripada Bukit Gelugor, tadi ialah saya telah sebut dalam penggulungan saya yang bahagian pertama sebelum ini iaitu kes tersebut kes Che Umar bin Che Sop melawan pendakwa raya sebagaimana yang disebut iaitu pada tahun 1988 yang disebut dalam MLJ muka surat 55. Kes tersebut ialah keputusan Mahkamah Agong yang diadili oleh 5 orang hakim Mahkamah Agong saya rasa itu yang dikehendaki ya. Sebenarnya keputusan kes tersebut tidak sekali-kali memutuskan bahawa Malaysia adalah sebuah negara sekular dan bukan negara Islam kerana kes tersebut menyatakan bahawa undang-undang yang terpakai ialah undang-undang sekular dalam kes ini. Itu bermaksud undang-undang yang terpakai dalam kes ini ialah undang-undang sekular dan ia tidak menyatakan negara ini negara sekular, dua keadaan yang berbeza. Kerana kes tersebut berkaitan dengan kes dadah sebenarnya apabila kita baca dalam jurnal tersebut. Peguam tertuduh berhujah bahawa dalam penghujahannya hukuman mati mandatori bagi pengedaran dadah adalah bertentangan dengan Islam kerana dia berhujah mengikut Perlembagaan, Perkara 3 yang menyebut maknanya Islam adalah agama Persekutuan, itu hujah daripada pihak peguam bela daripada tertuduh tadi. Jadi kelima-lima Hakim Mahkamah Agong telah menolak penghujahan peguam tersebut. Dia hendak tolak penghujahan yang dikatakan tidak boleh jatuhkan hukuman bunuh tadi kerana berdasarkan perkara dalam Perlembagaan Perkara 3. Sebenarnya dia tidak mengatakan Malaysia negara sekular mengatakan bahawa undang-undang yang dipakai dalam pengadilan itu adalah undang-undang sekular. Jadi bukan menolak Malaysia sebagai negara sekular itu yang kita boleh baca dalam penghujahan itu.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ok saya teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan, ada.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh: Kesimpulan keputusan dalam kes itu Che Umar Che Sop lawan pendakwa raya adalah ini ada kesimpulan iaitu tafsiran Islam dalam Perkara 3 bermakna itu adalah bagi ritual-ritual Islam sahaja. Dan oleh itu Malaysia bukan jadi satu negara Islam tetapi satu negara sekular. Itu jadi kesimpulan ‘*ratio decidendi*’ di dalam kes itu barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak faham....

Cik Fong Po Kuan: Menteri...

Tuan R. Karpal Singh: menteri tidak faham undang-undang dan apa yang diputuskan janganlah memutuskan dalam kes Che Umar. Barangkali boleh dapat nasihat daripada Peguam Negara untuk mendapat tahu dengan teliti apa jadi 'ratio decidendi' dalam kes itu.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Habis?

Tuan R. Karpal Singh: Habis.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ok sama ada saya tidak faham ataupun Yang Berhormat daripada Bukit Gelugor tidak faham. Dua kemungkinan. Ini tafsiran sahaja, tafsiran sahaja. Makna pihak Yang Berhormat Bukit Gelugor mentafsirkan begitu, saya mentafsirkan berdasarkan pemahaman saya dan isu ini terbuka luas.....

Tuan R. Karpal Singh: Bukan tafsiran saya, ini tafsiran Mahkamah Agong.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tidak ada, Mahkamah Agong memutuskan bahawa – ini dalam kes penghujahan daripada peguam dia dalam kes pengedaran dadah.

Yang telah saya sebut tadi dia kata, tidak boleh hukum mati kerana ini adalah negara Islam, kata dia. Maknanya, kerana berdasarkan Perlembagaan, Islam agama Persekutuan. Tetapi dia tolak penghujahan itu kerana undang-undang yang dibicarakan, yang membicarakan kes ini.....

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan, penjelasan.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia minta penjelasan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Jadi, dia tidak. Dalam kes yang tertentu ini, tidak menyatakan Malaysia sebagai negara sekular. Itu cukup jelas.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor minta penjelasan.

Cik Fong Po Kuan: Minta izin, minta penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Isu dalam kes itu adalah lain iaitu hukuman mati tentang dengan Islam dan oleh itu, Mahkamah Agong terpaksa untuk memutuskan negara ini bukan negara Islam, tetapi negara sekular dan oleh itu, undang-undang sekular yang terpakai. Itu apa yang asalnya jadi *ratio decidendi*. Keputusan sebulat suara bagi lima hakim dalam kes Encik Omar bin Encik Soh lawan pendakwa raya. Adakah itu benar? Jika tidak benar, bolehkah dapat satu pandangan daripada Peguam Negara?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tidak ada. Ini saya rasa tafsiran sahaja dan ini terserah. Dalam kes negara Islam, sebenarnya adalah berdasarkan kepada tafsiran masing-masing. Terserahlah kepada tafsiran Yang Berhormat sedemikian, itu terserah. Ini tafsiran yang telah saya buat ini adalah tafsiran saya, berdasarkan kepada saat pertama. Saya tidak berhujahkan dengan

Tuan R. Karpal Singh: [Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ini fakta yang telah diselewengkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor. Dia kata untuk lima hakim Mahkamah Agong mengisytiharkan Malaysia sebuah negara sekular, tidak dalam kes itu kerana dia berhujah dari segi undang-undang sahaja. Saya rasa tidak apalah. Kes ini maknanya terhadap tafsiran sahaja. Mungkin daripada DAP menyatakan Malaysia bukan negara Islam, itu terserah kepada pentafsiran. Ini terbentang luas, dengan peruntukan ini Islam agama Persekutuan dengan memberi kebebasan kepada agama-agama lain mengamalkannya, itu terserah. Maknanya, ini tafsiran daripada kita. Jadi mungkin berbeza. Kalau kes ini

diterima oleh pihak, saya rasa Bukit Gelugor dia kata tidak ada isu lagi untuk diperjuangkan dalam DAP. Boleh saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia hendak minta penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Minta penjelasan.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan dengan izin, minta penjelasan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Berapa kali hendak penjelasannya? Berpuluh kali hendak penjelasan. Ini merupakan tafsiran.

Seorang Ahli: Cukup.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Cukuplah tafsiran, boleh berbeza pendapat. Ini hendak penjelasan pun, itulah. Apabila saya bercakap berbuih pun, you kata ini mahkamah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ingin memberikan laluan untuk Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak mahu beri.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timor.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tidak mahulah. Kes yang sama juga. [Dewan gamat seketika]

Tuan Lim Kit Siang: Bukan tafsiran, bagi satu peluang.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey, boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Perkara ini bukan tafsiran DAP atau tafsiran Barisan Nasional atau Yang Berhormat Menteri. Perkara ini ialah satu *binding precedence*, satu undang-undang yang ditetapkan oleh mahkamah yang tertinggi di negara kita. Dalam kes yang ada disebut, yang ada dibincangkan, ialah Cik Omar bin Cik Soh vs Public Prosecutor (1988). Lord President masa itu Tun Salleh Abas dia ada kata dan saya *quote*, petikan. *"There can be no doubt that Islam is not just a mere collection of dogmas and rituals but it is a complete way of life covering all fields of human activities may they be private or public, legal, political, economic, social, cultural, moral or judicial."* Itulah tafsiran semua Yang Berhormat Menteri. Itu tafsiran.

Tetapi beliau dan Mahkamah Agong rejected the contention that the term. Itu apa yang mustahak. Islam dan agama Islam, *the Islamic religion* dalam Perkara 3, Artikel 3, dengan izin, *is an all-embracing concept, as is normally understood, which consists not only the ritualistic aspects but also a comprehensive system of life, including its jurisprudence and moral standards as this was not the meaning intended by the framers of the Constitution* dan kita ada dalam *White Paper* sama ada *White Paper* mengenai *Reid Commission Report* atau laporan *Reid Commission*, sangat jelas bahawa peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan, tidak bererti bahawa Malaysia, sungguhpun ada peruntukan Artikel 3 mengenai Islam sebagai agama untuk Persekutuan, *Religion of the Federation*, ini tidak bererti dan ini dalam bukan sahaja *Reid Commission Report*, dalam *White Paper* Perikatan mengenai laporan itu. Ucapan Perdana Menteri pada masa itu, Tunku Abdul Rahman apabila membentangkan Perlembagaan *Cobbold Commission Report* apabila mengenai penyertaan Sabah, Sarawak ataupun Singapura masuk Malaysia, ada kata bahawa ini bererti *does not imply that Malaysia is not a secular state. It does not imply that Malaysia is not a secular state.* Ertinya ialah Malaysia ialah *secular state*. Malaysia bukan *Islamic state*. Itu bukan tafsiran. Inilah diapplay oleh Mahkamah Agong yang tertinggi. Itulah undang-undang, *the highest law of the land* sehinggakan undang-undang itu diketepikan, sama ada oleh *another judgement* atau oleh pindaan kepada Perlembagaan.

Satu pengisytiharan oleh Perdana Menteri, tidak kira apa kuasa dia, "Maha Kuasa" atau "Tidak Maha Kuasa", tidak boleh tukar undang-undang, tidak boleh pinda Perlembagaan. Itu bukan tafsiran. Itulah *law of the highest court of the land*. Adakah Yang Berhormat Menteri rela mematuhi undang-undang itu yang dibuat oleh Mahkamah Agong atau Yang Berhormat Menteri rasa ini tidak pakai? Kalau begitu, bukankah ini melanggar satu prinsip Islam Hadhari, mematuhi undang-undang, *the rule of law*. Ini adalah, oleh kerana ada sikap semacam itu, menentang undang-undang, menentang Islam Hadhari, yang menunjukkan sendiri *sub vote* Islam Hadhari. [Tepuk]

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Begitu sahajalah. Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Kalau ada dokumen-dokumen yang sebagaimana yang disebut tadi, saya serahkan kepada Tuan Yang di-Pertualah. Boleh kita kaji dan boleh kita lihat. Jadi, saya teruskan dengan perbincangan dululah. Kalau ada apa-apa hendak hujahkan, nanti saya gulung sepenuhnya, kemudian kalau ada lagi, boleh di waktu akhir ini, mula-mula hendak melangkah dah itu, sudah halang dah daripada itu. Jadi, serahkan kepada Tuan Yang di-Pertualah dokumen tadi, boleh kita baca sebab kita hendak baca juga, hendak tahu kedudukan yang sebenar. Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat. [Dewan gamat seketika] Mengikut Peraturan Mesyuarat apa, serahkan dokumen kepada Tuan Yang di-Pertua? Mengikut Peraturan Mesyuarat apa? Tidak ada Peraturan Mesyuarat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hey, jangan bisingslah. Jangan bisings! [Dewan gamat seketika]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini Malaysia, negara Islam!

Tuan Lim Kit Siang: Apa tidak boleh....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Malaysia negara Islam.

Tuan Lim Kit Siang: Sudah kalah, mahu.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Apa ini? Duduklah!

Datuk Bung Moktar bin Radin: Peraturan mana pakai?

Beberapa Ahli: [Menyampuk] [Dewan gamat seketika]

Cik Fong Po Kuan: [Menyampuk]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Duduklah! You jangan memperkecil-kecilkan....

Tuan Lim Kit Siang: Apa guna ini? Apa Tuan Yang di-Pertua itu kena? Itu malulah!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Boleh, Tuan Yang di-Pertua boleh minta. You duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Tidak mahu minta Peraturan Mesyuarat, mengikut apa Peraturan Mesyuarat, apa kertas diserahkan kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukuplah....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Membebel macam hendak beranak sahaja!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Apa.....

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Islam Hadhari.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh makan, derma mahu gila-gila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ehh, Malaysia ini negara Islam. You tidak suka, you keluar dari Malaysia! *[Dewan riuh-rendah dengan pertelingkahan beberapa Ahli Yang Berhormat]*

Cik Fong Po Kuan: *[Menjerit]*

Seorang Ahli: Oii! Samseng duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat, ini mana boleh cakap macam itu. *[Dewan masih riuh-rendah dengan pertelingkahan]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Seorang Ahli: *You get out! This is Malaysia!*

Seorang Ahli: Keluar dari Malaysia.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:tempat dilahirkan. Ini Malaysia, buli kami.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau tidak suka, awak keluar dari sini. *[Dewan gamat seketika]*

Tuan Lim Kit Siang: *Defence with rational. I am not emotional.*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:bukan bagi separuhkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, semua sila duduk!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak habis-habis, membebel sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, semua duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Ini *sedition*, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri jawab terus.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya konsep negara Islam tidak terdapat dalam al-Quran sebagaimana yang telah saya jelaskan tadi, cuma ulama 'mutakhirin' kemudiannya ada menyebut tentang konsep negara Islam.

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, ada Peraturan Mesyuarat.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Kepong duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Semua duduk.

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat 36(10)(c)....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 36?

Cik Fong Po Kuan: (10)(c) - Perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati dan bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia atau melanggar mana-mana syarat dalam Perlembagaan atau Akta Hasutan 1948. Saya pohon Yang Berhormat bagi Jerai

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tarik balik.

Cik Fong Po Kuan: tarik balik. Kalau tidak, rujukkan dia...

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bangun] [Menyampuk] [Dewan riuh semula]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: ...kepada Jawatankuasa...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk] [Menghalakan pandangan ke arah Yang Berhormat Batu Gajah]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai, Jerai, sila duduk, sila duduk!

Cik Fong Po Kuan: *[Menyampuk][Membantah]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat, cukuplah.

Cik Fong Po Kuan: *[Menyampuk] [Masih membantah]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk. Yang Berhormat, sila duduk. Saya hendak minta semua Ahli Yang Berhormat yang terlibat yang ada di dalam Dewan yang mulia ini supaya mematuhi Peraturan Mesyuarat termasuk apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah untuk membolehkan kita memastikan mesyuarat kita dapat dijalankan dengan licin. Yang Berhormat Menteri....

Tuan Chow Kon Yeow: Tuan Yang di-Pertua belum buat keputusan atas apa yang dibangkitkan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk][Dewan riuh semula]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya sudah beri amaran. Saya beri amaran supaya perkara tidak...

Cik Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Masih membantah]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, cukup!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai, tolonglah. Semasa gunakan perkataan-perkataan itu berjaga-jagalah. Cukuplah, cukuplah!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk, sila duduk. Yang Berhormat bagi Jerai, saya nasihatlah. Jadi jangan tunjukkan perasaan ini. Kita sedang bermesyuarat dan Dewan yang mulia ini juga kita perlu dihormati dan mengikuti Peraturan Mesyuarat yang ditentukan oleh kita semua.

Tuan Chow Kon Yeow: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Cik Fong Po Kuan: Ada usul, ada usul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Yang Berhormat, tetapi apa yang dibangkitkan dirujukkan oleh...

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Yang Berhormat, bagi Ipoh Timor, sila duduk, semua duduk.

Tuan Lim Kit Siang: *[Masih Menyampuk]*

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, tidak apa, tidak apa, sila duduk, semua duduk.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Chow Kon Yeow: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Lim Kit Siang: *[Masih Membantah] [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tanjong, Yang Berhormat bagi Tanjong. Yang Berhormat, Yang Berhormat, apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sebentar tadi ialah dia merujuk kepada keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Agong. Jadi sama ada kita terima atau tidak terima, terpulang kepada kita. Jadi ikuti dan patuhilah Peraturan Mesyuarat adalah satu perkara yang perlu kita ingati dan patuhi. Yang Berhormat Menteri, teruskan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, pertama Muhammad bin Hassan....

Beberapa Ahli: *[Masih Menyampuk]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Boleh saya teruskan?

Puan Chong Eng: Tidak boleh.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Awak bukan Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Peraturan nanti diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua dahulu, bukan awak tidak boleh cakap.

Tuan Chow Kon Yeow: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tanjong, ada apa hendak dibangkit?

Tuan Chow Kon Yeow: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Peraturan 26(1)(b) iaitu berkenaan dengan usul supaya dengan hak dan kebebasan semasa kejadian itu berlaku berhubung dengan kenyataan oleh Yang Berhormat bagi Jerai atas soal *Islamic state* bahawa, 'kalau tidak suka boleh keluar dari negara Malaysia dan dihalau dari negara Malaysia'. Saya rasa ini satu perkara yang melanggar Akta Hasutan dan saya membawa usul untuk merujuk beliau kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Sekian.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat mana satu?

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak apalah, Yang Berhormat, saya hendak selesaikan usul yang dibawa oleh...

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya ada usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong dan mengikut Peraturan Mesyuarat, saya perlu serahkan kepada Majlis untuk diputuskan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila duduk, sila duduk.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya pun mahu baca peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti, nanti, nanti. Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong berkaitan dengan usul 26(1)(b), oleh kerana ada yang sokong, saya perlu serahkan kepada Majlis untuk diputuskan. Jadi Yang Berhormat bagi Tanjong ingin membawa usul merujuk kepada Yang Berhormat bagi Jerai ke Jawatankuasa yang berkenaan.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, usul seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat bagi Tanjong perlu dipersetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui]

[Usul tidak disetujui]

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]* *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, teruskan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tuan Yang di-Pertua...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, Muhammad Hassan...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab persoalan yang ditimbulkan, soal berbeza itu biasa. Ini adalah negara demokrasi. Saya telah jawab tadi bahawa saya tidak bersetuju dengan hujah-hujah yang dikemukakan tadi, itu hak saya. Awak hendak pakai atau tidak, maknanya itu terserah. Itu masing-masing menyatakan pandangan dia. Saya tidak boleh paksa saya hendak terima. Itu adalah hak saya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, yang pertama, Muhammad Hassan bin As-Syaibani menyatakan negara Islam ialah negara yang dikuasai dan diperintah oleh umat Islam dan orang-orang Islam menikmati keamanan dan kesejahteraan di dalamnya. Itu yang pertama.

Yang kedua, Muhammad Abu Zahrah menjelaskan negara Islam ialah negara yang berada di bawah kuasa pemerintahan orang Islam, kekuatan dan pertahanannya dikuasai oleh orang Islam.

Yang ketiga, Dr Mohd. Said Ramadhan Al-Booty menjelaskan pelaksanaan hukum-hukum syariah Islam bukanlah menjadi syarat untuk mengiktiraf sesebuah negara itu sebagai sebuah negara Islam. Ini bererti bahawa ada pihak-pihak tertentu mengatakan pelaksanaan hukum Hudud menjadi syarat bagi pengiktirafan sebagai sebuah negara Islam adalah tidak tepat dan bercanggah dengan pegangan umum ulama-ulama yang muktabar iaitu majoriti ulama-ulama Islam.

Saya teruskan kepada persoalan yang kedua pada pagi ini ialah yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Larut iaitu beliau telah membangkitkan apakah peranan JAKIM dalam menangani ajaran salah yang semakin menonjol seperti ajaran Ayah Pin, apakah kelemahan dan kekuatan penguatkuasaan. JAKIM sebab agensi pusat dalam menguruskan hal ehwal Islam di Malaysia telah menyelaraskan tindakan yang sewajarnya terhadap kumpulan-kumpulan yang menyeleweng dari ajaran Islam.

Tindakan secara langsung adalah diambil oleh pihak negeri kerana Islam adalah negeri. Sejak tahun 1970-an sehingga sekarang, JAKIM telah mengenal pasti 95 ajaran sesat dan telah diambil tindakan sewajarnya. Kini hanya tinggal 22 sahaja yang masih aktif. Jumlah ahli semuanya di sekitar 5,000. Ada sesetengah menyebut di antara 2,000 sehingga 5,000 sebab angka yang tepat itu agak sukar untuk memastikannya yang mana 5 daripada 22 ajaran sesat adalah tegar.

Tuan Haji Ismail bin Noh: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Saya tertarik dengan jawapan dan ulasan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri sekejap tadi di mana definisi negara Islam itu dibawa daripada pelbagai kalangan ulama tetapi tidak dimasukkan di sana apa yang ditakrifkan di dalam kitab "Ahkam Zimmi" yang ditulis oleh ulama terbesar, Syeikh Dr. Abdul Karim Zaidan.

Saya rasa takrif yang diberi oleh Yang Berhormat sekejap tadi bukan tidak lengkap tetapi sebagai pelengkapannya iaitu mesti dibawa, takrif yang dibawa oleh Sheikh Dr. Abdul Karim Zaidan malah dalam kitab ini menyebut bahawa negara Islam [*Bercakap dalam bahasa Arab*] negara di mana terlaksananya hukum-hukum Allah S.W.T, jadi, seimbang saya rasa. Saya tidak menolak hasrat kerajaan dan saya tidak menolak hasrat Yang Berhormat. Kelmarin dalam ucapan saya, dua jam suku saya kira, sebahagian besar daripadanya saya menyokong.

Jadi sebagai pelengkapannya, elok kalau kerajaan memasukkan takrif ini sama kerana kita jangan statik, jangan berada di takrif itu sahaja. Jadi kita rasa seronok sebenarnya, kita rasa seronok. Negara Islam negara yang tidak terlaksana hukum Islam, jadi seronok. Cukup dengan takrif tadi - takrif negara Islam iaitu negara yang dipegang kuasanya oleh umat Islam. Kita rasa seronok dengan takrif itu, jadi ikutlah hendak jadi apa pun. Saya rasa tidak betul. Jadi kita kena berusaha sedaya upaya supaya negara kita ini menjadi negara Islam dan apa yang berlaku sekarang ini saya tidak *confirm* sangat sebenarnya selagi terlaksananya hukum Islam. Tok Guru Nik Aziz sebut bahawa tidak kira siapa dia pun, terbuka, secara *open*, toleransi sama ada UMNO atau siapa sahaja yang hendak buat, silalah, tidak ada apa dan kita bukan hendak berebut kuasa. PAS tidak hendak merebut kuasa dalam masalah ini. Sekiranya UMNO boleh buat, kita sokong UMNO. Sekiranya kerajaan boleh buat, kita sokong kerajaan dan tidak perlu lagi kita tiap-tiap malam berceramah itu ini, kalau kerajaan boleh buat, sila. Tinggal lagi, saya katakan tadi supaya seimbang dengan apa yang disebut sebuah negara Islam dan pelaksanaan bersama, jadi itu satu Yang Berhormat Menteri.

Saya melihat mengikut Perlembagaan Malaysia kerana dalam Perlembagaan Malaysia sendiri dan hujah ini dibuat oleh Yang Berhormat bagi Ketereh kelmarin sewaktu menolak apa yang saya cakap. Dalam Perlembagaan Malaysia, saya tidak ingat ceraihan berapa mengatakan bahawa mana-mana peraturan, mana-mana undang-undang yang bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia, maka Perlembagaan Malaysia lebih tinggi daripada mana-mana undang-undang yang dibuat oleh mana-mana Dewan Undangan Negeri. Bermakna di sini, saya nampak undang-undang syariah juga rendah daripada undang-undang di negara kita. Kelantan misalnya, dalam Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan yang kita draf pada tahun 1993 – Enakmen Keluarga Islam Kedua 1993 kalau tidak silap, tidak boleh dilaksanakan sehingga sekarang ini, sehinggalah Perlembagaan Malaysia diubah memberi kebenaran kepada undang-undang tadi dan satu kes yang terbesar di Johor kalau tidak silap saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bukan masa untuk berucap.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tidak, bukan bercakap, ini hendak jelaskan dalam konteks yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Minta penjelasan, tidak payah jelaskan itu untuk Yang Berhormat Menteri.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya minta penjelasan, memang minta penjelasan. Ini tengah-tengah meminta penjelasan. Jadi seorang wanita Johor yang telah ikrar, mengaku bahawa dia telah berzina di waktu itu. Jadi setelah pergi ke Mahkamah Syariah ataupun kepada pihak-pihak yang berkuasa, mereka mengatakan bahawa saya tidak ada peraturan selagi undang-undang negara kita dipinda untuk membolehkan undang-undang syariah. Jadi saya rasa adalah tidak wajar dan tidak adil sekiranya nama sahaja negara Islam tetapi di sana pelaksana Islam tidak sama sejajar dengannya.

Saya bersetuju Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sebagai orang Islam saya bersetuju negara Islam dan seumpamanya tetapi apa yang saya hendak tekankan di sini dan saya menolak sekeras-kerasnya yang mengatakan bahawa syarat Islam itu hudud semata-mata, tidak betul. PAS tidak pernah mendakwa sedemikian. Undang-undang syariah, syarak yang disebut dalam akta yang kita bincangkan kelmarin iaitu syarak yang mengikut apa yang di dalam Mazhab Hanafi, Shafie dan sebagainya. Saya kata bahawa hukum syarak ini iaitu, *[sebutan dalam bahasa Arab]* maksudnya, setiap apa yang disyarakkan oleh Allah, bukan yang disyarakkan oleh Imam Abi Hanifah, bukan yang dibuat oleh Abi Hanifah, Imam Malik ini, tidak.

Syarak ini ialah suatu yang disyarakkan oleh Allah S.W.T cuma mengikut jalan yang dikemukakan oleh Imam Abi Hanifah, yang dikemukakan oleh Imam Abi Shafie. Bukan syarak ertinya yang dibuat oleh Imam Abi Hanifah, tidak betul. Syarak ini, *[sebutan dalam bahasa Arab]* maksudnya, syarak ini Allah S.W.T termasuk wuduk, kisas, termasuk perkara-perkara yang lain yang termuat di dalam Al-Quranul Karim. Adalah tidak betul mengatakan bahawa PAS hanya mendakwa hudud semata-mata, tidak betul. PAS membawa kepada..semulia itu Islam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukup, cukup.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas yang saya rasa telah pun sebut keadaan yang sama dalam penghujahan perbahasan yang lepas dengan begitu panjang sehinggakan Tuan Yang di-Pertua Dewan telah menyebut satu ceramah yang panjang tentang hal ini. Jadi saya rasa, saya tidak perlu respons sebab dibincangkan, dan pertama saya hendak jelaskan ialah kita boleh berbeza pendapat, itu satu yang telah ditetapkan dalam agama sendiri pun boleh berbeza pendapat.

Jadi pada umur istihadah, jadi saya rasa dalam takrif itu ada perbezaan pendapat iaitu saya telah membawa pendapat sekurang-kurangnya tiga tokoh yang saya petik tadi yang memberi laluan bahawa istilah negara Islam itu adalah suatu istilah yang dipersetujui

oleh majoriti besar umat Islam di seluruh dunia yang mengatakan bahawa dari sudut angka telah pun boleh dianggap, kalau majoriti orang Islam sudah boleh dianggap sebagai negara Islam. Itu satu pengertian yang telah pun dipersetujui ramai.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kota Bharu, Sri Gading, Tangga Batu, mana satu?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Oh, okeylah, saya bagi dahulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, di Parlimen ini kita ada parti pembangkang. Istilah negara Islam, tafsiran oleh kita, tidak akan dipersetujui oleh DAP kerana ia ada kepentingan politiknya sendiri dan sudah tentu tidak akan dipersetujui oleh PAS kerana antara ketakutan PAS semasa sekarang, dahulu, kini dan selamanya ialah apabila UMNO mengisytiharkan bahawa negara ini negara Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah soalnya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Akan sampai Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tolong sampai cepat!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Akan sampai cepat Tuan Yang di-pertua. Tuan Yang di-Pertua jangan risau dan jangan gundah gulana. Tuan Yang di-Pertua, inilah tafsiran kita dan tafsiran kita mewakili tafsiran-tafsiran negara Islam seluruh dunia. Namun demikian sebagai parti pembangkang, kerana kepentingan-kepentingan politiknya maka dia tidak akan bersetuju. Dalam negara ini Tuan Yang di-Pertua, siapa pun akan tahu bahawa negara ini untuk orang Islam yang memang dia. Islam tulenlah senangnya. Kita punya fikah, kita punya munakhat, kita punya muamalat, semua sekali - Al Shafie mazhab kita, Al-Sunat Waljamaah, kita yang berani mengisytiharkan ...barulah kita - Imam Shafie, ahli sunnah waljamaah. Itu semua ialah perkara-perkara yang menjadi pokok sebagai negara Islam. Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, kerana perbezaan kepentingan politik, jadi saya agak Tuan Yang di-Pertua pergilah kepada jawapan yang lain pula. Kalau hendak bertengkar cerita ini Tuan Yang di-Pertua, tambah lagi dua minggu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah jawablah, cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Inilah soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada soalan, nasihat sahaja.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ikhlas, inilah soalan saya kepada Datuk Menteri.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Kota Bharu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Maknanya Tuan Yang di-Pertua tidak payahlah hendak layan ini, pindahlah ke subjek lain dalam urusan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kota Bharu ada perkara yang mustahak untuk dikemukakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Terima kasih. Saya ingin penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Mengenai tafsiran dan pendapat itu, saya kira tidak ada kesudahannya kita bercakap mengenainya kerana seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri, itulah tafsiran dan fahaman bahawa Malaysia adalah negara Islam mengikut perkara yang disebutkan tadi.

Tetapi pendapat boleh berbeza. Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah Perlembagaan Persekutuan kita adalah perlembagaan yang tertinggi, undang-undang yang tertinggi di negara kita. Kefahaman ini mustahak kerana kita ingat dahulu bila Tun Salleh Abbas dipecat, salah satu alasan diberi ialah kerana hujah-hujah Tun Salleh yang ingin menyerapkan katanya pentafsiran undang-undang juga perlu kepada mengambil kira nilai-nilai Islam, hukum-hukum Islam dan pertuduhan yang dibuat oleh Peguam Negara pada masa itu, salah satu sebab dia kena pecat ialah kononnya beliau cuba mengambil unsur-unsur yang di luar Perlembagaan dalam menjalankan tugas-tugasnya sebagai Ketua Hakim Negara.

Perkara ini mustahak kita faham di mana *private opinion* kita ataupun pendapat kita yang persendirian dan dalam usaha kita menjalankan tugas kita sebagai sebuah kerajaan. Saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa Perlembagaan Persekutuan yang ada hari ini ialah undang-undang yang tertinggi. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zain: Saya setuju. Saya sambung Tuan Yang di-Pertua. Di antaranya ajaran-ajaran sesat ini ialah;

- (i) ajaran sesat kumpulan Ayah Pin;
- (ii) ajaran sesat Haji Kahar;
- (iii) ajaran sesat Al-Qadiani;
- (iv) ajaran Sesat Naqsyabandiah Kadirum Yahya; dan
- (v) ajaran sesat bekas kumpulan Arqam.

Itu ada lima yang kita anggap tegar, masih lagi beroperasi di Malaysia ini. Kemudian terhadap persoalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail: Baik, terima kasih. Sebentar tadi disebut tentang ajaran sesat Ayah Pin cucu kepada Hassan Anak Rimau ini yang ini adalah merupakan satu kes yang cukup menggusarkan rakyat negeri Terengganu dan saya juga hendak maklumkan ramai di sini ialah daripada Terengganu ini, veteran-veteran ini, mereka semua ini[memandang ke arah tempat duduk pelawat di Dewan]... yang turut serta barangkali hendak mendengar jawapan Menteri sendiri tentang apakah tindakan yang telah dilakukan oleh JAKIM dan nasihat kepada Kerajaan Negeri Terengganu untuk memastikan penderhakaan terhadap undang-undang Islam yang sedang dilihat, yang sekarang ini sedang digembar-gemburkan melalui media massa itu, begitu berleluasa sekali yang saya kira sekarang ini seolah-olah membawa pencemaran kepada akidahnya, syariah dan akhlak masyarakat Islam terutamanya.

Malah ia akan menimbulkan satu mudarat kepada masyarakat, membawa satu pengkhianatan dari segi akidah, syariah dan akhlak. Apakah tindakan-tindakan yang lebih tegas yang harusnya dilakukan oleh menteri sendiri terutamanya dalam konteks pindaan akta ini.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zain: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu yang mengingatkan saya supaya mengalu-alukan rombongan daripada Terengganu ke Dewan Parlimen ini, [Tepuk] dan mereka mungkin sebahagiannya adalah pengundi-pengundi saya masa pilihan raya yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, daripada persoalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi, Ayah Pin ataupun ajaran yang dibawa oleh Ariffin

bin Muhammad yang dikenali dengan Ayah Pin ini. Ajaran ini mula diterajui oleh Ayah Pin pada tahun 1982 lagi sebagai satu kesinambungan daripada ajaran sesat Hassan Anak Rimau di Kelantan, pimpinan Hassan bin Yaakob ataupun ajaran Ratib Kuat. Dia mulanya terkenal di Besut kawasan Parlimen saya di Batu 13 yang meratib cukup kuat di waktu tengah malam mengganggu ketenteraman orang ramai.

Kemudian dia juga berkembang ajaran ini daripada meratib kuat iaitu cara berkumpul beramai-ramai dalam gelap dan juga bercampur di antara lelaki dan perempuan. Ramai peminat-peminat yang datang, mereka yang mungkin hendak menumpang semangkuk ataupun hendak mencari sesuatu daripada cara hidup yang sebegini, tetapi dia telah membuat penyelewengan-penyelewengan yang lebih besar lagi.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Nanti dahulu sekejaplah saya jelaskan dahulu, saya beri peluang ya.

Tuan Lim Kit Siang: *No, no* saya mahu sekarang.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zain:itu isi kandungannya dia telah *develop* lagi, dia telah kembangkan lagi iaitu mengaku sebagai tuhan. Ariffin mendakwa juga mencipta semua agama-agama dunia, Ariffin mendakwa sebagai pemegang kunci pintu syurga dan lain-lain lagi dakwaan-dakwaan yang karut-marut yang tidak masuk akal.

Ajaran ini telah difatwakan di Kelantan pada tahun 28 Februari 1986 dan diwartakan pada 26 Februari 1989, difatwakan Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Negeri Selangor, begitu juga negeri-negeri lain telah memfatwakan bahawa ianya ajaran sesat, maknanya seleweng dan menyelewengkan. Saya rasa itulah kesimpulan penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan oleh ajaran ini dan telah pun dikenakan tindakan sebenarnya oleh Mahkamah Syariah Besut pada tahun 2001. Kemudian didenda dan dipenjarakan, kemudian selepas itu membuat penyelewengan-penyelewengan lagi dan kita dengar yang terkini adalah merupakan satu penyelewengan yang dilakukan dan telah diambil tindakan oleh pihak yang berkuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zain: Saya rasa saya beri pada yang tadi, timbul tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Serian.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apa yang menarik bagi saya ialah sebab disebutkan nama tadi Hassan Anak Rimau. Saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri sebab biasanya 'anak' ini adalah untuk kita dari Sarawak berbangsa Dayak. Apakah bangsa Hassan Anak Rimau ini? *[Ketawa]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zain: Itu gelaran sahaja, nama glamor dia sahaja. Dia pun nama sebagaimana yang telah saya sebut tadi ialah Hassan bin Yaakob, dia orang Kelantan dan Yang Berhormat bagi Pasir Mas dia telah sebut dalam penghujahan dahulu, saya rasa dia kata 'Hassan Tuhan' kata dia, agaknya mengaku Tuhan itulah saya boleh ambil ilmu daripada Yang Berhormat Pasir Mas. Saya sudah *quote* baik itu dengan sumber di antara *source*. Kalau tidak betul pun tidak apalah.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, penjelasan Hassan Harimau ini.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zain: Anak rimau dengan bahasa

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya mahu penjelasan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zain: Tangga Batu dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Hassan Harimau pada suatu ketika ada ditahan di bawah ISA dan kalau tidak silap dalam tahun 1987 dan berapa kali dia ditahan di bawah ISA?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zain: Sebenarnya saya tidaklah hendak berbicara Hassan Harimau, nanti tajuk lainlah kita sediakan satu jawapan yang terlalu khusus, tidak akanlah saya ingat semua benda-benda begini. Itu pun boleh ingat sedikit pun saya rasa markah sudah 100% sudah tadi kot, maknanya itu. Hendak periksa saya satu persatu ISA dan sebagainya pun saya rasa biarlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, empat Ahli Yang Berhormat bangun.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zain: Yang mana dahulu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tangga Batu, Tangga Batu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okey.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zain: Biarlah dahulu, *start*lah....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya sudah lama berdiri tadi.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zain: Saya sudah *confirm*kan tadi, banyak sudah.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memang tertarik dengan topik ajaran sesat yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Menteri dan telah didaftarkan sebanyak 95 ajaran-ajaran sesat yang telah dibawa.

Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi kebimbangan saya adalah apakah mekanisme ataupun sistem yang digunakan oleh pihak kementerian. Apabila kita mendapati bahawa ajaran sesat ini dia bukan baru bertapak. Dia telah bertapak 20 hingga 30 tahun, kemudian menjadi masalah kepada pihak kementerian untuk menangani masalah ini kerana ia telah mempunyai pengikut yang ramai, satu.

Yang kedua Yang Berhormat Menteri, kita dapati salah satu daripada ajaran sesat, lima yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi adalah Al-Arqam yang telah mempunyai ratusan ribu pengikut dan hari ini kita dapati Al-Arqam telah timbul dengan wajah yang lain dan pernah pemimpinnya Ashaari Muhammad menulis sebuah buku yang berjudul Islam Hadhari meletakkan gambar Perdana Menteri dan gambar beliau di hadapan buku tersebut dan buku ini sekarang ini berada di pasaran dan diedarkan.

Saya hendak tahu lagi sekali, apakah mekanisme, apakah sistem yang digunakan oleh Pihak JAKIM supaya ia lebih kepada mengambil tindakan secara *preventive*, secara *pre-emptive* terlebih awal menahan benda ini daripada berlaku, daripada bertindak secara *reactive* yang mana akan melibatkan lebih banyak anggota, sumber kewangan dan sebagainya. Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk sedikit mengulas perkara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Untuk memberi jawapan kepada persoalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat daripada Tangga Batu. Sebenarnya JAKIM bekerjasama dengan JAIM sebenarnya, Jabatan Agama Islam Negeri-negeri sebab kuasa memantau dan juga penguatkuasaan, pendakwaan biasanya adalah dibuat oleh bahagian penguatkuasaan dan juga bahagian pendakwaan negeri-negeri.

JAKIM adalah agensi pusat, yang menasihati dan mengenal pasti melalui penyelidikan dan juga fatwa-fatwa panel syariah, akidah kemudian muzakarah Jawatankuasa Fatwa di peringkat agensi pusat iaitu JAKIM. Kemudian mengambil tindakan tidak ada pada JAKIM, JAKIM tidak ada kuasa iaitu kuasa negeri-negeri, jadi negeri-negerilah yang memainkan peranan untuk penguatkuasaan, pendakwaan di Mahkamah Syariah terhadap pengedar-pengedar ataupun pengembangan-pengembangan ajaran sesat ini dan sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat daripada Tangga Batu tadi ialah mengatakan penyokong Arqam yang ratusan ribu itu sebenarnya tidak betul.

Dahulu pernah pun difatwakan bahawa ajaran Aurat Muhammadiyah, pegangan Al-Arqam itu adalah bercanggah dengan Islam. Kemudian ada siri bertaubatnya, pengakuan daripada Ashaari Muhammad dan sebagainya kemudian buang daerahnya sehingga ke

Labuan dan sebagainya sekarang dilepaskan. Dari segi rentetan ini diberi kebebasan kemudian beliau menulis satu buku yang diedarkan sekarang ini iaitu Islam Hadhari menurut ustaz Ashaari Muhammad. Buku ini sebenarnya buku yang pada zahirnya menampakkan sokongan kepada Islam Hadhari sebab gambar Perdana Menteri begitu besar sekali kemudian di sebelahnya Ashaari Muhammad kecil sahaja berdoa begitu seolah-olah doa kepada Perdana Menteri.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tetapi di dalamnya ada unsur-unsur ajaran lama masih tersemat yang telah pun dikenal pasti oleh pihak JAKIM iaitu pertama menganggap bahawa Syabab Bani Tamim dan juga Imam Mahadi akan muncul masih idea lama lagi, dia adalah Syabab Bani Tamim kemudian mengecam beberapa dasar kerajaan di antaranya mengatakan falsafah pendidikan negara adalah falsafah sekular, itu adalah sangat bercanggah dengan apa yang berlaku sekarang. Yang seterusnya menganggap ISA adalah merupakan satu sistem yang sangat zalim dan selain daripada itu yang sangat bercanggah dengan Islamnya ialah mengatakan takwa hanya 10 peratus sahaja luaran dan 90 peratus dalaman.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Jadi kalau buat kerja-kerja luar ini orang tidak kisah sangat, yang kerja dalam yang dikira, jadi ini merupakan suatu penyelewengan yang tidak boleh dibiarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Menteri ada 3 yang bangun.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Apakah tindakan pihak kementerian.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak hendak bagi laluan Yang Berhormat?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Apakah tindakan pihak kementerian terhadap Ustaz Ashaari ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Adalah pihak kementerian akan menahan beliau, akan memberhentikan pengeluaran buku dan sebagainya itu yang kita hendak tahu.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Kita telah menghantar kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, itu kuasa yang ada pada JAKIM iaitu memperakukan bahawa penyelewengan-penyelewengan dalam buku ini kita dedahkan dan terserah kepada Keselamatan Dalam Negeri saya difahamkan dia sedang memantau pergerakan ini, penyebaran buku ini. Ya?

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Razali bin Ibrahim: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ada dua Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri mana satu hendak bagi, Yang Berhormat Kepongkah, Yang Berhormat Muar?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kepong sila.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Yang Berhormat Kepong lepas itu Yang Berhormat Muar.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat yang pertama, mengapa pihak kerajaan membiarkan Al-Arqam bergiat bertahun-tahun sehingga mempunyai pengaruh yang banyak sebelum dia mengambil tindakan, yang kedua selepas pemimpin itu dibebaskan daripada Labuan saya pun ada membaca buku itu apakah sebab pihak kerajaan membenarkan dia bergiat lagi kalau itu menentang ajaran yang diterima oleh pihak kementerian. Saya ada baca buku itu.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Bagus, baguslah. Sebenarnya kita biarkan itu kerana dia mengaku akan kembali ke pangkal jalan, jadi dia misalnya dengan pendedahan tempoh hari iaitu terhadap Aurat Muhammadiyah, pegangan Al-Arqam Malaysia ini iaitu Ustaz Ashaari Muhammad kemudian apabila diadakan pertemuan dia mengaku untuk bertaubat, kita beri peluang, kita tidaklah hendaklah makna begitu keras dari segi tindakan, kita memberi laluan kepada mereka untuk bertaubat dan ini adalah sejajar dengan apa yang dikehendaki oleh Islam tetapi nampaknya dia masih juga ada kesan-kesan lama itu dan pihak keselamatan dalam negeri sedang memantau dengan baik kegiatan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Muar.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey silakan.

Tuan Razali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin meminta penjelasan pihak kerajaan kerana kita tahu ada banyak kumpulan ajaran sesat yang berleluasa dalam negara kita dan sudah tentunya ada satu daya penarik, ada satu kaedah yang digunakan sehingga golongan atau ajaran sesat ini dapat menarik sebegitu banyak pengikut.

Soalan saya adakah pihak kerajaan dapat memberi maklum tentang apakah antara punca-punca yang menyebabkan sebegitu ramai pengikut ini terlibat dalam ajaran sesat ini walaupun kita tahu seperti yang disebutkan tadi ajaran-ajaran itu jauh tersimpang daripada ajaran Islam dan bagaimana kita dapat menggunakan perkara yang digunakan oleh ajaran sesat ini dalam kita mengukuhkan kaedah untuk menyampaikan ajaran Islam yang sebenar, terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Di antara punca tersebar nya ajaran sesat yang paling utama telah pun dikenal pasti ialah kejahilan terutama mereka ini yang menyebarkan ajaran-ajaran sesat ini kepada mereka yang tidak mempunyai pengetahuan yang baik ataupun yang secukupnya dalam ajaran Islam sama ada dari segi akidah dan juga syariah jadi mereka terpedaya.

Kalau dengan dakwaan pula ini adalah merupakan jalan pintas ke syurga jadi orang kita memang sangat seronok dengan jalan-jalan pintas begini terutama orang jahil, kemudian yang keduanya mungkin kerana digula-gulakan dengan sama ada wang, sama ada seks dan sebagainya itu juga telah dikenal pasti penyebaran ajaran sesat, kebanyakannya mungkin dari pintu untuk berzikir dahulu kemudian berzikir lepas itu tengah malam.....

Dato' Razali bin Ismail: *[Bangun]*

Dr. Mohd. Hayati bin Othman *[Bangun]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: kemudian dan sebagainya sebagaimana yang telah saya sebut ajaran Ayah Pin tadi, iaitu dengan bercampur dengan tidak ada batasan dan sebagainya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua orang bangun Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Terengganu dengan Yang Berhormat Pendang.

Dato' Razali bin Ismail: Ya tentang Ayah Pin sekali lagi Tuan Yang di-Pertua ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail: Daripada Terengganu dalam media masa baru-baru ini melaporkan bahawa ada masalah tentang mengambil tindakan terhadap Ayah Pin ini dari segi prosesnya, dari segi prosedurnya dan juga saya kod dari segi faktor-faktor *human rights*. Apakah sebenarnya masalah-masalah yang sedang dihadapi sekarang? Apakah kita tidak mempunyai autoriti yang sebenarnya dalam mengawal isu-isu dari segi penderhakaan, saya gunakan istilah itu terhadap agama dan undang-undang Islam ini. Apakah masalah penguatkuasaan sebenarnya? Di manakah kelonggaran-kelonggaran itu sehinggakan kita biar, sehingga hampir berpuluh tahun sudah kes tentang Tok Ayah Pin ini *drag on* dan berlanjutan dalam masyarakat terutama di kawasan Yang Berhormat sendiri.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih, sebenarnya kita telah mengatakan pandangan terutama saya sendirilah makna ini sebagai Yang Berhormat daripada Besut dan dia tersebar sejak 80-an, lama sejak dahulu lagi telah pun hasrat daripada wakil rakyat kawasan Besut ini untuk membawa mereka ke muka pengadilan dan ini adalah dalam siri yang kedua telah pun didakwa pada tahun 2001 dan ini adalah pendakwaan kali yang kedua akan dibuat dan kita hendaklah faham bahawa penguatkuasaan undang-undang ini tidak boleh dilakukan sewenang-wenang.

Perlu dengan ada bukti yang cukup, kemudian selepas itu dikaji pula oleh Bahagian Pendakwaan dan sebagainya dan peruntukan undang-undang tadi sebagaimana kita tahu ia adalah sangat terbatas dan mungkin tidak menggerunkan dan kalau sekiranya di bawah peruntukan yang lain boleh diambil sekiranya menimbulkan kekacauan, menimbulkan perpecahan dan sebagainya. Jadi saya rasa kita tengok dahulu dengan peruntukan enakmen di Terengganu ini akan dijalankan pendakwaan kepada ajaran sesat Ayah Pin ini dan kita lihat sejauh mana selepas itu akan berlaku sama ada diberi pemulihan akidah kita juga JAKIM ada Pusat Pemulihan Akidah di Jelebu, kita akan pulihkan, kita akan lihat dahulu maknanya selepas itu mungkin kita terserah kepada pihak penguasa untuk mencari jalan-jalan yang terbaik.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: [Bangun]

Timbalan Yang Di-pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Pendang bangun. Yang Berhormat bagi Pendang, sila.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selalunya apabila kita bicara tentang ajaran sesat ini, mula-mula kita tahu dia ini daripada kecil, daripada mancis lagi, tetapi biar, biar, sampai jadi api yang marak. Apabila sudah jadi api yang marak ini yang susah kita hendak padam. Begitulah terjadi kepada Arqam, sekarang Ayah Pin, kemudian Hassan anak Limau. Anak Limau sebenarnya bukan anak harimau, anak limau mengikut Yang Berhormat bagi Pasir Mas kata, dia jual limau dahulu. Saya hendak tanya kenapakah benda ini kita tidak *attack* daripada awal lagi sebelum dia itu membesar, itu satu. Yang kedua, sekiranya kita ikut apa yang diterangkan oleh Rasulullah s.a.w. [*Membaca sepotong hadis*] Hentam sahaja, jangan bagi dia hidup. Apakah pandangan daripada Menteri?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya rasa Hasan anak Harimau yang tercatat. Cuma Yang Berhormat bagi Pasir Mas kalau orang sebut itu dia hendak sebut yang lain sahaja. Jadi tidak usahlah begitu. Anak Harimau tercatat rimau, bukan limau. Tidak tahulah makna dia ada sumber lain, [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] kalau betul riwayat saya ini, memang saya rasa betul sudah tertulisnya. Saya tengok berkali-kali 'R' bukan 'L'. Tidak apalah makna itu kecil. Kemudian persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Pendang tadi, saya mungkin berpandangan bahawa bukanlah dengan cara yang mudah sebab negara kita adalah sangat menghormati undang-undang. Kemudian dari segi prosesnya memerlukan bukti kemudian bukti-bukti itu tadi dikumpulkan oleh pihak penguat kuasa. Selepas itu akan diteliti lagi oleh pihak pendakwa kemudian akan di bawa ke mahkamah.

Jadi, bukan sahaja apabila dapat *report*, terus tangkap. Jadi, saya rasa suatu proses undang-undang yang saya rasa mungkin banyak dipertikaikan.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin: [Bangun]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Jerlun dan Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Yang Berhormat bagi Tangga Batu berminat ya dengan ajaran sesat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya betulkan kenyataan itu. Apabila berminat dengan ajaran sesat itu, parah. Saya bukan salah seorang daripada pengikut Ayah Pin ataupun Al-Arqam.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Untuk mengetahui, jadi saya ringkaskan kerana masa begitu terhad.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Ketawa]* Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya punya soalan pun agak berkait rapat dengan apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Yang Berhormat Menteri memberitahu yang proses pemulihan akidah, pemulihan kepercayaan itu tadi dipunyai ataupun dimiliki oleh pihak JAKIM. Saya hendak tahu sejauh manakah keberkesanan dan kecekapan proses ini dan siapakah yang monitor proses ini, yang memantau proses ini supaya keluaran daripada Pusat Pemulihan Akidah ini pasti akidahnya tepat dan benar. Tidak seperti yang berlaku kepada Ashaari Muhammad. Sudah masuk Pemulihan Akidah keluar masih lagi dengan kepercayaan lama dia. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ini masalah akidah saya rasa adalah masalah berpokok pangkal dari dalam. Sebab daripada akidah itu ialah perkataan '*aqdun*'. '*Aqdun*' itu ialah suatu simpulan yang tersimpul kukuh dalam diri seseorang itu. Mungkin kerana '*takiyah*' ataupun kerana sebab-sebab yang tertentu mungkin dia boleh berpura-pura. Saya tidak menyatakan mereka tidak ikhlas. Kemungkinan, kemungkinan. Jadi dalam perkara ini, perkara dalam kita tiada alat untuk menyuluh maknanya dari dalam itu. Kita hukum dengan yang zahir. Apabila melalui proses, maka dilihat dengan pengakuan dan sebagainya, mereka menyatakan mereka telah kembali semula, taubat dan lain-lain lagi.

Kemudian mereka akan dilepaskan, mereka tidak akan diberi pemulihan tadi. Makna telah tamat ertinya peringkat pemulihan. Kemudian ini *problemnya* akidah ini adalah suatu yang tersimpul kukuh dalam hati, bukan senang untuk merubahnya dan ternyata bahawa dalam pegangan Arqam walaupun semuanya telah bertaubat dahulu kemudian masih lagi ada ciri-ciri makna amalan Aurat Muhamadiyah sebagai contoh ataupun Ayah Pin katakan dan pengikut-pengikutnya, walaupun telah mengaku bahawa mereka akan meninggalkan ajaran-ajaran sesat mereka.

Tetapi apabila kembali semula kepada mereka, berkumpul semula, kemudian mereka kembali semula mengamalkan. Ini adalah suatu yang sangat susah dalam membasmi ajaran sesat ini.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerlun.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Isu ini memang menarik tambah-tambah apabila disebut Ayah Pin. Saya pun mampin. Rasa-rasa macam hendak bawa ke Kedah pula. Cuma soalan saya daripada tahun 1982 kita nampak dia *develop*, dia berkembang, dengan prasarana yang menarik dalam kawasannya. Saya cuma hendak soal Yang Berhormat Menteri, adakah Ayah Pin dan kumpulannya mendapat sumbangan kewangan daripada luar dan inilah kekuatan yang mereka dapat di samping, kekuatan-kekuatan yang lain. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Mereka memang dibantu kuat oleh banyak pihak yang kita ketahui bahawa dahulu dalam penangkapan ada didapati inspektor, ada didapati golongan-golongan yang tertentu dan saya telah pergi ke kawasan ini, ada juga graduan dari universiti. Maknanya yang tidak dapat kerjalah, mungkin ada yang sudah dapat kerja. Saya sempat bertanya kepada seorang pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains lepasan di sebuah IPTA. Apa sebab saudara berminat dengan ajaran Ayah Pin? Dia sempat menjelaskan bahawa katanya ada kedamaian dalam ajaran ini. Betullah ada kedamaian. Dia duduk di kaki bukit, di Batu 13 di ulu, kawasan ulu jalan ke Keruak. Kemudian apabila petang itu, memanglah makna tenang tidak seperti Lembah Klang dengan *traffic jam* dan sebagainya. Jadi memang mencari. Saya telah sahaja mengusik dia menyatakan apakah cara hidup dengan berzikir cara di waktu malam dan sebagainya bercampur lelaki perempuan, dia menolak keras akan dakwaan itu. Jadi, saya rasa tidak apalah.

Maknanya kita menyatakan bahawa mereka mendapat sokongan persoalan tadi mereka dapat sokongan. Katanya daripada, ia ada kawasan-kawasannya, jajahan takluk dia sebab dia ini kerajaan langit, dia ada jajahan takluk dia. Jajahan takluk itu ada di Pasir Puteh pun ada, ada wakil dia ada di daerah lain pun ada, di negeri lain pun ada dan mereka ini yang merupakan sumber kewangan bagi memperkuatkan jajahan takluk kerajaan langit ini. Jadi, saya rasa itu di antara sokongan-sokongan yang di dapati oleh Ayah Pin.

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat, ada dua yang bangun. Yang mana satu?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Kedua-dua bolehlah. Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Selepas itu saya beri kepada yang kedua.

Tuan Haji Ismail bin Noh: terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya setuju dengan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menyekat pengaruh mereka ini dengan tindakan-tindakan tertentu. Sehingga lagi saya rasa ada dua perkara yang saya hendak bangkit. Apakah Yang Berhormat bersetuju terutama sekali contohnya Al-Arqam. Arqam ini dia bergerak perlahan-lahan, di waktu mula dia bergerak sampai ke peringkat sanawi, peringkat pertengahan. Sudah dilihat bahayanya dia, tetapi kerajaan masih lagi tidak mengambil apa-apa tindakan sehinggalah Arqam mendakwakan satu ketika, bahawa menuduh JAKIM kalau tidak silap di waktu itu, dengan katanya bahawa JAKIM tidak pandai bekerja. Kalau tidak pandai bekerja, serah kepada Al-Arqam.

Jadi, kerajaan melihat dari segi keselamatan sehinggalah dari segi keselamatannya tergugat dengan ucapan-ucapan Ustaz Ashaari tadi barulah kerajaan mengambil tindakan. Pada hal di sudut akidahnya dengan tersebar Aurat Ahmadiyah ini sudah jelas. Begitu juga Qadiani misalnya, begitu juga Hassan. Saya hendak perbetulkan Yang Berhormat. Sebenarnya bukan Hassan anak Rimau, anak harimau. Tetapi Hassan anak Limau kerana kerja dia jual pokok limau, *[Ketawa]* memang itu. Saya tahu sungguh, di Kota Bharu itu dia jual, di Pasir Mas juga dia jual anak limau.

Tetapi entah bagaimana penyiasatnya pergi menyiasat dia menamakan dengan Hassan anak harimau, menambahkan lagi bisa dia, sedangkan dia tidak bisa apa. Sebenarnya situ, silap itu, silap laporan tetapi biarlah itu. Jadi kita menunggu sehingga keselamatan negara terjejas baharu kita membuat suatu tindakan. Jadi, saya rasa tidak tepat di situ. Kita tidak nampak bagaimana akidah kita sudah tercemar dengan dia orang. Jadi saya harap sangatlah, apabila kita melihat mana-mana kumpulan yang akidahnya rosak sebagai mana yang disebut oleh sahabat kita yang disebut tadi, syariah juga tercemar dan akhlak juga. Bagaimana dia meratib, campur laki-laki dan perempuan dan

ada saya dengar menyatakan bahawa sekiranya dapat anak ada di kalangan, tidak tahulah yang mana. Kalau dapat anak itu, anak bersih, anak suci lagi. Ini menambahkan lagi kusutnya. Jadi janganlah sampai kepada peringkat keselamatan negara terjejas baru ada tindakan, saya rasa cukup dengan terjejasnya dua tiga perkara tadi.

Yang keduanya, saya melihat kerajaan mesti ada alternatif. Jangan sekadar kita dakwa dia, kita apa dia itu perlu. Kita dakwa dia, kita apa dia dan bayaran ini saya rasa terlalu rendah dengan bayaran RM200, RM300. Mereka ini kaya Yang Berhormat. Mereka ini boleh bayar dengan serta-merta. RM5,000 dia bayar serta-merta. Dia dipenjarakan, dia baca ayat Al-Quran [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Dia baca ayat Al-Quran itu, penjara lebih baik kepada kami. Dia mengambil hujah Nabi Yusof a.s. tidak ada apa pun lagi seronok dia dan dia membaca lagi dia kata bahawa mehnah ini berlaku kepada mana-mana gerakan. Dia ambil contoh hadis Rasulullah s.a.w di mana mehnah tribulasi ini kena kepada pendakwah-pendakwah termasuk kita juga. Jadi bertambah kuat lagi.

Jadi selain daripada kita fikir yang itu kita hendak bendung ini. Orang kita yang di luar ini tertarik seorang demi seorang. Dia rasa seronok dengan zikir. Tidak payah sembahyang, tidak payah puasa, tidak payah pergi haji, haji dalam rumah dia pun dah cukup. Jadi dia seronok.

Jadi saya cadangkan kepada kerajaan supaya memperbanyakkan kuliah-kuliah masjid. Misalnya sekarang ini di Besut. Saya pergi ke Besut. Saya pergi hendak ceramah PAS sebenarnya.

Seorang Ahli: [*Ketawa*]

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya sembahyang di masjid. Masjid ini masjid UMNO lah.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Adakah?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya pergi sembahyang. Tetapi sudah sembahyang maghrib itu Yang Berhormat, kosong tidak ada apa-apa kuliah. Kuliah pun tidak ada, tazkirah pun tidak ada. Saya minta, saya kata bolehkah saya beri tazkirah sedikit? Dia kata, ustaz daripada mana? Saya kata daripada Pasir Mas. Ustaz kerja apa? Saya Yang Berhormat. Yang Berhormat siapa? Yang Berhormat PAS. Tidak boleh. Sedangkan saya menawarkan diri untuk baca Qulhuallah sahaja. Tidak sentuh politik. Tanya mana tauliah, mana itu mana ini. Jadi kosong. Bila kosong, orang pergi cari. Tabiat manusia ini hendak kepada benda yang baru sebagai mana yang saya sebut dalam ucapan saya baru-baru ini. Bagi dia hendak kepada benda baru tidak kira salah tidak salah Yang Berhormat. Dia hendak benda baru benda yang rasa lazat, dia rasa sedap, dia rasa enak. Dia pergi meratib Allah, Allah, Allah. Lama-lama dia kerabat sama lelaki dan perempuan. Seronok.

Jadi kalau kita tidak isi dengan kuliah-kuliah, dengan tazkirah-tazkirah, dengan penerangan-penerangan agama di masjid-masjid. Saya tengok di Terengganu, di Besut saya berhenti sembahyang sungguh itu. Di Pahang saya berhenti sembahyang, kosong tidak ada apa. Jadi orang lari. Dia hendak cari sesuatu. Yang pergi sembahyang ini terdiri daripada pegawai-pegawai profesional. Jadi dia hendak kepada Islam. Tapi bila tidak ada kerajaan tidak menyediakan benda ini.

Jadi saya minta penjelasan dan sekali gus saya minta supaya kerajaan membendung orang-orang yang belum kena sebagaimana dadah. Sekarang ini kita menyelesaikan masalah dadah atau orang yang terlibat dengan dadah buat pusat serenti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang sangat Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tapi kita tidak jaga anak-anak kita yang belum kena dadah. Yang belum kena ini kita tidak jaga. Tapi kita jaga yang itu. Jadi, sekarang ini dalam masalah ini masalah yang sama. Selain daripada kita mengambil tanggungjawab kepada hendak pulihkan mereka ini di waktu yang sama pengisian kepada orang-orang yang belum kena ini. Takut seorang demi seorang, lama-lama Besut habis, tidak ada. Bukan setakat dia menentang kita tetapi dia menentang semua, dia menentang agama.

Ayah Pin ini cukup berbahaya sebenarnya dan sekarang ini saya dengar maklumat-maklumat daripada Terengganu sehingga orang takut hendak pergi tangkap dia. Boleh ghaib boleh apa, katanya. Tidak nampak. Jadi menambahkan kehebatannya lagi. Apa lagi mulut manusia ini makin hari makin besar. Sedikit sahaja cerita dia besar. Dia kata hendak pergi tangkap Ayah Pin tiba-tiba tidak ada. Berkemungkinan orang lain pula jangan pergi tangkap Ayah Pin nanti senak perut. Nanti kena sakit. Mana ada polis takut. Takut sakit perut ini. Sakit perut, sakit, rebah, hendak pergi tangkap Ayah Pin ini.

Sekarang ini perkataan dah mula tersebar di kalangan orang-orang kita di sana Ayah Pin ini hebat boleh ghaib, ada ilmu ghaib. Polis pergi cari tidak jumpa. Jadi saya rasa tidak munasabah. Ustaz As-Shaari boleh pergi tangkap, tidak akan Ayah Pin tidak boleh pergi tangkap, tidak ada. Jangan hendak pergi tangkap cerita pada dia. Banyak lagi cerita-cerita yang boleh kita laksanakan.

Apa yang saya hendak ialah minta pandangan daripada Yang Berhormat dan minta harapan daripada Yang Berhormat supaya kita juga buat pengisian. Sekarang ini kosong Yang Berhormat, saya tahu. Saya hendak pergi ceramah. Saya betul hendak pergi ceramah PAS. Tapi sembahyang Maghrib dahulu, sembahyang isyak dahulu. Imam ini UMNO. Saya tidak sembahyang dua imam. Saya duduk belakang dia. Saya tahu masjid itu masjid UMNO dan imam itu imam UMNO. Saya di belakang. Cuma saya tanya mengapa tidak ada kuliah. Orang dok hisap rokok di tepi Yang Berhormat kerana kita tidak buat pengisian.

Apakah baik kalau Yang Berhormat arahkan benda ini setiap masjid di Terengganu ambil orang UMNO lah, biar orang PAS tidak ambil pun. Kalau Yang Berhormat bimbang takut orang PAS masuk dalam masjid. Ambil ustaz-ustaz UMNO di situ biar dia bagi kuliah supaya orang kita terkawal dan terbendung. Apa pandangan Yang Berhormat?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sebahagiannya saya setuju. Sebahagian istilah-istilah itu saya tidak setuju sebab apa di antara istilah saya tidak setuju masjid UMNO. Mana ada masjid UMNO. Masjid kerajaan. Sepanjang yang saya ingat memang tidak ada pun masjid UMNO. Apabila PAS mengambil kuasa di Terengganu dahulu menang dalam pilihan raya 1999 pun tidak ada. Kalau masjid UMNO tidak adalah orang pergi sembahyang. Masjid kerajaan. Maknanya saya rasa saya tidak setuju dengan istilah itu.

Cuma saya takut maknanya sebab apa Yang Berhormat dia ini orang politik. Maknanya kalau kita ambil tindakan yang lembut dia kata kenapa tidak keras. Nanti apabila ambil tindakan yang keras pula kenapa tidak lembut. Jadi tidak tahulah. Maknanya saya rasa lebih *wisdom*, lebih berhemah kita ambil beri peluang dahulu. Tidak bolehlah maknanya apabila nampak sahaja kita pun terkam terus. Maknanya dengan cara yang garang dan sebagainya. Saya rasa kita akan cuba. Kemudian, pemulihan adalah sangat mustahak.

Tentang ceramah saya rasa kita pun banyak juga ceramah. Maknanya kita ada skim mubaligh di Terengganu pun ada dan sebagainya. Mungkin kebetulan pada hari itu *problemnya* mungkin dia pergi itu pada waktu yang tertentu. Mungkin pada waktu sembahyang subuh. Sembahyang subuh kebanyakannya ada di antara imam, makmum, bilal dan beberapa individu sahaja. Itu biasalah dan mungkin pada kesempatan yang lain pada hari Jumaat dan sebagainya mungkin ada. Saya sendiri tidak menafikan maknanya ada kekosongan lagi ataupun ada lompang lagi yang perlu diisi dan saya rasa itu bolehlah saya terima itu sebagai satu cadangan yang baik untuk pengisian.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: *[Bangun]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ya, silakan.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Menyedari bahawa ajaran sesat Ayah Pin, Hassan anak harimau atau Hassan anak limau yang mengaku mereka tuhan dan juga baru-baru ini di Selangor di Hulu Klang seorang pemimpin mengaku dia Rasul atau Nabi. Daripada keadaan ini, kita

nampak ajaran sesat ini cukup berbahaya kepada umat Islam khususnya dalam memesonkan akidah mereka dan juga menjejaskan keselamatan negara.

Yang Berhormat Menteri sebut tadi di antara faktor mereka tertarik untuk menjadi anak murid kepada pemimpin berkenaan adalah kerana kurang ilmu agama. Tapi sebahagian besarnya kita dapati bahawa mereka ini mempunyai latar belakang yang kuat daripada segi pendidikan. Umpamanya guru, kakitangan kerajaan, pegawai tinggi kerajaan, pegawai polis juga turut terlibat dalam ajaran sesat ini.

Jadi dalam konteks ini apakah tindakan kerajaan dalam mencegah sebelum ianya menjadi lebih buruk untuk mengawal pegawai dan kakitangan kerajaan daripada terjebak kepada pengaruh ajaran sesat ini. Yang kedua, kita sedia maklum bahawa bukan sahaja ajaran sesat tetapi juga fatwa yang direka khususnya parti politik seperti PAS Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi jalan pintas hendak cepat masuk syurga dengan memberikan sokongan kepada parti politik. Dalam fatwa PAS mengatakan bahawa undi dan sokong PAS masuk syurga. Apakah perkara ini juga tidak dalam perhatian kerajaan untuk mengambil tindakan yang berkenaan. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya cuma hendak respons sebahagian sahaja daripada apa yang ditimbulkan iaitu saya rasa di antara cara untuk membasmi ataupun mengurangkan ajaran sesat tersebar luas di Malaysia ini ialah saya rasa setiap pihak adalah bertanggungjawab. Kalau hendak mengharap Jabatan Agama sahaja sudah tentu dengan keterbatasan yang ada padanya dalam segenap segi, maka keberkesanan saya rasa tidak dapat sepenuhnya.

Kemudian semua pihak adalah bertanggungjawab untuk pertama dari sudut ilmu pengetahuan supaya sebar luaskan terutamanya ajaran akidah yang betul dan juga selain daripada itu membuat pendedahan tentang penyelewengan yang berlaku dalam ajaran-ajaran sesat itu, kita sebar luaskan. Saya rasa setiap agensi bertanggungjawab untuk menyebarluaskan fahaman-fahaman yang menyeleweng dalam ajaran-ajaran yang masih berbaki hanya sekitar 22, yang telah dikenal pasti sangat tegarnya ialah 5 dan saya suka menyatakan bahawa ajaran sesat ini boleh dapat dikawal. Kita tidak boleh panik dengan keadaan katakan 22 terlalu banyak. Sebagai mana dahulu juga saya menyebut bahawa sebahagian besarnya mempunyai pengikut-pengikut yang kecil, selain daripada yang 5 ini, pengikut yang kecil yang kadang-kadangnya siang hari sebagai mana yang telah saya katakan juga terdahulu dia tidak menyeleweng dia biasa sahaja, pergi ke pejabat, kalau pegawai pegawailah dia kalau guru gurulah dia, pekerja-pekerja di kilang dan sebagainya. Kemudian di waktu malam kerana terpengaruh untuk mengamalkan ajaran yang tertentu, untuk mendapat ketenangan, untuk mendapatkan jalan pintas ke syurga dan sebagainya jadi dia ikut. Suka saya menyatakan bahawa ajaran ini terkawal dan saya rasa pihak kerajaan sentiasa mengawasi keadaan tersebut. Saya rasa saya boleh teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan. Yang Berhormat Pendang pula bangun.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Sikit sahaja. Saya hendak tambah tentang penguatkuasaan ini sebab di tempat saya baru-baru ini ada satu ajaran meratib kuat pada waktu malam. Kita jumpa tok imam, tok imam kata jumpa pejabat agama, jumpa pejabat agama kata *report* polis jadi main aci macam ini tolak sana tolak sini tidak ada ambil tindakan apa-apa. Jadi saya hendak tanya Menteri siapakah yang sebenarnya yang bertanggungjawab untuk memastikan perkara ini tidak berlaku.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Yang bertanggungjawab ialah pegawai penguatkuasaan untuk memantau dan juga menguatkuasakan undang-undang enakmen, undang-undang Islam di negeri-negeri masing-masing. Kemudian dia boleh meminta jasa baik polis untuk membantu, biasa itu yang berlaku dan itu adalah yang sebaik-baiknya patut berlaku. Sebab takut timbul perkara-perkara yang tidak diingini berlaku semasa penguatkuasaan undang-undang tadi. Sebenarnya memang daripada pegawai penguat kuasa JAIN - Jabatan Agama Islam Negeri-negeri.

Saya teruskan kepada Yang Berhormat daripada Pasir Puteh meminta supaya memantau keadaan Mahkamah Syariah di negeri-negeri supaya lebih baik dan terjaga. Ini juga telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat daripada Pasir Puteh. Sebenarnya JKSM iaitu Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah memohon peruntukan melalui RMK-9 untuk peruntukan pembangunan fizikal Mahkamah Syariah seluruh Malaysia iaitu untuk mengadakan bangunan sendiri berasingan daripada pejabat agama Islam.

Ia bertujuan untuk pengurusan yang lebih cekap, namun demikian terdapat beberapa negeri masih mengekalkan polisi satu bangunan antara Mahkamah Syariah dengan pejabat agama Islam. Ini adalah kerana kekurangan peruntukan tetapi telah pun negeri-negeri seperti Wilayah Persekutuan dan beberapa negeri yang lain telah mengambil inisiatif untuk mengasingkan dari segi - memang dari segi kuasa walaupun duduk di satu bangunan lagi tetapi kuasa adalah Mahkamah Syariah, Mahkamah Syariah, penguatkuasaan biasa diletakkan kepada Jabatan Agama Islam Negeri-negeri kemudian penguatkuasaan dan juga pendakwaan kepada Jabatan Agama ataupun Majlis Agama Negeri-negeri. Jadi Mahkamah Syariah adalah berasingan.

Tetapi walau bagaimanapun, mungkin kerana kekurangan peruntukan maka sesetengah itu masih duduk sekali, masih ada iaitu bersama dalam satu bangunan di antara pendakwaan, kemudian penguatkuasaan pendakwaan dan mahkamah syariah. Jadi dari segi kedudukan pentadbiran, penguatkuasaan dan juga pendakwaan bukan di bawah Mahkamah Syariah suatu badan yang lain. Sepatutnya dari segi pelaksanaan nanti mungkin satu badan yang asing yang boleh dicadangkan oleh JKSM.

Sebenarnya JKSM berusaha ke arah memantapkan pentadbiran Mahkamah Syariah, penguatkuasaan dan pendakwaan.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya rasa bahawa kerajaan perlu melihat kepada semua Mahkamah Syariah supaya ia tidak berlaku sebagai mana yang berlaku sekarang. Kita melihat dari segi lain kita sudah *upgrade* kan dia tetapi dari segi bangunannya di situlah mahkamah syariah dan Jabatan Islam, saya rasa perlu sebagai mana kita buat kepada polis baru-baru ini. Suruhanjayanya kita tubuhkan daripada peringkat atas sampai kepada peringkat bawah. Setelah kita mengakui bahawa Islam adalah agama negara dan negara kita ini diusahakan oleh Barisan Nasional ke arah menjadikan negara Islam. Jadi kerja-kerja macam ini mestilah dilaksanakan walaupun tidak secepat mungkin tetapi berterusan.

Pada pandangan saya, kadang-kadang rasa terhina kita melihat kepada mahkamah lainlah seperti mahkamah sivil dengan bangunannya indah, dengan perkhidmatannya hebat tetapi bila kita pergi ke Mahkamah Syariah terlalu kecil, terlalu sempit dan tidak berwibawa. Maka hujah inilah yang selalu dibawa oleh orang ramai mengatakan bagaimana hendak melaksanakan enakmen keluarga Islam sedangkan mahkamahnyanya sendiri kecil, tidak teratur, hakim tidak cukup untuk membicarakan dan kes-kes melambak sampai ke-2 kaki dengar cerita. Kes yang berlaku di Mahkamah Syariah ini 2 kaki dah sekarang ini bukan sekaki tetapi 2 kaki banyaknya. Kerana barangkali benda ini tidak *diupgradekan*. Saya cadangkan supaya pihak kerajaan buat sebagai mana yang kita buat kepada badan-badan lain. Agama ini teras kepada negara kita, baik yang beragama Islam dan tidak beragama Islam.

Kalau kita hendak kepada generasi yang baik bagaimana kita hendak menimbulkan suatu yang baik sekiranya tidak datang daripada sarang yang baik. Kita melihat kepada sarangnya dahulu. Kalau sarangnya baik akan menghasilkan kuih-kuih yang baik. Begitu juga di negara kita, Mahkamahnyanya Syariahnya berselerak.

Biarlah saya masukkan aspek yang lain umpamanya sekolah agama berselerak dan berbagai-bagai lagi jenis berselerak. Biar kita ambil yang ini dan minta Yang Berhormat Dato' buat satu kajian terperinci daripada bawah sampai ke peringkat atas dan termasuk negeri Kelantan. Saya rasa bahawa negeri Kelantan diperintah oleh PAS maka biarlah dia orang buat kemudian kita hentam dia, dia tak mampu buat kita hentam dia - tidak. Biarlah peruntukan ini sama rata daripada Kuala Lumpur turun ke negeri-negeri termasuk Kelantan. Walaupun saya tengok Kelantan sudah ada perubahan alhamdulillah tetapi masih lagi perlu dari segi infrastruktur. Biar lihat bahawa Mahkamah Syariah itu

hebat, orang di dalamnya hebat bukan setakat pakai baju kot tu hebat tetapi kita hendak kebijakan itu hebat. Kita hendak orang itu sendiri, hakim-hakim hebat, dari segi *investment* itu dapat dijalankan dengan baik. Apa pandangan Yang Berhormat?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Kita bersetuju dan kita optimis dengan pindaan undang-undang ini, penyeragaman dan juga hasrat daripada pihak kerajaan dengan penubuhan JKSM maka saya sangat optimis untuk melakukan banyak perubahan dalam Mahkamah Syariah, penguatkuasaan dan pendakwaan cuma Yang Berhormat Pasir Mas jangan politik sangatlah supaya dapat memberi ruang kepada kita untuk bekerja. Kalau Yang Berhormat terlalu politik sangat maka susah juga kita hendak buat kerja. Jadi banyakkann sokong kita saya rasa insya-Allah kita akan lakukan banyak lagi cuma bersabarlah sedikit. Kita buat pun menurut peringkat demi peringkat dan insya-Allah sebagai contoh di Terengganu sejak kerajaan Barisan Nasional dahulu lagi sebelum PAS memegang kuasa kita sudah buat bangunan Mahkamah Syariah yang cukup besar yang terletak tersergam indah, itu dah ada. Kemudian di Labuan cukup besar bangunannya di mana Yang Dipertuan Agong telah merasmikan. Saya difahamkan di Kedah, di Perlis, di Kelantan dan sebagainya telah cuba ada pembaharuan dan penambahbaikan terhadap perjalanan ini. Saya ucapkan terima kasih banyakkah kerana memperingatkan saya supaya memberikan tumpuan supaya lebih banyak lagi pengurusan Mahkamah Syariah ini dapat uruskan dengan baik.

Saya sambung semula. Yang Berhormat daripada Pasir Puteh juga telah membangkitkan banyak kes tertunggak di Mahkamah Syariah. Apakah cara supaya mempercepatkan kes-kes yang tertunggak itu. Dalam usaha mempercepatkan kes-kes di Mahkamah Syariah penubuhan JKSM adalah sebagai penyelarasan kepada penyeragaman undang-undang, prosedur dan peraturan pentadbiran Mahkamah-mahkamah Syariah negeri-negeri. Antaranya ialah dengan mengadakan:-

- (i) arahan amalan Mahkamah Syariah No. 2 Tahun 2001 telah ditetapkan bahawa setiap kes yang didaftarkan telah disebut dalam tempoh 21 hari untuk menyegerakan. Dan dalam tempoh penyelesaian kes adalah 30 hari dengan syarat segala kehendak kes dipatuhi dan prosiding berjalan lancar;
- (ii) arahan amalan Mahkamah Syariah No. 4 tahun 2001 dengan mengarahkan supaya setiap kes yang ditangguhkan dengan alasan-alasan yang munasabah hendaklah diberi tarikh bicara yang akan datang yang dalam kadar yang terdekat;
- (iii) arahan amalan Mahkamah Syariah No. 3 tahun 2000 iaitu laporan bulanan kes-kes hendaklah disediakan dan dihantar ke JKSM bagi tujuan pemantauan kes-kes tertunggak;
- (iv) JKSM memperkenalkan penyelesaian kes secara suluk iaitu secara berdamai satu jawatan baru bagi suluk bagi kalangan pegawai syariah telah diwujudkan di Selangor, Melaka dan Wilayah Persekutuan. Statistik di negeri Selangor pada bulan Mei 2002 hingga Disember 2004 menunjukkan bahawa 67% daripada kes-kes yang didaftarkan telah diselesaikan secara suluk. 4 % dalam tindakan dan 29% dibicarakan. Jadi suluk ini adalah suatu perkara baru yang telah diusahakan oleh JKSM, pihak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan ternyata dalam kes pembubaran perkahwinan, itu satu istilah ya, untuk hendak bercerai. Maka diselesaikan dalam kes-kes tertentu menurut statistik yang telah saya sebut tadi, 97 telah diselesaikan melalui suluk yang saya rasa ada keberkesananannya;
- (v) sistem e-Syariah yang telah dilancarkan pada tahun 2003 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah banyak membantu dalam mengurangkan kes-kes tertunggak ini. E-Syariah ini digunakan di seluruh Malaysia untuk mempercepatkan proses pendaftaran dan perbicaraan kes. Setiap Mahkamah Syariah

dilengkapkan dengan peralatan komputer dan internet. Kakitangan juga dilatih secukupnya;

- (vi) selain daripada itu, satu kajian telah dijalankan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan selama 3 bulan; Untuk mengenal pasti punca kes tertunggak hasil kajian tersebut adalah seperti berikut:-
 - (a) Pihak plaintif iaitu orang yang mengadu yang disebabkan olehnya maka tertunggak didapati kesnya 43%, defendan 36% kemudian pentadbiran mahkamah 17%, Biro Bantuan Guaman 4% jadi puncanya bukanlah kepada pentadbiran Mahkamah Syariah sahaja tetapi disebabkan oleh banyak faktor-faktor yang lain. Seterusnya.....

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasir Mas bangun pula Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, yang disebut tadi sistem suluk. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat supaya masyarakat kita lebih tahu dan lebih menghayati. Barangkali perkara ini hanya berlaku di sekitar mahkamah tidak sampai ke akar umbi. Kalau falsafah ini, konsep ini sampai kepada akar umbi (*membaca sepotong ayat Al-Quran*) saya rasa berpandu pada ayat ini jadi kalaulah (*membaca sepotong ayat Al-Quran*) sampai kepada peringkat akar umbi saya rasa tidak sampai ke mahkamah. Barangkali diangkat kepada imam ataupun pada pendaftar nikah kahwin dia boleh berdamai di situ tidak payah masuk mahkamah. Tidak payah mahkamah mengambil, walaupun sampai di situ pihak mahkamah mengambil cara itu saya rasa mesti diperpanjangkan dan mesti diuar-uarkan. Rakyat tidak tahu sebenarnya. Kalau saya tanya dalam Parlimen hari ini berapa orang tahu bersuluk, saya rasa tidak tahu. Kerana itulah kena ada satu buku, ada satu kertas kerja sebarkan kepada rakyat betapa pentingnya (*membaca sepotong ayat Al-Quran*) sehingga ianya dihayati sungguh dan rakyat tidak payah pergi ke mahkamah hanya dia bersuluk di peringkat bawah di peringkat imam, di peringkat pendaftar nikah kahwin. Apa pandangan Yang Berhormat?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sebenarnya spirit itulah (*membaca sepotong ayat Al-Quran*) jadi ada satu sistem yang kita laksanakan di Mahkamah Syariah ini iaitu suluk. Apabila orang datang, maknanya tentu orang yang bermasalah ini akan datang dan akan diberitahu maknanya kesnya tidak payah dibawa ke mahkamah lagilah. Maknanya kita suluk dulu. Suluk ini berjaya, banyak sebab apa setengah-setengah cara penyelesaian suluk ini dengan suasana yang kondusif iaitu dia pergi kadang-kadang dengan anak maknanya kemudian ada tempat bermain anak-anak yang kecil tadi, kemudian apabila ditemui oleh pegawai suluk daripada pihak isteri ataupun juga daripada pihak suami, akhirnya banyak dapat diselesai, pengalaman kita. Maknanya suluk ini adalah di antara cara-cara yang sangat berkesan. Jadi spirit daripada Al-Quran itu diterjemahkan dalam sistem suluk ini. Jadi kalau tidak bawa kepada mahkamah langsung pun tidak apalah maknanya terus di peringkat keluarga boleh menyelesaikan ini terserah daripada awal tetapi apabila sampai ke mahkamah dalam kes pembubaran, memohon pembubaran perkahwinan maka dicadangkan dahulu supaya diselesaikan oleh suluk ini. Boleh saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Petra Jaya telah menimbulkan banyak dalam penghujahannya terhadap teknikal kerana beliau juga adalah seorang yang pernah mengamalkan guaman syarie selain daripada guaman sivil. Beliau telah menimbulkan tentang orang bukan Islam sebagai saksi di Mahkamah Syariah. Saksi orang bukan Islam diterima di Mahkamah Syariah jika keterangannya boleh diterima menurut hukum syarak dalam memberikan baiyinah untuk orang Islam. Perkara ini disebut

dengan nyata dalam Seksyen 83(2) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) Akta 561 sebagai contoh baiyinah iaitu keterangan yang diberi oleh seorang pakar bukan Islam terhadap seorang Islam boleh diterima jika dikehendaki.

Tidak ada peruntukan dalam undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah yang mensyaratkan seorang saksi itu adalah seorang Islam. Kerana syarat saksi dalam 83(1) disebutkan akil, baligh dan juga adil, ya. Akil, baligh dan adil ini syarat Islamnya tidak ada, maknanya itu saya rasa telah merupakan satu kelonggaran seorang yang hendak menjadi saksi itu ialah berakal, baligh, cukup umur, sampai umur kemudian adil, maknanya tidak berbohong dan sebagainya dan ingatan mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka juga di antara tercatat dalam 83(1). Saya rasa tidak ada masalah dalam perkara ini.

Ahli Yang Berhormat daripada Petra Jaya juga telah membangkitkan persoalan melatih para hakim, pegawai perundangan, kerani-kerani dan sebagainya supaya mempunyai kemahiran dalam prosedur undang-undang syariah. Dalam menangani isu ini kerajaan telah mengambil inisiatif bagi meningkatkan tahap kecekapan pegawai dan kakitangan Mahkamah Syariah dengan menghantar mereka berkursus di pusat-pusat latihan yang diwujudkan oleh kerajaan seperti ILKAM iaitu Institut Latihan Kehakiman, kemudian ILIM, Institut Latihan Islam dan lain-lain kursus yang dianjurkan oleh Unit Latihan JKSM, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dari semasa ke semasa bergantung kepada keperluan.

Di seluruh Malaysia terdapat seramai 219 pegawai syariah di bawah Skim LS iaitu Skim Pegawai Syariah. Mereka ini ditempatkan di pelbagai jabatan dan pelbagai gelaran jabatan di antaranya Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dengan beberapa unit dan jawatan, Hakim Syarie, Pendaftar dan juga Pegawai Suluk yang kita bincangkan tadi, juga menggunakan Skim LS iaitu Pegawai Syariah di Mahkamah Syariah di negeri-negeri. Juga menggunakan LS juga ialah Pendakwa Syarie di Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri-negeri. Peguam Syarie Persekutuan di Bahagian-bahagian Penasihat Seksyen Syariah di Jabatan Peguam Negara dan Biro Bantuan Guaman. Semuanya menggunakan Skim LS.

Sepanjang tahun 2004 JKSM telah mengadakan beberapa aktiviti untuk memantapkan pengetahuan pegawai-pegawai tersebut antaranya:-

- (i) muzakarah hakim-hakim syarie;
- (ii) muzakarah pendakwa syarie, pegawai syariah di Jabatan Peguam Negara dan pegawai syariah di Biro Bantuan Guaman;
- (iii) persidangan pegawai syariah seluruh Malaysia;
- (iv) kelas pengajian tafakuh iaitu membaca kitab yang berkaitan dengan perundangan dan tugas untuk mereka arif tentang hukum-hukum fikah;
- (v) bengkel metodologi penyelidikan yang kursus motivasi pegawai syariah;
- (vi) bengkel pemahaman tatacara jenayah;
- (vii) bengkel pemahaman tatacara mal;
- (viii) diskusi pengendalian kes-kes rayuan;
- (ix) kursus mengenai guaman;
- (x) kursus penyediaan bil dan kos;
- (xi) kursus penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah; dan
- (xii) kursus pengurusan faraid.

Itu di antara kursus-kursus yang telah diadakan oleh JKSM.

Selain kursus untuk pegawai syariah, kakitangan sokongan juga diberi beberapa kursus. Antaranya:

- (i) kursus motivasi kumpulan sokongan;
- (ii) kursus asas undang-undang;
- (iii) kursus perkhidmatan pembantu tadbir JKSM dan Mahkamah Syariah negeri-negeri;
- (iv) kursus tatacara kewangan;
- (v) kursus pengendalian e-syariah.

Selain daripada itu, pihak jabatan juga akan menghantar kakitangan berkursus anjuran jabatan-jabatan lain seperti INTAN, ILKAP dan lain-lain agensi yang berkaitan.

Yang Berhormat bagi Petra Jaya telah membangkitkan ataupun mengemukakan cadangan mengadakan pengasingan antara penguatkuasaan dan pendakwaan dan Mahkamah Syariah. Saya rasa ini telah pun saya sebut tadi dengan sesetengah negeri telah berjalan dengan baik, sesetengah negeri mungkin dari sudut pembangunan masih sama tetapi dari segi pengasingan telah pun berlaku dan di antara yang agak terkemuka dalam pengasingan ini, kita dapati tiga buah negeri iaitu Melaka, Perak dan Sabah telah mendapat kelulusan JPA, manakala negeri-negeri lain di peringkat akhir. Kemudian, begitu juga dengan Mahkamah Syariah di mana telah pun diwujudkan satu jabatan berasingan yang dinamakan Jabatan Kehakiman Syariah. Yang Berhormat bagi Petra Jaya juga, telah membangkitkan cadangan agar undang-undang syariah ini diseragamkan dan dilaksanakan secara teratur. Jadi, ini juga telah saya sebut. Bermakna, dalam perbincangan tadi, telah kita berusaha supaya ianya lebih teratur.

Kemudian, Yang Berhormat bagi Petra Jaya juga telah membangkitkan tiada peruntukan khusus atau tiada arahan bagaimana permohonan *ex parte* dilaksanakan. Seperti mana yang telah dinyatakan sebelum ini, tujuan utama penubuhan JKSM adalah sebagai penyelarasan kepada penyeragaman undang-undang, prosedur dan peraturan-peraturan pentadbiran Mahkamah Syariah negeri-negeri. Dalam menangani ketidakseragaman pelaksanaan *ex parte* ini, arahan amalan Mahkamah Syariah (11) Tahun 2003 menjelaskan prosedur *ex parte* ini. Arahan amalan syariah tersebut menjelaskan bahawa tempoh kuat kuasa perintah *ex parte* tersebut adalah tidak melebihi 30 hari dari tarikh diperintahkan. Kes induk yang berkaitan kepada perintah tersebut hendaklah difailkan dalam tempoh 40 hari dari permohonan *ex parte* tersebut difailkan.

Selain daripada arahan Amalan (11) tahun 2003, terdapat juga surat pekeliling Ketua Pengarah, Ketua Hakim Syarie JKSM Bil. 1 tahun 2005 yang menjelaskan bagaimana penamatan perintah *ex parte* dan apakah kes induk surat pekeliling ini menjelaskan bahawa hakim yang memerintahkan perintah *ex parte* tersebut hendaklah menyatakan dengan jelas tempoh 30 hari. Tempoh 30 hari berkuat kuasanya perintah tersebut.

Seterusnya saya berbalik kepada apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Adakah pegawai penguat kuasa agama mempunyai tauliah di mana mereka telah didedahkan dengan prosedur dan undang-undang berkaitan? Semua pegawai-pegawai penguat kuasa agama yang dilantik adalah telah diberi tauliah oleh Majlis Agama Islam Negeri-negeri dan pegawai-pegawai yang dilantik telah diberi kursus mengenai prosedur penguatkuasaan dari masa ke semasa, sama ada di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) dan di Institut Latihan Kehakiman Perundangan Malaysia (ILKAP).

Persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong, cadangan supaya dibuat kajian menyeluruh sebelum sesuatu undang-undang Islam dibuat. Ini untuk Yang Berhormat bagi Kepong, telah menimbulkan perkara ini di antaranya, kerajaan sebelum meluluskan sesuatu undang-undang Islam akan membuat kajian dan penelitian terlebih dahulu. Menurut amalan melalui mekanisme sedia ada, setiap draf undang-undang yang di bincang dan disediakan draf awalnya oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak Sivil yang diurus setiakan oleh JAKIM, di bentang dalam sesi dialog dan persidangan

melibatkan pihak-pihak berkuasa negeri-negeri iaitu terdiri daripada penasihat undang-undang negeri, Ketua Hakim Syarie, Mufti, Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN).

Bagi Wilayah Persekutuan, draf yang telah dipersetujui ini, dirujuk kepada Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara untuk pandangan, semakan dan juga pengesahan terakhir sebelum dibentangkan ke Parlimen sebagaimana undang-undang pindaan yang kita telah bawa terlebih dahulu kepada proses tadi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya berharaplah proses untuk membentangkan undang-undang dapat dimantapkan lagi. Walau bagaimanapun, masalah yang kita hadapi seperti saya timbulkan kerana perkara ini mungkin tidak sensitif oleh sesetengah orang dan masyarakat sayalah di jajahan Bachok di sana, di setiap generasi ada orang memeluk agama Islam kerana percintaan dan sebagainya.

Faktor-faktor yang tertentu, Sri Gading ini memang satu perkara yang agak sensitif jugalah. Bertahun-tahun bila seseorang itu memeluk agama Islam, dia hilang daripada masyarakat dan daripada keluarga kerana faktor-faktor yang tertentu. Kalau kita hendak menghayati nilai-nilai sejagat dan nilai-nilai abadi yang termaktub di dalam Al-Quran, kitab yang suci ini, macam mana kita boleh mengubah keadaan kerana nilai-nilai seperti kebersihan mental dan fizikal, belas kasihan, kesederhanaan, kerajinan, kejujuran, keadilan, kasih sayang, kehormatan, semangat kemasyarakatan, merendah diri dan kebebasan dan sebagainya, kita nampaknya susah hendak menghayati kerana kita bukan insan yang kamil.

Walaupun bagaimanapun, macam mana kita boleh memupuk silaturahim kerana kita nampak - masyarakat bukan Islam, kalau seseorang itu memeluk agama Kristian, masalah ini tidak timbul. Dia boleh bergaul lagi walaupun ibu bapa tidak seronok, tidak begitu puas hati tetapi dia masih tinggal bersama dan masih ada hubungan kekeluargaan dan sebagainya. Tetapi, peristiwa yang saya sebutkan, generasi ini macam mana kita boleh mengubah keadaan kerana ini menimbulkan masalah keluarga yang terlibat.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong dan rintihan tadi saya rasa, saya sangat menyedari keadaan itu, sebab saya pun sebelum masuk politik, seorang pendakwah - Profesor dalam bidang dakwah di universiti. Saya pun bukan teori sahaja, amali pun buat. Sekarang tidaklah, sekarang politiklah. Dulu, memang sepenuh masa dari segi akademiknya, dari segi itu. Kita menyedari bahawa dalam Islam, sangat mengamalkan nilai-nilai yang murni, kasihan belas, menghormati orang lain, sangat menghormati perbezaan beragama dan lain-lain. Sebagaimana Yang Berhormat bagi Kepong telah menunjukkan pimpinan Al-Quran. Sebelum dia masuk sini pun, dia jumpa saya di lobi sana dan dia kata dia hendak bercakap. Saya kata terserah. Bukan orang Islam sahaja bercakap tentang ini.

Semua kita boleh berkongsi maklumat, berkongsi pengalaman. Saya rasa satu cadangan yang baik. Maknanya, nilai-nilai tadi sebenarnya ada. Cuma, dari segi pelaksanaan, di kalangan orang Islam. Saya tengok dalam kes-kes yang tertentu, apabila dia memeluk agama Islam ataupun yang bukan Islam memeluk agama Islam, berkahwin dengan orang Melayu kebanyakannya ataupun orang Islam, terus dia putuskan perhubungan kekeluargaan.

Itu tidak patut, mana ada. Sebab pun dalam Al-Quran sendiri, Saya rasa Yang Berhormat bagi PAS boleh sebut, nas-nas dalam Al-Quran cukup banyak yang menjelaskan maknanya, dalam surah Lukman ada menceritakan [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Maknanya: memberi ruang supaya perbezaan pendapat itu, kalau sekiranya anak yang memeluk agama Islam, bapa tidak memeluk agama Islam, dia tetap bapa dia. Bukan memutuskan kerana perbezaan agama. Tetapi cumanya berlaku kerana kadang-kadang kejahatan, kerana tidak faham dengan keadaan sebenar. Sebagai contoh.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat panjang lagikah?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sudah hendak habis dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak habiskan berapa lama Yang Berhormat?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya rasa dalam seminit, dua lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh habiskan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Boleh saya habiskan? Okey. Seterusnya saya juga respons kepada isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong tentang isu pembesar suara yang kuat, di mana di masjid-masjid yang mengganggu keselesaan orang ramai. Jadi ini pun kita telah menyedari keadaan tersebut dan kita mendapati dalam pengajian agama Islam sendiri pun, tidak boleh mengganggu, begitu besar - *volume* suaranya begitu besar. Janganlah daripada awal itu, kalau katakan azan Subuh daripada setengah jam ataupun sejam, sudah mula membuka sama ada membaca Al-Quran dan lain-lain lagi. Ia hanya masa yang terhad. Saya *refer* kepada Mufti Wilayah Persekutuan, katanya memang itu adalah merupakan amalan yang baik iaitu ringkas sahaja dan *volume* janganlah terlalu kuat, maknanya itu. Itu saya rasa kita ambil perhatian. Tentang keluarga, Yang Berhormat bagi Kepong yang berasal daripada Kelantan masuk Islam dan sebagainya, saya rasa kita mengharapkan supaya perhubungan itu diteruskan, dijalin dengan baik kerana perbezaan agama tidak menjadi masalah.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Kepong juga menimbulkan isu pelantikan hakim wanita. Dia adalah seorang pejuang wanita yang unggul, membangkitkan kerana statistik menunjukkan bahawa sekarang ini graduan kita banyak wanita dan sebagainya. Jadi, isu ini perlu dikaji dengan mendalam oleh pihak JAKIM melalui panel syariah dan muzakarah Jawatankuasa FATWA Kebangsaan. Dalam keadaan yang tertentu, menurut pembacaan saya, makna kes-kes tertentu seperti mal dalam istilah syariah mal iaitu selain daripada jenayah iaitu mal dalam istilah ini, wanita boleh menjadi hakim dalam keadaan tertentu.

Tetapi walau bagaimanapun, saya rasa kita perlu perhalusi terutama dengan peruntukan yang ada dalam pindaan ini, iaitu takrif mazhab yang dipakai itu adalah Mazhab Shafie, boleh juga mengamalkan mazhab-mazhab yang lain yang telah kita catatkan dulu iaitu Hanafi, Maliki dan Hambali. Sebab dalam Mazhab Hanafi, merupakan amalan yang saya rasa, terutama kerajaan di Malaysia dengan Muamalat mengamalkan banyak dengan Hanafi. Jadi, memberi ruang kepada kita, agak fleksibel dalam perkara ini. Jadi, kita perlu perhalusi di situ dulu, tengok dari segi muzakarah, fatwa dan sebagainya kita lihat dan saya optimis benda itu boleh diselesaikan. Saya rasa itulah sahaja maknanya penggulangan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujukan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah selesai. Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.06 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula.

RANG UNDANG-UNDANG TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri dijemput.

2.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah bersetuju untuk menyeragamkan undang-undang Islam seluruh Malaysia. Justeru itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Peguam Negara (JPN) telah menyediakan suatu model Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah yang seragam untuk diterima pakai di seluruh Malaysia.

Pada 9 Februari 2000, Majlis Jemaah Menteri telah bersetuju supaya model Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah diseragamkan dan dibentangkan ke Mesyuarat Majlis Raja-raja Melayu. Pada 22 Mac 2001, Mesyuarat Majlis Raja-raja Melayu Kali Yang Ke-188 telah memperkenankan penyeragaman Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia. Bagi merealisasikan penyeragaman undang-undang tersebut di Wilayah-Wilayah Persekutuan, JPN telah membuat semakan dan perbandingan antara Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1998 [Akta 585] dengan model Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah yang disediakan Jabatan Peguam Negara mendapati tiada banyak perbezaan antara model undang-undang seragam dengan [Akta 585] tersebut.

Oleh yang demikian, JPN telah mencadangkan supaya [Akta 585] tersebut diselaraskan dengan model undang-undang seragam dengan cara membuat pindaan. Adalah wajar pindaan dibuat terhadap Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1998 [Akta 585], bagi menyelaraskan dengan undang-undang model seragam kerana tiada banyak perbezaan di antara kedua-dua undang-undang tersebut.

Pindaan yang dicadangkan dalam Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 adalah seperti berikut.

Fasal Pertama mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan iaitu Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005.

Fasal 2 ialah pindaan am untuk menggantikan perkataan dalam Akta Ibu, teks bahasa Inggeris di mana-mana terdapat dalamnya kecuali dalam takrif *Administration Act* dalam subseksyen 3(1), perkataan "*Islamic Law*" dengan perkataan "Hukum Syarak".

Fasal 3 bertujuan untuk meminda perenggan 22(b) Akta Ibu dengan memasukkan selepas perkataan "cacat", perkataan "atau".

Fasal 4 bertujuan untuk meminda Seksyen 34 Akta ibu, teks bahasa Inggeris:

- (a) dalam nota bahu dengan menggantikan perkataan "*Memorandum of appointment*" dengan perkataan "wakalah"; dan
- (b) dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan "*memorandum of appointment*" dengan perkataan "wakalah".

Fasal 5 bertujuan untuk meminda Seksyen 39 Akta ibu, teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan "*memorandum of appointment*" dengan perkataan "wakalah".

Fasal 6 bertujuan untuk meminda Seksyen 43 Akta ibu, teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan "*memorandum of appointment*" dengan perkataan "wakalah".

Fasal 7 berkenaan dengan pindaan Seksyen 112(b) Akta ibu dengan menggantikan perkataan "Qadi" dengan perkataan "Pendaftar".

Fasal 8 bertujuan untuk meminda Seksyen 150(2)(b) Akta Ibu dengan memasukkan selepas perkataan "penghantarserahan khusus", perkataan "atau".

Fasal 9 bertujuan untuk meminda Seksyen 151(1)(aa) Akta Ibu dengan memasukkan selepas perkataan "pengkomitan", perkataan "atau".

Fasal 10 bertujuan untuk meminda Seksyen 167(d) Akta Ibu dengan memasukkan selepas perkataan "kos pelaksanaan itu", perkataan "dan".

Fasal 11 bertujuan untuk meminda Jadual Ketiga kepada Akta Ibu, teks bahasa Inggeris dalam Borang MS 5 :-

- (a) dalam tajuk dengan menggantikan perkataan "*MEMORANDUM OF APPOINTMENT OF*" dengan perkataan "WAKALAH".
- (b) dengan menggantikan perkataan "*memorandum of appointment*" dengan perkataan "wakalah".

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah sesiapa hendak sokong?

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka dibahaskan. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

2.38 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri ada sebut bahawa ini adalah set ketiga rang undang-undang untuk menyeragamkan undang-undang syariah. Saya rasa saya perlu ambil peluang ini khasnya untuk memberi sedikit teguran mengenai beberapa jawapan Yang Berhormat Menteri ada

beri dalam perbahasan tadi yang ada bersangkut paut dengan ketiga-tiga set rang undang-undang ini khasnya apabila kita lihat apa yang berlaku pagi ini, Yang Berhormat bagi Jerai yang ada buat satu reaksi yang begitu emosional yang kata bahawa mereka yang tidak bersetuju dengan kedudukan Malaysia, dengan tuntutan dan dakwaan Malaysia sebagai negara Islam, patutlah keluar daripada Malaysia.

Saya rasa ini sangat serius bukan sahaja perkara sama ada bersangkut paut atau bersabit dengan Peraturan Mesyuarat 26(1)(b) itu hal yang berlainan. Tetapi kalau dalam Dewan yang mulia ini, satu isu begitu penting sama ada Malaysia sebuah negara Islam pun boleh menimbulkan emosi yang begitu hebat sehingga mahu menghalau mereka yang tidak bersetuju daripada Malaysia menganggap mereka sebagai penderhaka, pengkhianat atau anti nasional.

Saya rasa inilah satu kecenderungan, satu trend yang sangat berbahaya, yang patut diberhentikan sebelum ia *goes out of hand*, khasnya apabila tuntutan atau dakwaan Malaysia sebuah negara Islam ialah bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia, bertentangan dengan *social contract* yang menjadi asas pembinaan negara dan kaum-kaum kita dalam masa mencapai kemerdekaan. Saya rasa ini sangat berbahaya dan kalau ini tidak berhentian, nampaknya akan timbul dalam negara kita isu-isu yang adalah dianggap sebagai sensitif tetapi tidak boleh disoalkan.

Itu sebabnya apabila Yang Berhormat bagi Pasir Puteh minggu lalu berkata bahawa tuntutan Barisan Nasional bahawa Malaysia sebuah negara Islam adalah dipersetujui oleh semua parti termasuk parti-parti pembangkang, di sini bagi pihak DAP berdiri tegas untuk menyuarakan penentangan kita. Oleh kerana kita tidak mahu perkara ini *dihijack* oleh segelintir orang untuk menganggap bahawa sudah menjadi satu kenyataan, sudah menjadi satu *consensus*, sudah menjadi satu muafakat yang tidak boleh dipertikaikan bahawa Malaysia salah sebuah negara Islam. Kita bukan menentang Islam, kita bukan memusuhi Islam, kita menghormati Islam sebagai satu agama, antara agama yang teragung di dunia.

Tetapi sama ada Malaysia sebuah negara Islam atau bukan sebuah negara Islam, kita perlulah ada pendekatan yang rasional dan bukan emosional. Kita lihat Yang Berhormat bagi Jerai tadi, saya rasa ini sangat berbahaya dan sebab itu perlulah setiap kali sesiapa yang kata bahawa sudah dipersetujui 100%, tidak ada bantahan, Malaysia sudah menjadi sebuah negara Islam bukan sahaja menentang Perlembagaan tetapi perlulah dipertikaikan bukan sahaja bagi pihak DAP, bukan sahaja untuk menyuarakan bagi pihak rakyat Malaysia bukan Islam, *non-Muslims* tetapi bagi pihak *moderate Muslims* dan saya percaya bahawa *moderate Muslims*, orang Islam yang sederhana mewakili majoriti.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti. Masih mewakili majoriti Malaysia. Saya mahu tanya sama ada Yang Berhormat bagi Kinabatangan antara orang *Muslim* yang sederhana? Adakah dia seorang *moderate Muslim*? Atau dia seorang ekstremis Muslim yang menganggap bahawa Malaysia sebuah negara Islam?

Datuk Bung Moktar bin Radin: *Moderate*.

Tuan Lim Kit Siang: *Moderate? Moderate Muslim? Okey.*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Sederhana!

Tuan Lim Kit Siang: Sederhana? Okay, saya harap kalau *moderate Muslim* boleh berdiri, berkata bahawa Malaysia bukan sebuah negara Islam mengikut Perlembagaan Malaysia, mengikut Perlembagaan Malaysia.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Okey, duduk. Bolehkah?

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya terpanggil dengan ucapan Yang Berhormat. Saya bukan membela Yang Berhormat bagi Jerai tetapi daripada ucapan-ucapan Yang Berhormat mengundang seseorang untuk mencelah sebab Yang Berhormat berucap dengan penuh emosi, dengan penuh provokasi. Jadi apabila ada provokasi maka timbullah kontroversi dan maka mendatangkan undangan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk mencelah dan menyatakan ketidakpuasan. Bukan soal *moderate* atau sebagainya tetapi kita semua sudah sama-sama menerima bahawa negara ini diiktiraf oleh negara-negara yang lain sebagai negara Islam. Jadi, apa Yang Berhormat perlu pertahankan lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Nantilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya mencadangkan kalau boleh Yang Berhormat, kita beralih kepada tajuk yang dibangkitkan berkaitan dengan rang undang-undang. Di sini memang saya bersetuju supaya semasa kita mengambil bahagian dalam perbahasan, tidak patut kita beremosi, itu yang pertama.

Yang kedua, mematuhi Peraturan Mesyuarat yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, oleh kita sendiri adalah penting dan mustahak. Semua pihak perlu ambil tugas dan langkah ini sebagai satu tugas yang wajib. Saya minta semua, apabila hendak berbahas, mengikut dan mematuhi Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor saya mencadangkan supaya Yang Berhormat beralih kepada tajuk yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, terima kasih. Ya! Yang ini mustahak oleh kerana ini *over racking*, ini satu isu yang *over racking*, yang mempengaruhi rang undang-undang di hadapan kita dan sebab itu Yang Berhormat Menteri dengan panjang lebar ada memberi jawapan beliau dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain pun ada memberi pandangan. Saya rasa ini mustahak, khasnya apa yang berlaku pada pagi ini supaya kita menunjukkan kepada rakyat, kepada negara, kepada dunia bahawa kita boleh berbincang dengan rasional satu isu yang begitu fundamental.

Khasnya apabila kita menganggap bahawa ada usaha untuk menukar asas Perlembagaan Malaysia, asas pembinaan negara dan kita perlu harus terpanggil untuk berdiri untuk *put the record straight* bukan sahaja bagi pihak DAP, bukan sahaja bagi pihak *non-Muslims* di Malaysia, bagi pihak *moderate Muslims*, majoriti *Muslims* yang *moderate* dalam Malaysia, bagi pihak Ahli-ahli MCA, Gerakan, MIC di Sabah dan Sarawak oleh kerana mereka tidak boleh menyuarakan pendirian itu sungguhpun mereka bersetuju dengan DAP, bersetuju bahawa Malaysia bukan sebuah negara Islam, bahawa Malaysia apabila ditubuhkan adalah sebuah negara yang berbilang agama, demokratik dan kita mengakui Islam sebagai agama Persekutuan tetapi Malaysia bukan sebuah negara Islam.

20 points Sabah, 20 points Sarawak, itulah *Cobbold Commission*. Saya percaya Yang Berhormat daripada Sabah, Sarawak, Iban, Kadazan, semua tahu, semua bersetuju, SUPP sangat bersetuju tetapi tidak berani untuk menyuarakan. DAP sekarang bukan sahaja perlu menyuarakan isu ini bagi pihak rakyat tetapi bagi pihak Ahli-ahli Parlimen dalam Barisan Nasional, MCA, Gerakan, MIC, Sabah dan Sarawak, itulah tanggungjawab kita. Adakah orang yang berani kata bahawa tidak bersetuju? Adakah....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini provokasi Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti dahulu, adakah Ahli-ahli MCA, Gerakan, MIC, Sabah, Sarawak yang berdiri kata tidak bersetuju bahawa Malaysia sebuah negara Islam? Berdiri! Bukan provokasi itu untuk dapat kebenaran. Kita cakap bagi pihak MCA, Gerakan, MIC Sabah, Sarawak, benar bukan? Tengok diam SUPP oleh kerana tidak berani hendak cakap. Itu hal mustahak.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, ini provokasi, mana boleh mencabar?

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, kita tidak mencabar, itu biasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya fikir perkara ini sudah panjang dibahaskan, dengan panjang lebar dan sebagaimana yang telah saya tegaskan, bila kita mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini, mengikut Peraturan Mesyuarat 36(1), hanya kita boleh dibenarkan membahaskan rang undang-undang yang meminda Akta itu. Jadi saya minta, sebab tadi, semalam, saya bersetuju...

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya bersetuju, Yang Berhormat, semalam dan pagi ini kita sudah diberikan peluang.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak apa, saya tidak akan guna tiga hari, orang lain ada guna, *irrelevant*, tetapi ini ada *over racking*. Jadi sebab itu saya harap bahawa kita ambil perhatian tentang perkara ini. Kita kata mengenai Islam Hadhari. Apa ertinya Islam Hadhari yang menjadi satu lagi *over racking issues*, semua ketiga-tiga rang undang-undang ini? Antara sepuluh prinsip Islam Hadhari ialah mengenai keutuhan moral, moral integriti, keadilan, ada keadilan, adil menjaga sepuluh prinsip yang ada dalam *booklet* ini. Kena adil dan beramanah, keutuhan budaya dan moral, moral integriti. Itulah kenapa mahu menekankan, mahu lawan? Kenapa UMNO dan PAS mahu bersaing untuk mewujudkan negara Islam apabila Malaysia bukan sebuah negara Islam.

Saya menyeru kepada UMNO dan PAS, berhentilah persaingan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara Islam, menerima Malaysia sebagai sekular, demokratik, multi *religious nation*, Islam agama Persekutuan. *Stop this competition, not good for Malaysia!* Hentikan persaingan itu untuk menjadikan Malaysia sebuah negara Islam Hadhari kalau ia untuk menyampaikan keadilan integriti. Kita bersetuju tapi jangan menjadi satu *front* untuk mewujudkan sebuah negara Islam, itu mustahak. Apa yang kita perlu ialah keadilan. Kalau saya tidak silap, Islam ialah mengenai keadilan. Sebuah negara jikalau adil, itulah bersifat *Islamic*. Kalau sebuah negara yang tidak ada keadilan, kata nama *Islamic state* pun tidak guna.

Adakah keadilan, adakah keadilan, adakah keutuhan? Kita tengok sebagai contoh, itu apa yang mustahak *element of* keadilan dan kalau kita mahu keutuhan. Tadi kita ada satu *briefing* mengenai keutuhan integriti itu mustahak. Kita tengok dua, tiga hari dahulu dengan pendek, apa yang berlaku? Seorang bekas Ketua Menteri Sabah dia punya *debt* berapa? Hampir RM7 juta di kasino London, bekas Ketua Menteri Sabah dan bekas Menteri Tanah dan Koperasi, Dato' Seri Osu Sukam setahun selepas bersara daripada jawatan tinggi politik.

Apa itu Islam Hadhari? Dan beliau pernah tidak mempertikaikan kes guaman United Kingdom terhadapnya atau mencabar affidavit oleh Pengurus Judi Casino di Hotel Ritz, Robert William Whitehall yang bertarikh 29 Mei 2003 yang menyatakan Osu telah memohon menjadi ahli kasino berkenaan pada 8 Julai 2000 masa dia menjadi Ketua Menteri.

Osu telah diberi kemudahan *cheque-cashing facilities* sebanyak £500,000 pada 11 Februari 2002 yang meningkat sehingga £1.5 juta pada 7 Mei 2002 bahawa Osu berjudi hampir setiap hari dalam pelbagai lawatan beliau ke London pada bulan Februari, April, Mei dan September 2002, bahawa beliau satu hari sahaja iaitu 9 September 2002, bahawa beliau telah menjudikan £2 juta dengan kerugian sebanyak £1.7 juta dalam tempoh waktu dari 9 Februari 2002 hingga 15 September 2002, dia telah menjudikan... Ya, saya habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Adakah ini berkaitan dengan Rang Undang-undang?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ya mengenai Islam Hadhari, *morality*, saya habis soal itu sahaja. Dia telah menjudikan £23.4 juta dengan kerugian sebanyak £4.6 juta. Beliau adalah boleh berjudi ...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tidak ada relevan, Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: ...di kasino-kasino oleh kerana yang lain sama ada Crockfords, Colony, Rendezvous. Adakah Ahli Yang Berhormat.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tidak *relevant!*

Tuan Lim Kit Siang: ...menafikan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Memalukan orang yang tidak boleh membela diri!.

Tuan Lim Kit Siang: Apakah itu *morality*?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tunggulah mahkamah.....

Tuan Lim Kit Siang: Apa guna bincang dengan negara Islam, apabila ada....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tidak relevan.

Tuan Lim Kit Siang: ... *corruption* semacam ini, penyelewengan semacam ini berlaku bermaharajalela daripada Sabah! Ketua Menteri Sabah! Bukan malu....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Siapa Ketua Menteri Sabah? Dia bukan Ketua Menteri....

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Dia bukan ketua

Tuan Lim Kit Siang: Dia dari mana?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kenapa diam?

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa satu tahun melepaskan jawatan tinggi politik dia boleh beratus.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang:lebih daripada dia ada cabar.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Apa dia buat, dia buatlah....

Tuan Lim Kit Siang:lebih daripada RM100 juta

Datuk Bung Moktar bin Radin: Apa *you* susah?....

Tuan Lim Kit Siang: ...judi ...[*Dewan riuh*]dan rugi bukan menunjuk bahawa ada salah guna kuasa? Adakah rela satu *Royal Commission of Inquiry* untuk siasat wang dari mana? Mana boleh wang daripada sendirian....?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah ini. Perkara ini cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, kalau kita mahu bincang negara Islam itulah *the essence*, ini bukan mengenai *rituals* dan lain-lain. Saya harap bahawa kita menerima bahawa mengikut perlembagaan selain daripada perlembagaan dipinda, Malaysia bukan sebuah negara Islam dan saya menyeru kepada UMNO dan Pas berhentilah *competition* untuk menjadikan Malaysia sebuah negara untuk kebaikan Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tanjong. Lepas Tanjong Menteri menjawab.

2.54 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sukacita saya ambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Tatacara mahu Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Tahun 1998 di mana pindaan

yang spesifik adalah berkenaan dengan menggantikan perkataan *Islamic Law* di mana-mana juga terdapat kecuali dalam takrif *Administrative Act* dalam subseksyen 31 dengan perkataan ke mesyuarat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara 121(1)(A) dalam Perlembagaan Persekutuan kita menggariskan bidang-bidang kuasa untuk Mahkamah-mahkamah Sivil dan Mahkamah-mahkamah Syariah di mana dikatakan dalam perkara ini Mahkamah-mahkamah Sivil tidaklah mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa yang diberikan kepada Mahkamah Syariah di mana wujudnya satu keadaan di mana adalah *exclusive jurisdiction* kepada Mahkamah-mahkamah Syariah dalam mentadbirkan Undang-undang Islam dan Undang-undang Islam di Malaysia ini juga tidak boleh dikuatkuasakan ke atas orang-orang yang tidak menganut agama Islam.

Dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, saya rasa banyak soalan timbul berkenaan dengan konflik di antara bidang kuasa yang diberikan kepada Mahkamah-mahkamah Syariah dan bidang kuasa yang sedia ada dengan Mahkamah-mahkamah Sivil di mana kita pun ada mendengar hujah dari Yang Berhormat Petra Jaya, wujudnya konflik-konflik tertentu dalam mentadbirkan Undang-undang Syariah dan juga perbezaan bidang kuasa di antara Mahkamah-mahkamah Syariah dan juga Mahkamah-mahkamah Sivil.

Dalam bidang undang-undang tertentu wujudlah konflik di antara dua mahkamah ini seperti contohnya Tuan Yang di-Pertua dalam menguatkuasakan geran *for LA, Letters of Administration*, dengan izin, bagi seorang Muslim cuma boleh dibuat dalam Mahkamah Sivil walaupun tadi saya katakan adanya pindaan kepada Akta 121(1)(A) di mana Mahkamah Syariah adalah diberikan bidang kuasa untuk menguruskan hal ehwal orang-orang Muslim.

Keduanya, contoh yang kita nampak ada konflik adalah berhubung dengan tuduhan terhadap jenayah-jenayah yang di luar tabii seperti liwat yang dilakukan oleh seorang Muslim bolehlah dihadapkan kepada Mahkamah Sivil. Walaupun itu berhubung dengan seorang Muslim sungguhpun *offence* ini diperuntukkan di dalam kedua-dua Mahkamah Syariah dan Sivil.

Point yang ketiga, wujudnya konflik kita nampak bahawa perintah mahkamah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah ini tidak dapat dikuatkuasakan ataupun *enforceable*. Tidak boleh *dienforceable* dalam *Civil Court* dan kemungkinan juga kerana bidang kuasa agama adalah tertakluk kepada negeri, *court order* daripada sebuah Mahkamah Syariah di sesebuah negeri mungkin tidak dapat juga *dienforcekan* dalam Mahkamah Syariah di sebuah negeri yang lain di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, satu kes yang amat mendapat perhatian masyarakat Malaysia dan juga Dewan ini sebab perkara ini sudah saya bangkitkan tahun lepas beberapa kali adalah berhubung dengan satu kes yang membabitkan seorang perempuan Hindu bernama Sharmala Satha Salen yang wujud berbagai implikasi terhadap pengurusan ataupun penguatkuasaan Undang-undang Syariah dan Undang-undang Sivil. Di mana Mahkamah Tinggi Sivil pada tahun 2004 telah memutuskan bahawa cuma Mahkamah Syariah mempunyai *expertise* dan *competency* untuk menguruskan perkara yang berbangkit berhubung dengan masalah keluarga dan juga *conversion of minors* anak-anak perempuan ini dan sebagainya.

Pada masa itu kementerian dan kerajaan telah memberitahu saya dalam jawapan kepada perkara yang saya bangkitkan bahawa nampaknya wujud percanggahan dalam kes ini dan kementerian pada masa itu berjanji akan membuat satu kajian terhadap implikasi kes Sharmala ini terhadap pengurusan bukan sahaja Undang-undang Islam tetapi pengurusan Undang-undang Sivil sebab wujudnya percanggahan yang begitu ketara dalam kes ini.

Saya berharap menteri yang hadir pada hari ini dapatlah memberi satu kedudukan kepada apa yang sudah pun dijanjikan kepada saya bahawa kementerian dan bahagian agama Islam ini akan membuat kajian yang mendalam terhadap isu ini.

Saya berharap sudah satu tahunlah perkara ini dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, saya tidak tahu sama ada kajian ini sudah siap atau belum dan eloknya menteri mengambil kesempatan ini memaklumkan kedudukan yang terkini berhubung dengan

kajian yang di katakan akan dilakukan oleh kerajaan terhadap impak dan implikasi kes ini terhadap undang-undang di negara ini. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua bahawa ada peguam yang menyuarakan kebimbangan dan juga NGO-NGO wanita khususnya NGO wanita dari pertubuhan Islam telah menyuarakan kebimbangan mereka bahawa wanita yang bukan Agama Islam akan menghadapi pelbagai cabaran apabila suami ataupun bekas suami mereka memeluk Agama Islam dan perempuan ini akan menghadapi pelbagai cabaran ataupun hak-hak mereka seperti *custody*, *maintenance*, dan juga *access* yang sama rata terhadap undang-undang akan dihakiskan.

Di mana ini pun dapat perhatian dari *News Straits Times* pada tahun 2003 mereka melaporkan bahawa perkara-perkara ini wujud sebab nampaknya percanggahan ini tidak dapat di *reconcile*. Saya berharap bahawa impak kes ini juga memberi satu pengajaran kepada kita bahawa dalam kes Shamala ini yang membimbangkan adalah walaupun kita tahu bahawa Mahkamah Syariah adalah mempunyai bidang kuasa terhadap penganut-penganut Islam sahaja, mengapa keputusan dibuat untuk mengarahkan perempuan ataupun wanita ini yang menghadapi pelbagai cabaran untuk menuntut haknya di Mahkamah Syariah. Saya nampak ini satu perkara yang luar biasa yang harus ditangani dan supaya wanita-wanita yang lain tidak akan menghadapi masalah yang dihadapi oleh Puan Shamala ini.

Dalam kes ini saya kata ada beberapa aspek yang sangat menarik iaitu Syariah *Court* dan juga *Civil Court* juga didapati mengeluarkan *court order* yang sama bercanggah di mana Syariah *Court* juga mengeluarkan *court order* yang akhirnya diketepikan oleh Mahkamah Sivil. Jadi saya berharap banyak pertubuhan mengambil berat tentang kes ini dan mereka mencadangkan bahawa ada *select committee*, ada suruhanjaya menyiasat dan sebagainya dan juga menuntut bahawa Parlimen ini akan memberikan satu *remedy* kepada perkara yang berbangkit dalam kes ini. Memang saya rasa Yang Berhormat Menteri sudah ambil maklum tentang kes ini yang saya berharaplah pada akhirnya melalui kajian yang mendalam ini mewujudkan pindaan-pindaan ataupun menggubal undang-undang yang tertentu untuk menangani masalah-masalah yang berbangkit.

Saya dengan ini berharaplah kementerian akan memberi perhatian yang serius terhadap apa yang saya bangkitkan dan mudah-mudahan dengan perhatian yang diberikan oleh menteri dan juga kementerian perkara yang membabitkan hak-hak rakyat Malaysia ini sama ada mereka yang beragama Islam ataupun bukan beragama Islam sama-sama menghadapi pelbagai cabaran dalam mengurus tadbir undang-undang syariah dan undang-undang sivil. Saya berharaplah ucapan yang tidak panjang ini dapat perhatian Yang Berhormat Menteri untuk memberi jawapan yang tegas dalam perkara ini, sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri dijemput.

3.05 ptg.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin [Besut]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini iaitu Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan (Pindaan) 2005. Sebenarnya apa yang ditimbulkan saya rasa bukanlah hendak menghalang boleh di katakan setuju seluruhnya dengan pindaan ini ke arah yang lebih baik, jadi pindaan ini adalah suatu untuk menyeragamkan seluruh Malaysia yang telah pun bergerak, negeri-negeri telah pun boleh di katakan sebagaimana yang telah disebut semalam.

Terengganu sebahagian besar Sarawak sehinggakan Sabah sendiri pun telah bergerak ke arah itu dan kita di Wilayah Persekutuan juga bergerak ke arah itu untuk menyeragamkan dan dengan penyeragaman ini masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat daripada Tanjong tadi misalnya bidang kuasa di Mahkamah Syariah tidak dapat dikuatkuasakan di negeri-negeri yang lain kerana tidak ada penyeragaman. Dengan adanya penyeragaman ini kita merasakan bahawa perkara itu boleh diatasi, perkara yang difailkan di Terengganu misalnya boleh juga dijalankan di negeri-negeri lain seperti waran ataupun perkara-perkara lain yang dikeluarkan oleh mahkamah sana di sebuah negeri di

Malaysia boleh dilaksanakan di mahkamah-mahkamah lain di negeri-negeri lain di Malaysia dengan adanya penyeragaman itu.

Kebaikan saya rasa telah pun kita bincangkan dalam kertas penghujahan saya yang pertama dahulu, cuma yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor saya rasa saya tidak mahu berhujahlah sebab sudah habis masa banyak sudah tentang negara Islamkah, negara sekularkah itu adalah masing-masing pendapat, jadi terserah kepada kita, dia dengan pendapatnya dan saya tetap dengan pendapat saya yang sedemikian itu. Manakala Islam Hadhari, dikaitkan dengan kebejatan sosial ataupun perkara-perkara tingkah laku yang tidak baik dilakukan oleh orang ramai saya rasa dua perkara yang berbeza maknanya Islam Hadhari merupakan suatu usaha yang hendak dilaksanakan, suatu manhaj, suatu program yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan.

Pendekatan yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan sebagaimana 10 prinsip yang telah disebut tadi itu adalah hasrat yang baik, maka yang berlaku fenomena kebejatan sosial itu adalah satu perkara yang lain. Jadi pertarungan di antara yang baik dengan yang jahat itu sentiasa berlaku jadi kita tidak boleh nafikan. Makna tidak bolehlah katakan kalau hendak berbuat baik ada berlaku kebejatan sosial ini yang baik pun hapus semuanya, jadi tidak boleh, yang baik terus berjalan yang kebejatan itu perlu ditangani menurut bidang kuasa undang-undang. Saya rasa dua perkara yang berbeza.

Saya rasa saya tidak panjangkan perkara tersebut cuma daripada Yang Berhormat bagi Tanjong saya rasa baik kita jelaskan bahawa undang-undang Islam ialah untuk orang-orang Islam sahaja. Cuma kes-kes tadi yang telah ditimbulkan tidak ada kaitannya, apabila orang itu hendak meninggalkan sudah memeluk Agama Islam ada kaitannya dengan isterinya, dengan pencarian dan sebagainya.

Jadi ada kes-kes sebegini diteliti dan juga diperhalusi di Pejabat Peguam Negara ada bahagian yang khusus konflik di antara undang-undang sivil dan juga undang-undang syariah itu cuba diperlihatkan semula, diperhalusi dan akan mencari jalan untuk mengatasinya. Saya rasa secara umumnya itulah jawapan saya yang saya rasa setuju, semua kita setuju bahawa ianya adalah suatu pindaan, ini adalah suatu yang baik, mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
TATACARA JENAYAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 2005**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.12 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dibacakan kali kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah bersetuju untuk menyeragamkan Undang-undang Islam di seluruh Malaysia. Justeru itu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Peguam Negara (JPN) telah menyediakan suatu model Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah yang seragam untuk diterima pakai di seluruh Malaysia.

Pada 9 Februari tahun 2000, Majlis Jemaah Menteri telah bersetuju supaya model Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah diseragamkan dan dibentangkan di Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu. Pada 22 Mac 2001, Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu Kali Ke-188 telah memperkenalkan penyeragaman Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah di seluruh Malaysia. Bagi merealisasikan penyeragaman undang-undang tersebut di wilayah-wilayah persekutuan, Jabatan Peguam Negara telah membuat semakan dan perbandingan di antara Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 Akta 560 dengan model Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah yang telah disediakan. Oleh yang demikian, Jabatan Peguam Negara telah mencadangkan supaya Akta 560 tersebut diselaraskan dengan model undang-undang seragam dengan cara membuat pindaan.

Adalah wajar pindaan dibuat ke atas Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 bagi menyelaraskannya dengan model Undang-undang Seragam kerana tiada banyak perbezaan antara kedua-dua undang-undang tersebut. Pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 adalah seperti berikut;

Fasal 1 - mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan iaitu Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005.

Fasal 2 ialah pindaan am untuk menggantikan perkataan dalam "akta ibu" teks bahasa Kebangsaan di mana-mana jua terdapat perkataan "Prosedur" dan "prosedur" digantikan dengan perkataan "Tatacara" dan "tatacara". Manakala dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan "*Islamic Law*" di mana-mana jua terdapat, kecuali dalam takrif "*Administration Act*", dengan perkataan "Hukum Syarak".

Dalam Fasal 2 ini juga pindaan dibuat adalah untuk menggantikan perkataan "Jadual" dan juga "JADUAL" di mana-mana jua terdapat masing-masing dengan perkataan "Jadual Kedua" dan "JADUAL KEDUA". Pindaan ini bertujuan untuk menyeragamkan penggunaan istilah.

Fasal 3 - bertujuan untuk meminda Seksyen 2 akta ibu dengan memasukkan selepas takrif "Hakim" takrif "Hukum Syarak". Fasal ini juga bertujuan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen (3) yang baru. Ia bertujuan untuk mengelakkan keraguan tentang penentuan identiti atau tafsiran perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta Ibu. Sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, dengan adanya pindaan ini, rujukan bolehlah dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan dan ungkapan itu yang ditujukan bersetentangan dengannya dalam Jadual itu.

Fasal 4 - bertujuan untuk meminda subseksyen 57(1)(a) Akta ibu dalam teks bahasa Kebangsaan untuk menggantikan perkataan "di tempat kesalahan itu dilakukan"

dengan perkataan “pada masa itu juga”. Pindaan ini bertujuan untuk menyelaraskan ayat dengan teks bahasa Inggeris.

Fasal 5 - bertujuan untuk meminda Seksyen 210 Akta ibu dalam teks bahasa Kebangsaan dengan menggantikan perkataan “seratus ringgit” dengan perkataan “satu ribu ringgit”. Pindaan ini bertujuan untuk menyelaraskan dengan teks bahasa Inggeris.

Fasal 6 - bertujuan untuk memasukkan sebelum Jadual Kedua Jadual Pertama ke dalam Akta ibu berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan dalam Fasal 3.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sokong?

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Mohd. Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1997, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kota Bharu.

3.17 ptg.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang untuk meminda Akta Prosedur Jenayah Wilayah Persekutuan 1997.

Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana usaha-usaha untuk menyeragamkan undang-undang ini walaupun ia undang-undang prosedur, tetapi adalah satu langkah yang baik dan ditunggu-tunggu setelah sekian lama kita bercakap mengenai *uniformity*, kenegaraan ataupun persamaan undang-undang negeri-negeri khususnya dalam hal-hal jenayah.

Perkara kedua yang saya ingin juga menyebut ialah pindaan kepada Seksyen 2 ini jelas bahawa takrif “Hukum syarak” telah pun diberi dengan jelas, cuma saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kerajaan. Takrifan sesuatu konsep ataupun seperti perkataan ungkapan “Hukum Syarak” ini memerlukan kupasan yang lebih meluas dan dalam undang-undang kita tahu sama ada undang-undang Islam ataupun *Civil Law Code* ataupun *Common Law* yang memastikan keadilan dapat dilaksanakan ialah apabila undang-undang itu mendapat kupasan oleh mereka yang pakar. Jadi penulisan-penulisan buku amatlah penting untuk memperluaskan orang ramai memahami. Bukan sahaja hanya kumpulan-kumpulan tertentu yang memahaminya...

Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut bangun.

Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh Yang Berhormat?

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Boleh.

Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya ini hendak tanya Yang Berhormat secara serius, betulkah Yang Berhormat hendak membincangkan masalah ini? Sebab saya kenal sangat dengan Yang Berhormat bagi Kota Bharu dalam hal ini. Apakah Yang Berhormat serius untuk membincangkan soal ini? Terima kasih.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya pun tidak faham soalan itu. Kalau serius, saya pun memang selalu serius. Tetapi saya faham maksud Yang Berhormat bagi Larut. Walaupun saya - saya tidak tahulah apa yang Yang Berhormat maksudkan tetapi, saya mempunyai...

Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sebab saya kenal Yang Berhormat sangat, latar belakang Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Ya. [Ketawa]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jadi saya terkejutlah apabila Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Minta sedikit penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Saya seorang peguam yang ada sedikit sebanyak pengetahuan, termasuklah dalam hal-hal yang dibentangkan dalam Parlimen ini dan saya juga seorang Islam yang baik maka saya layak untuk bercakap mengenai perkara ini. Saya harap jawapan itu memuaskan Yang Berhormat Larut.

Tadi saya ada sebut mengenai perlunya kita memperbanyakkan penulisan. Jadi saya harap kalau suatu masa dahulu kita memberitahu orang ramai bahawa salah satu punca masalah bahasa kebangsaan ialah kurangnya penggunaan kerana kurangnya buku. Jadi, dalam hal-hal agama juga eloklah kita perbanyakkan. Jabatan kerajaan yang bertanggungjawab harus memberi tumpuan yang secukupnya untuk memberi ulasan dan kupasan supaya tidak orang-orang tertentu mengambil kesempatan tertentu dengan menggunakan alasan agama sebagai asas untuk mempertahankan pendiriannya dan menyalahkan pendirian yang berbeza. Jadi sebab itulah saya mencadangkan kerajaan memberi tumpuan kepada *Islamic scholarship* dalam bidang jenayah khususnya.

Satu lagi perkara yang ada kaitannya dengan undang-undang syariah ini ialah di Malaysia ini kita harus dalam penggubalan undang-undang seperti yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Menteri ramai pegawai diberi kursus yang dikira sesuai untuk mereka menjalankan tugas dengan baik. Tetapi saya juga ingin mencadangkan, bukan sahaja pegawai yang perlu kursus tetapi mereka yang membuat dasar. Mereka yang membuat dasar juga perlu mempelajari ataupun memahami perlembagaan kita supaya tidak timbul permasalahan seperti yang kita lihat hari ini. Maksud saya ialah kita tahu bahawa perlembagaan kita telah membahagikan bidang kuasa kepada negeri-negeri ialah bidang kuasa untuk menggubal undang-undang yang ada sangkut paut dengan hal ehwal agama Islam, *state list* dan kita juga tahu bahawa dalam perlembagaan kita hal-hal sivil dan hal-hal jenayah sama ada prosedur ataupun pentadbiran pada umumnya diberi kepada Kerajaan Pusat dan pembahagian kuasa ini penting kerana jika ia tidak difahami dengan baik maka akan timbullah permasalahan sampingan.

Kalau boleh saya baca butiran 4(e) senarai Persekutuan bahagian kedua dengan izin, "Perkara yang ada dalam bidang kuasa negeri ialah *Islamic personal law relating to marriage, divorce, guardianship, maintenance, adoption, legitimacy, family law, succession case, testate and intestate*. Kita juga akui bahawa kerajaan negeri mempunyai kuasa yang terhad dalam hal-hal yang menentang *precepts of Islam*, perkataan yang digunakan.

Ini bererti pada umumnya, undang-undang jenayah mestilah digubal di peringkat Parlimen Persekutuan. Inilah pembahagian kuasa yang kita persetujui dari dalam. Saya bimbang kalaulah garis panduan *personal law* dan *private law* ini kita kabur kita akan menghadapi satu keadaan di mana kita akan mempunyai bermacam-macam undang-undang jenayah yang digubal oleh Dewan-dewan Undangan Negeri yang tidak pun menjadi satu kesalahan di peringkat Federal ataupun *Penal Code*.

Jadi pembahagian kuasa ini tidak ada ertinya kalau kita melanggar garis-garis yang telah ditetapkan ini. Ini adalah satu perkara *constitutional issue* yang penting dan dalam kita ingin melaksanakan undang-undang Islam ini pun kita harus terbatas dalam hal ini supaya kita tidak menimbulkan permasalahan yang lain.

Saya melihat sejak tahun 1988 khususnya kita banyak menggubal undang-undang jenayah. Di Wilayah Persekutuan sendiri kita banyak undang-undang jenayah misalnya mengembangkan doktrin agama yang salah ataupun ajaran sesat yang kita sebut dan bincangkan pagi tadi. Kita minum atau makan dalam bulan puasa, itu juga satu jenayah. Kita tidak sembahyang Jumaat, kita juga boleh dikenakan tindakan jenayah. Kalau kita pondan, kita berpakaian lelaki dan berpakaian seperti wanita juga menjadi jenayah. Kita berjudi juga satu perkara jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masalah kita buat undang-undang berasaskan kepada semua ini. Yang menjadi masalah kepada saya ialah mengapakan hanya orang-orang Islam sahaja yang disalahkan. Kalaulah berjudi itu satu perkara yang tidak baik, mengapa kita benarkan? Mengapa kita benarkan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Syabas dan tahniah sebab Yang Berhormat Kota Bharu yang juga kaya dengan pengetahuan agama yang tidak boleh kita nafikan. Persoalan saya ialah apakah Yang Berhormat mempertikaikan bahawa undang-undang yang kita ada ini tidak dapat hendak dilaksanakan oleh kerana halangan-halangan tertentu sebagaimana yang telah Yang Berhormat gambarkan sebentar tadi atau mungkin Yang Berhormat hendak huraikan lebih lanjut. Terima kasih.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Huraian saya hanyalah begini. Kita ikutlah perlembagaan. Kalau kita.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Maksud saya dari segi *enforcement* dengan izin.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Yes. Sama ada dari segi gubalan ataupun *enforcement* kalau kita tidak dapat laksanakan kita tidak perlulah buat undang-undang itu sebagai satu undang-undang. Kita akan menjadi *the laughing stock*, orang akan sukakan kita.

Kalau kita tidak ada keupayaan untuk melaksanakannya maka kita tidak perlulah membuatnya sebagai satu jenayah ataupun satu kesalahan. Kalau kita mempunyai kuasa, misalnya saya berbalik kepada soal berjudi tadi saya dengar sesetengah orang Islam kena tangkap berjudi, beli nombor ekor. Minggu lepas seorang pegawai kanan Kementerian Pertahanan berkhawatir di Kota Kinabalu. Dua tiga minggu sebelum itu orang Melayu Islam kita kena tangkap kena rotan katanya, hukumannya kerana minum *Stout* di Kuantan. Setiap minggu kita ada cerita yang memalukan siapa?

Apakah dengan undang-undang ini kita dapat mengubah keadaan, memperbaiki keadaan ataupun hanya kita buat ini semata-mata hendak menunjuk. Apakah cara lain ataupun kita ini serius dengan pelaksanaan Islam ataupun ada cara-cara lain yang perlu kita laksanakan. Saya menimbulkan ini kerana yang membenarkan kita menjual arak ini pun kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Pasir Puteh diberi izin untuk bercakap. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tengok kita bincang tadi agaknya serius tapi kita lihat kadang-kadang kita menyentuh banyak sangat undang-undang khususnya yang khususiah yang ubudiah.

Kalau ikut kaedah fiqh kita tidak boleh menyentuh secara langsung. Jangan menampakkan kita seolah-olah hendak meremeh-temehkan undang-undang Islam. Sebab itulah saya hendak tanya Yang Berhormat Kota Bharu kalau serius kita percayalah, kita ada Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Sivil Syarak. Dia bincang semasak-masak, dia buat kajian, bukan dia sengaja bincang buat undang-undang tapi dia buat kajian, buat *research* dahulu, R&D dahulu baru bawa mana yang bercanggah, mana yang boleh. Kita anggap ini satu serius.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Kota Bharu, dia pakar dalam undang-undang sivil ini, jadi kalau boleh kita hendak setuju atau tidak undang-undang syarak ini kita buat berdasarkan kepada kajian dan kemampuan kita dari semasa ke semasa, *step by step*. Kita tidak buat secara melulu ataupun secara sekali gus. Setuju tidak?

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Saya beranggapan bahawa soalan itu pun tidak serius kerana seolah-olah bila orang lain yang mempersoalkan sesuatu perkara yang dibentangkan dalam Dewan ini sudah tentunya serius walaupun daripada mana sekalipun, daripada apa latar belakang sekalipun.

Saya bersetuju kita perlu serius dan kita perlu kaji. Sebab itulah saya kata bukan sahaja kita perlu kaji dari segi hukum hakam tetapi untuk melaksanakan dengan jayanya ia juga perlu kaji dengan sistem yang ada. Itu yang perlu saya perkatakan. Saya ingin berbalik kepada soal tadi, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu ini bukan soal dosa pahala, ini bukan bidang kita dalam Parlimen ini bercakap mengenai dosa pahala. Yang berdosa - dosa, yang pahala - pahala, yang baik - baik, yang jahat - jahat. Itu hukumnya. Ini bukan tempat saya mengutarakan soal hukum hakam. Soalnya, apakah yang salah itu atau yang berdosa itu perlu dijadikan satu hukum jenayah, itulah persoalannya.

Banyak perkara yang berdosa tetapi tidak menjadi undang-undang jenayah, itu kita tahu. Cuma saya ingin mencadangkan soal-soal seperti yang saya sebut tadi kerana manusia semasa Islam atau tidak Islam pun atau manusia biasa dia ada kelemahan. Agama lain juga ada yang menyimpang, yang tidak mengikut peraturan agama mereka tetapi mereka tidak dikenakan hukuman jenayah. Jadi, saya ingin bertanya apakah kita orang Islam perlu dikenakan hukuman jenayah kepada sesuatu kegiatan yang 'dihalalkan'.

Kegiatan berjudi ini diharamkan kerana orang yang memberi lesennya kerajaan. Kalau kita betul-betul serius, kita jangan benarkan kegiatan ini dan kalaulah kita membenarkan *breweries* di Malaysia ini, maka kita harus terima bahawa ada manusia yang lemah, yang mungkin terlibat di dalam kegiatan minum. Apakah perlu kita menjenayahkan kegiatan itu ataupun ada cara-cara lain yang kita boleh gunakan untuk memperbaiki keadaan mereka, untuk mereka memahami?

Apakah perlu kita timbulkan undang-undang jenayah dari satu ke satu, sehinggakan proses hendak kita melaksanakan sukar, ia mengaibkan bangsa kita sendiri, agama kita sendiri kerana kita lihat tadi kita sebut tentang Ayah Pin dan pengikutnya, itu pun bukan main sukarnya kita hendak - walaupun ia satu jenayah di bawah Akta ini. Tetapi begitu sukarnya kita untuk menangkapnya atau mendakwanya dengan jaya. Pertama kerana dalam Perlembagaan kita membenarkan kebebasan beragama dan kita juga ketahui bahawa dalam Islam sendiri pun memberikan kebebasan itu. Kalau tidak tidakkan ada dalam surah *Al-Baqarah* bahawa kita tidak ada paksaan dan surah-surah lain dalam Quran yang menyatakan Allah S.W.T. boleh membuatkan kita semua ini serupa tetapi tidak pun dibuat begitu.

Ahli-ahli fikir Islam sendiri pun mengakui bahawa Islam itu begitu toleran agamanya. Pada zaman Rasulullah s.a.w. sendiri tidak pernah ada satu kes murtad yang dibuat hukuman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Saya mengikuti ucapan Yang Berhormat Kota Bharu yang berkait banyak dengan undang-undang antarabangsa dan undang-undang Islam Syariah Islamiah. Kadang-kadang apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu meyakinkan dan kadang-kadang tidak meyakinkan. Dan yang terakhir nampaknya ada sedikit silap faham. Barangkali saya tidak boleh mendengar terlalu lama. Semasa saya bangun setidak-tidaknya untuk membetulkan fikrah yang diterima oleh Yang Berhormat Kota Bharu, minta maaf. Yang Berhormat Kota Bharu adalah pengamal undang-undang yang termasyhur di negara kita. Tetapi tidak semuanya Yang Berhormat Kota Bharu arif dalam perkara-perkara yang tidak tahu, yang tahu tahulah dan yang tidak tahu tidak tahulah. Kerana kita manusia bukannya semua yang kita tahu.

Dalam pengucapan yang disebut tadi bahawa dalam Islam ini tidak ada paksaan dalam beragama, yang menyentuh bahawa kita umat Islam pun tidak ada paksaan. Begini Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri boleh perbetulkan dan panjangkan masalah ini, jangan sampai terkeliru lama kerana kalau kita membiarkan perkara keliru ini maka berdosa kita. Apa yang saya dengar tadi tidak ada paksaan kepada kita orang Islam. Yang Berhormat Kota Bharu, tidak ada paksaan ini untuk memeluk Islam, tidak ada paksaan dalam Islam.

Hendak masuk Islam atau tidak kita tidak boleh paksa tetapi dari segi dakwahnya kita mesti berdakwah, satu. Tetapi setelah kita masuk Islam maka segala hukum Islam ini Allah S.W.T. paksa kita. Ini mesti Yang Berhormat Kota Bharu perhati cermat-cermat sedikit kerana ia menyentuh bidang ini. Saya bimbang Yang Berhormat, maaflah abang kepada saya ataupun adik kepada saya. Saya minta maaf banyak kerana

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Terima kasih

Tuan Haji Ismail bin Noh: Sikit lagi. Kerana '*la ikrar*' [Bahasa Arab] itu betul tetapi kita hendak paksa orang masuk Islam, apabila kita sudah masuk Islam hukum *taqlif* ini kena kepada kita. Hendak sembahyang, tidak mahu sembahyang, hendak minum arak tidak mahu minum arak, hendak berjudi tidak mahu berjudi. Allah S.W.T. paksa kita jangan berjudi, Allah S.W.T. paksa kita kena sembahyang dan Allah S.W.T. jangan minum arak. Maknanya, bila kita sudah masuk Islam maka paksaan itu wajib ke atas kita dan tidak boleh keluar daripada itu. Jadi, minta Yang Berhormat Kota Bharu supaya ambil perhatian dalam hal ini.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Mas. Saya sudah sebut tadi bahawa persoalan yang saya timbulkan ialah kerana ada surah-surah yang saya baca tadi. Persoalan saya apakah ertinya itu. Kalau dalam agama itu tidak ada paksaan apakah penjelasannya. Itu tidak bererti saya telah menyimpang daripada akidah dan sebagainya. Itu satu persoalan ilmiah yang kita sama-sama orang Islam kena tanya. Saya juga menyebut mengenai dosa pahala tadi, Yang Berhormat, saya tidak katakan berjudi dan tidak sembahyang itu baik.

Saya tidak kata benda itu sepatutnya digalakkan tetapi saya kata apakah benda seperti ini perlu dijadikan undang-undang jenayah dalam sebuah negara kerana dalam dunia ini banyak berjuta-juta orang Islam menganuti agama Islam yang mempunyai akidah yang kukuh dalam Islam tetapi tidak pun ditangkap kerana melanggar ataupun membuat sesuatu yang diharamkan itu. Yang diharamkan tetap haram dan saya tidak cuba memutar belitkan perkara itu. Saya hanya bertanya sejauh manakah kerajaan hendak menjadikan segala yang haram itu sebagai satu undang-undang jenayah.

Berbalik kepada perkara asal yang saya timbulkan tadi, saya menyatakan kalaulah kita tahu kelemahan manusia kerana kita manusia, manusia Islam Melayu di Malaysia pun manusia yang mempunyai kelemahan dan agama lain pun ada kelemahan mereka. Ayah Pin dalam konteks agama kita tetapi dalam agama lain pun ada juga, dia pula *equivalent* Ayah Pin dia. Itu perkara biasa. Perkara ajaran palsu ini biasa. Cuma saya ingin bertanya juga sejauh manakah kita hendak *criminalize* ajaran-ajaran palsu ini kerana kita tahu seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri pagi tadi, soal akidah ini sukar kita hendak tukar. Ayah Pin telah kita penjarakan selama 12 bulan, dia keluar. Mungkin kita penjarakan dia lagi dalam masa 12 bulan lagi ataupun 24 bulan lagi. Tetapi apakah ia akan menukar. Apakah ada cara lain untuk kita mengatasi Haji Ashaari, Ayah Pin dan sebagai. Itu sahaja persoalan saya.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ketereh bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Saya tertarik bila Yang Berhormat sebut pasal Ayah Pin. Kononnya orang yang dinamakan Ayah Pin, sepanjang ingatan saya, hamba Allah ini sebenarnya telah tidak mengaku dirinya Islam. Dia kata dia sudah tidak Islam dan pengakuan itu dibuat di mahkamah. Apakah Yang Berhormat Kota Bharu bersetuju kalau saya katakan bahawa orang yang tidak mengaku dirinya Islam mengikut definisi Perlembagaan negara ini, dia sudah tidak Melayu.

Yang kita sibuk hendak *prosecute* dia sebagai orang Islam, kenapa? Sedangkan dalam Perlembagaan menyatakan bahawa Islam adalah agama Persekutuan. Agama lain boleh diamalkan tetapi tidak boleh *propagate*, tidak boleh mengembang, tidak boleh berkempen dan tidak boleh mengajar. Jadi, apakah *this* Ariffin ini kita *prosecute* di bawah

undang-undang mengajar orang yang di luar agama Persekutuan. Sebab kalau kita *enforce* dia atas Islam, dia kata dia tidak Islam, lepas.

So, kita cari alasan-alasan lain. *He has proclaimed* dia bukan Islam dan agama lain tidak boleh dikembangkan di negara ini, dia tidak boleh bercakap dengan orang Melayu, dia tidak boleh berkempen untuk orang masuk agama dia. Salah, tangkap di bawah undang-undang itu, tarik kewarganegaraan dia, Melayu dia, bumiputera dia. *We should go into that law*. Ini kita dok ikut yang sempit macam itu dan akhirnya kita terperangkap dengan undang-undang kita sendiri. Minta penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Yang Berhormat Ketereh, di negara kita, seseorang itu berhak termasuk orang Islam. Ini dijamin di bawah perlembagaan. Orang-orang Islam juga boleh keluar daripada Islam jika dia mahu dan kita tidak boleh menghalang. Cuma proses dia itu ialah dia mestilah melalui proses mahkamah kadi dan sebagainya. Itu mahkamah telah pun membuat keputusan dan jadi kita pun tidak boleh kerana Ayah Pin bersikap sedemikian maka kita hendak tarik kerakyatan dan status Bumiputera dan sebagainya. Saya harap jawapan ini mencukupi.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Boleh saya sambung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ketereh bangun.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *I think* Yang Berhormat *misunderstood*. Maksud saya, dia telah mengaku secara terbuka dia tidak beragama Islam dan di negara ini mengikut perlembagaan *by definition* orang Melayu ialah orang yang beragama Islam. Dia mesti nombor satu sekali hendak jadi orang Melayu dia mesti beragama Islam, dia mesti bertutur dalam Bahasa Melayu, mengamalkan adat istiadat orang Melayu baru dia jadi Melayu tetapi kalau dia sudah tidak Islam automatik sebenarnya dia sudah tidak Melayu. Saya bukan hendak suruh tarik tetapi saya kata dia hilang *the rights of a Malay*. Kemudian kita masih hendak *prosecute* dia sebagai orang Islam jadi *law* atau undang-undang kita itu kecil. Sedangkan perlembagaan juga mengatakan bahawa agama lain boleh dipraktikkan tetapi untuk dia sahaja. Dia tidak boleh menyeru, tidak boleh tarik orang lain. Sekarang ini dia menarik orang lain, menyeru orang Melayu. Dia hendak tarik orang lain tarikhlah tetapi maksud saya orang Melayu dan orang beragama Islam telah disesatkan oleh beliau sedangkan agama tidak Islam tidak boleh dikembangkan di negara ini, tidak boleh. *Against the constitution, unconstitutional!* Itu maksud saya. Terima kasih.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Yang tidak boleh dilakukan ialah kita *proselytize* ataupun kita mengajak orang-orang yang beragama Islam untuk keluar daripada Islam. Itu larangan yang ada di bawah perlembagaan tetapi tidak bererti agama lain tidak boleh diajar cuma dari kalangan orang-orang Islam, itu *restriction* dia. Tetapi betullah seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ketereh.

Persoalan yang saya hendak kaitkan dengan Ayah Pin ini ialah soal kebebasan beragama. Ini yang menjadi masalah kepada kita kerana kebebasan itu ada di bawah perlembagaan kita. Cara menangani ajaran sesat ataupun *deviant* pada saya lebih berkesan, lebih baik dengan cara pendekatan kita sendiri, dengan cara, mungkin tazkirah kita mungkin kita perbaiki, dakwah kita lebih menarik, mungkin lebih attractive atau lebih memahami, lebih relevan, lebih kontemporari. Apakah itu puncanya yang ada ajaran-ajaran sesat, yang kita dengar dari ulasan Menteri sendiri.

Walaupun tidak ramai dan pada saya tidaklah menjejaskan akidah kita semua tidakkanlah orang Islam akidah begitu rapuh hinggakan bila ada orang buat ajaran *sky kingdom* ini kita tertarik. Mungkin ada kumpulan kecil tetapi yang saya maksudkan apakah tumpuan, *to criminalize him* atau *criminalize activities* ini lebih berkesan ataupun cara-cara lain. Itu persoalannya.

Saya harap pendekatan yang begini kita ambil iktibar juga daripada apa yang berlaku dalam agama Kristian. Ratusan tahun di Eropah semasa Betican memerintah Europe, Eropah inilah cara, *sanction* atau *penalize* undang-undang raja-raja yang tidak mengikuti kehendak Rom tidak sah. Kitab-kitab Injil yang tidak dalam Latin tidak sah.

Tetapi mereka tidak dapat mengawal perubahan dalam dunia ini. Sebab itulah kita ada *reformation* dalam Christianity sebab itulah King iaitu Raja Inggeris yang hendak kahwin lebih daripada satu yang tidak diiktiraf oleh Rom kerana dia tidak boleh bercerai dalam Christianity. Maka dia kata kalau begitu kita buat *the Church of England*. Maksud saya penggunaan kuasa undang-undang dan mengharamkan itu dan ini ada kesan tetapi *limited*.

Keberkesanan tindakan-tindakan undang-undang pengharaman itu dan ini kesannya tidaklah sejauh yang kita anggap. Mungkin kita merasa selesa tetapi bila menimbulkan soal akidah, soal Ashaari ke Ayah Pin ke dan ratusan kumpulan lain. Pada saya cara mengatasi ialah bukan dengan memperbanyakkan undang-undang jenayah. Bagi memperbanyakkan pengajaran Islam yang lebih kontemporari, yang lebih difahami dan tindakan-tindakan kita mestilah secukupnya dengan bukan sahaja dengan hukum syarak tetapi dengan keperluan orang ramai. Kita harus relevan sama ada jual produk atau pun kita mengembangkan agama. Pendekatannya sama. Kita memerlukan sokongan dan kepercayaan yang tulen, yang jitu. Apa kita berbangga kalau orang Islam mengikut sesuatu perintah ini kerana takut pada undang-undang, apakah kita lebih suka kalau orang Islam mengikuti ajaran itu secara sukarela kerana dia faham inti sari ajaran itu sendiri. Saya takut kalau-kalaulah kita tidak meneliti kembali perkara ini. Kita akan ada dua sistem yang *parallel* di negara kita ini.

- (i) undang-undang jenayah (*Penal Code*) yang ada untuk semua bangsa, semua rakyat Malaysia; dan
- (ii) satu lagi kita akan banyakkan lagi undang-undang jenayah Islam ini.

Maka kita akan menghadapi satu keadaan di mana orang-orang Islam ini akan lebih tertekan. Ini pada saya *discriminatory*. Ini *discriminatory*, sesuatu yang tidak boleh sepatutnya dilakukan dalam negara kita kerana kita rakyat semua sama. *We are equal before the law*. Apakah ertinya ungkapan-ungkapan ini? Apa ertinya semua ini kalau kita membezakan antara satu sama lain. Seperti saya sebut tadi kata seperti juga yang disebut oleh bekas Ketua Hakim Negara kita Tun Salleh Abas, dia pernah menulis, dia kata kalau kita hendak buat sistem undang-undang jenayah *with general application*, maknanya diguna pakai ini semua.

Saya boleh terima, saya boleh terima tetapi mengapakah dalam satu segi kita membenarkan kegiatan-kegiatan ini? Kita memberi lesen, kita *promote* kononnya atas alasan negara kita majmuk. Atas alasan apa? Itu ialah alasan. Undang-undang mestilah diguna pakai kepada semua, tidak boleh hanya satu kumpulan. Kalau kegiatan itu satu kegiatan yang tidak memberi mudarat kepada kita maka kita haramkan. Tidak ada masalah tetapi kita jangan mempunyai sikap hipokrit dalam hal ini.

Kita harus berterus terang. Kalau kita mahu sesuatu kegiatan itu diharamkan maka kita haramkan kepada semua rakyat Malaysia kerana kita *equal before the law, we are equal*. Ini prinsip penting, prinsip perlembagaan dan kita tidak boleh menggunakan keputusan ataupun pendekatan sempit kerana kita harus memikirkan masa depan negara kita. Kita hanya bukan memikirkan sebagai Ahli-ahli Dewan yang mulia ini tentang masa depan kita sebagai Wakil Rakyat ataupun pandangan orang terhadap kita dalam hal-hal tertentu, khususnya hal-hal yang mudah jadi popular.

Kita harus memikirkan negara ini, negara yang satu. Kalaulah khalwat misalnya kalaulah, saya tidak tahulah daripada mana kita ambil undang-undang ini, saya fahamlah kalau kita larang zina, saya fahamlah kalau kita larang luar nikah tetapi khalwat, bersekedudukan yang menimbulkan syak, sesuatu perkara yang tidak moral akan berlaku. Ini suatu definisi yang sudah pun disebut dalam Dewan ini yang begitu luas, kabur. Kalaulah khalwat hendak dijadikan satu kesalahan jenayah.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sri Gading bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kota Baharu. Yang Berhormat bagi Kota Baharu ini orang pandai, tetapi kadang-kadang pandai ini boleh menghanyutkan orang Islam. Ini yang saya bimbang.

Apabila kita menjadi orang Islam, kita wajib tertakluk kepada undang-undang Islam, tidak dapat hendak elaklah. Memanglah ada undang-undang negara kita yang setia. Tetapi, sebagai orang Islam, kita kena patuh, taat kepada undang-undang Islam dan undang-undang Islam itu dia guna pakai hanya kepada orang Islam. Itu sahaja. Jadi, kalau seperti itu, undang-undang yang ditetapkan oleh agama Islam yang maha suci, yang maha benar, seolah-olah kita mempertidakkannya.

Maka, kalau kita mempertidakkan undang-undang yang diwajibkan kepada orang Islam, kita terkeluar daripada landasan Islam dan ini amat berbahaya kepada orang Islam. Sebab itu dalam Islam, kalau minum arak, boleh disebat. Itu undang-undang dalam Islam. Tetapi kalau orang kafir minum arak, dia tidak adalah dalam undang-undang negara itu, tidak mengharamkan arak itu, tidak ada apa-apa undang-undanglah kepada dia. Tetapi, kepada orang Islam, kita gunakanlah undang-undang Islam, walaupun nampaknya orang Islam ada dua hukum. Hendak diapakan, memang dalam hidup ini kita macam terhukum. Apabila saya di jalan raya, saya tertakluk pula kepada undang-undang jalan raya. Maka, jumpa lampu merah, wajib saya berhenti. Tidak boleh elaklah kerana undang-undang jalan raya berkehendakkan begitu.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Walaupun tidak ada dalam kereta?
[Menyampuk]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya?

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Walaupun tidak ada kereta?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya. Maknanya pergilah itu. Kalau saya langgar juga lampu merah, selain daripada salah, mungkin jadi berbahaya. Jadi saya harap Yang Berhormat bagi Kota Baharu tidak agaknya hendak mentafsirkan undang-undang hingga boleh menyebabkan orang Islam pula nanti seolah-olah beranggapan bahawa undang-undang Islam ini memberatkan dalam negara seperti negara Malaysia. Jadi ini satu yang berbahaya, saya minta maafah Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Tidak perlu minta maaf, saya faham. Sebenarnya saya bukanlah orang pandai. Cuma, saya memberi seperti juga Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya juga berlandaskan pada peraturan yang disebutkan. Kita ada undang-undang Tuhan, undang-undang agama. Jadi, saya hanya bercakap mengenai undang-undang negara kerana apa yang kita laksanakan adalah dalam negara kita, melibatkan orang-orang dalam negara ini, sistem negara ini. Kalau kita hanya mengambil satu segi dan menolak segi yang lain, itu pun pada saya salah. Cuma, saya hendak mengatakan, dalam kita membuat undang-undang ini, termasuklah undang-undang jenayah khususnya, kita perlu mengambil kira perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Malah, kalaulah kita tidak ada Perlembagaan kita, kita tidak ada *Article 12*, kita tidak ada kebebasan. Kita tidak ada *article on discrimination*, kita boleh *discriminate*. Kalau kita tidak ada artikel bahawa kita ini serupa semua, mempunyai hak yang sama, jikalau kita tidak ada artikel dalam Perlembagaan, memisahkan kuasa Persekutuan dan negeri, kita tidak ada semua ini, tidak ada masalah. Saya tidak sedikit pun berniat untuk menidakkan perkara yang benar.

Pada saya, juga demi untuk kepentingan orang Islam dan orang Melayu, kita juga harus mempunyai undang-undang yang tidak *discriminatory* dan tidak berat kepada kita. Kita tidak boleh dalam satu segi memperkatakan kerana Ahmad dan Dollah minum arak, minum bir, kita tangkap, denda RM3,000. Tetapi kita tutup mata, hakikat bahawa negara kita membenarkan perkara ini. Kita membenarkan perkara ini. Kita bagi lesen. Bukankah ini satu perkara yang pokok? Kalau kita terima hakikat bahawa kegiatan ini boleh dilakukan, maka kita gunalah pendekatan lain. Bukan hendak kata dia sepatutnya minum

arak ataupun berjudi, tetapi perlukah kita menghukum sebagai penjenayah? Bukankah lebih baik kita cuba mendekati mereka, cuba memujuk mereka, cuba menjaga mereka supaya kembali kepada jalan yang baik? Perlukah mereka menjadi *criminals*? Itu persoalannya.

Saya rasa adalah untuk kebaikan agama kita juga, kita mengambil pendekatan ini, pendekatan yang kita lebih faham, masalah-masalah sosial, masalah-masalah kelemahan manusia muda. Bukankah ini untuk menjaga maruah agama kita juga? Ini kerana, pada saya.....

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, bagi Pasir Puteh. Ada dua Yang Berhormat, Jasin dengan Seputeh.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Jasin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Saya rasa terpanggil apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Kes arak sama juga macam kes kedai ekor. Kita melarang rakyat ini yang beragama Islam membeli ekor tetapi rata-rata umum tahu bahawa pelanggan kedai ekor ini 70% orang Islam, walaupun cara terang ataupun yang cara gelap. Tetapi, dalam masa yang sama sebagaimana yang disebutkan oleh rakan saya, Yang Berhormat bagi Bagan, akhir-akhir ini ada pula diadakan selain daripada hari membeli ekor, hari Sabtu, hari minggu, hari apa lagi itu?

Tuan Lim Hock Seng: Hari Selasa. [Menunjukkan isyarat tangan]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Hari Selasa. Ada tambahan pula lagi, *special draw* apakah dia? Jadi, kita pun hairan juga.

Yang kedua, saya hendak tanya juga kepada Yang Berhormat yang mengamalkan undang-undang, kita sekarang membincangkan prosedur jenayah syariah. Yang ini untuk orang Islam. Kita ambil contoh, kalaulah satu orang Islam berzina dengan orang bukan Islam, bagaimana kita hendak menjalankan hukuman? Hukuman pada orang Islam, syariah. Yang bukan Islam, adakah dia bebas ataupun bagaimana? Sila Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Saya tidaklah pakar dengan zina ini tetapi setahu saya, undang-undang ini hanya diguna pakai untuk orang Islam. Siapa yang tidak Islam itu, terlepaslah agaknya. Mengenai soalan pertama, mengenai peratusan orang Melayu main nombor ekor, saya pun tidak dapat menjawab untuk mengesahkannya, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi, saya tahu ramai juga orang Melayu Islam yang main nombor ekor. Ini sebagai dia punya kegiatan biasa mingguan untuk cari duit. Tetapi, saya mengatakan ini kerana ini adalah sesuatu yang umum tahu. Ini yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jasin.

Jadi semua kita tahu. Takkanlah semua orang Islam itu baik, kuat akidahnya, seperti Larut misalnya, Yang Berhormat. [Ketawa] Takkan. Mesti ada kelemahan di antara kita. Siapa di dalam Dewan ini yang tidak ada buat dosa, kelemahan? Siapa? Persoalan ini juga ditujukan kepada Perdana Menteri kita yang pertama dan jawapannya siapalah di antara kita ini yang tidak ada dosa? Soalnya, dosa itu dosa dan perhitungan kita dengan Allah S.W.T, itu soal lain. Soalnya, apakah negara kita juga ingin menghukum, menjadikan dia itu seorang penjenayah?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Haa, Larut!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Baharu. Syabas Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Saya kagumilah dengan hujah Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Ternyata bahawa soal keilmuan ini bukan hanya bergantung kepada pakaian. Dia mengatakan bahawa orang itu ustaz ataupun alim. Tetapi yang penting ialah di hati sanubari kita. Saya mungkin faham apa yang tersirat dan tersurat kepada Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ohh hebat! Hebat!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tetapi, mungkin yang lain-lain.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tersirat pun ada!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jadi apakah cadangan dan pandangan Yang Berhormat, Yang Berhormat rasakan tentang rang undang-undang yang kita ada ini, yang perlu kita perkemaskinikan kerana saya bimbang terutama di pihak pembangkang ini, yang selalu mengambil kesempatan mengeksploitasi keadaan yang sebenarnya? Kita dalam Barisan Nasional tidak ada masalah. Walaupun Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun tadi, sekadar bertanya dan mempunyai rakan-rakan yang lain.

Jadi, apakah pandangan dan cadangan Yang Berhormat dalam hal untuk meyakinkan lagi pendirian kita dalam soal sama ada hukum-hakam atau undang-undang yang hendak kita laksanakan? Yang haram tetap haram, yang bersalah tetapi bersalah. Saya faham maksud Yang Berhormat tadi. Yang bersalah kita tangkap, kita hukum. Tetapi, pada waktu yang sama, di manakah proses pemulihan tentang kesalahan-kesalahan yang ditegah oleh agama kita? Minta sikit. Kalau boleh, Yang Berhormat huraikan lagi secara terperinci supaya rakan-rakan yang lain lebih faham. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya tidaklah banyak pandangan selain daripada apa yang saya utarakan. Cuma saya menyeru kerajaan meneliti kembali pendirian kita mengenai kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh umat Islam, orang Melayu di Malaysia ini. Perlukah kita mengambil tindakan jenayah terhadap mereka, menggubal undang-undang jenayah ataupun apakah pendekatan yang lebih baik yang harus kita terima?

Kita tahu bahawa dalam negara kita ini, kita mempunyai peraturan dan batasan-batasan tertentu. Jadi kepada soalan itu, cadangan saya ialah kita teliti kembalilah perlembagaan kita, kita teliti kembali kuasa pusat dan negeri dan kita berhati-hati supaya batasan apa yang personal, apa yang *personal law* itu tidak jadi *the general law*. Tetapi kalau kita memikirkan *personal law* kita itu begitu penting untuk negara ini, maka kita ubahlah ia untuk menjadi *the law of general application* untuk semua. Itu yang perlu kita buat. Kita kurangkanlah insiden-insiden di mana percanggahan ini boleh berlaku.

Tuan Haji Ismail bin Noh: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Yang Berhormat bagi Kota Bharu, apa yang Yang Berhormat sebut tadi saya nampak dan saya minta diperjelaskanlah lagi aspek-aspek ini supaya dia tidak meninggalkan kekaburan khususnya kepada saya yang tidak banyak tahu dalam kes-kes undang-undang antarabangsa ini.

Dalam konteks negara kita ini yang pelbagai atau dalam bahasa kita iaitu masyarakat majmuk, apakah kita perlu kepada satu undang-undang yang disebutkan tadi ataupun kita perlu kepada juga undang-undang syariah untuk melibatkan sama orang Islam di negara kita ataupun dengan hanya cukup dengan undang-undang yang dikemukakan oleh negara kita ini. Jadi minta Yang Berhormat bagi Kota Bharu jelaskan dan kita mahu daripada undang-undang syariah juga ataupun undang-undang di negara kita yang berdasarkan kepada perlembagaan kita.

Yang kedua, saya berterus-terang hendak tanya daripada dekat, apakah di atas unsur itu yang menjadikan Yang Berhormat bagi Kota Bharu pernah membawa isu ini ke mahkamah sewaktu negeri Kelantan meluluskan Enakmen Keluarga Islam yang kedua. Apakah atas asas itu ataupun ada yang lain? Jadi ada dua soalan yang saya sebut tadi.

Pertama sekali minta perelaskan yang pertama sebab kita perlu kepada dua undang-undang dan yang kedua apakah di atas asas itu juga Yang Berhormat pernah membawa perkara itu ke mahkamah untuk di"mahkamah"kan perkara kedua Enakmen Keluarga Islam di negeri Kelantan. Sekian, terima kasih.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Mengenai kes yang saya bawa ke Mahkamah Persekutuan itu tidak ada kena-mengena dengan Undang-undang Keluarga Islam. Ia adalah mengenai undang-undang jenayah yang digubal oleh Kerajaan PAS dan tujuan saya kemukakan itu hanyalah untuk menentukan siapakah yang mempunyai bidang kuasa dalam menentukan undang-undang jenayah di negara kita ini, itu sahaja. Tidak ada timbul soal yang lain.

Mengenai apakah cadangan, kita telah pun ada undang-undang syariah dan undang-undang sivil, kita ada dan ini diperakui dalam perlembagaan dan tidaklah saya hendak mencadangkan kita mansuhkan satu, hanya tinggal satu. Cuma kita mesti ingat, kita hanya ada satu perlembagaan. Kita tidak ada dua perlembagaan di negara kita ini. Maka apa-apa undang-undang yang kita gubal sama ada di bawah sivil Persekutuan ataupun syariah mestilah menetapi kehendak perlembagaan kerana kita hanya ada satu perlembagaan dan perlembagaan itu ditafsirkan dan ditentukan maksudnya - skop oleh mahkamah kita.

Dan kalau kita akur kepada gagasan ini, kalau kita akur dengan *structure* kerajaan ini, maka kita pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, akan mengurangkan konflik, pergeseran nilai, pergeseran *jurisdiction*, kuasa, pergeseran antara kaum yang mungkin timbul. Sebab itulah kita di negara ini mempunyai satu perlembagaan. Perlembagaan yang telah pun kita gubal, kita persetujui, kita perjuangkan semua bersama. Itulah maksud saya, tidak ada lebih daripada itu. Walaupun kita ada undang-undang syariah, undang-undang yang digubal oleh kerajaan, ia mestilah mengikut syarat-syarat atau kriteria dan lunas-lunas yang saya sebutkan tadi.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mencadangkan kepada kerajaan supaya dalam soal keseragaman tadi, dalam kita menyediakan buku-buku dan nota-nota *authoritative* yang cukup, kita juga perlu kepada *law reporting* yang cukup kerana undang-undang hanya boleh membangun dan difahami bila orang membaca penghakiman itu, intelek yang digunakan untuk mendapatkan sesuatu keputusan.

Saya tidak nampak kerajaan-kerajaan negeri - saya minta maaf, dalam hal ini, menjurus kepada keintelektualan Islam itu dari segi *reportingnya*, dari segi notanya, dari segi penghakimannya, kritik-kritik yang membina di antara mereka yang memahami isu ini sudah tentunya Tetapi jabatan agama Islam...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands bangun.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Saya mengakui bahawa Parlimen merupakan badan utama dan tertinggi dalam perundangan Malaysia. Tetapi setujukah Yang Berhormat bagi Kota Bharu bahawa proses penggubalan undang-undang di Parlimen sendiri pada masa sekarang rapuh kerana peranan kita untuk memperkasakan undang-undang ini dan memperhalusinya tidak mantap lagi.

Akibat daripada itu, banyak perkara terkandung dalam perundangan Malaysia yang dulu-dulu, 50 tahun yang lalu masih ada yang diguna pakai dan perubahan-perubahan ini tidak ada. Kita tidak ada *political will* di dalam Dewan ini sendiri untuk memastikan bahawa perubahan-perubahan dan pengislahan undang-undang itu sendiri dapat dilakukan.

Saya tambah satu soalan lagi. Kerajaan tempatan, kerajaan negeri dan kita ada Kerajaan Persekutuan dan di peringkat daerah, di peringkat negeri, tidak ada penyelarasan perundangan sebegitu dengan undang-undang yang kita luluskan di Parlimen ini. Bagaimanakah, apakah cadangan Yang Berhormat bagi Kota Bharu untuk memastikan bahawa peranan ini dahulu dapat diselaraskan dan diperbetulkan? Terima kasih.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Sudah tentunya usaha untuk memperkemas kini dan memperbaiki proses penggubalan undang-undang ini seharusnya boleh dipertingkatkan dan saya percaya mereka yang bertanggungjawab dalam Parlimen ini dan menteri-menteri yang berkenaan akan mengambil kira pandangan yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Cuma saya hendak sambung sedikit, Tuan Yang di-Pertua, mengenai *legal reporting* ataupun mengkritik. Saya sebut perkataan mengkritik ini kerana dalam Akta Jenayah Wilayah pun ada adalah menjadi satu kesalahan kalau kita, perkataan yang digunakan menghina.

Saya harap janganlah kita mudah menganggap mereka yang mengkritik sebagai menghina kerana ini jauh bezanya. Tidak ada ilmu yang boleh berkembang tanpa kritik. Hari ini kita pelajari daripada tamadun Barat dan Timor dahulu dan dalam tamadun Islam sendiri.

Jadi dalam hal ini saya menyeru supaya diperbanyakkan *criticism* sama ada kalau dalam *legal reporting*, kalau dalam *civil court* kita ada *lay law journal*, kita ada orang buat kupasan, kita ada peguam-peguam yang dibenarkan membuat kupasan, itu tidak bererti kita menghina hakim ataupun kerajaan ataupun dasar. Kita tahu orang yang ada pelajaran dan yang berfikir waras boleh membezakan yang mana mengkritik membina dan yang mana yang palsu.

Tetapi dalam hal pengurusan Mahkamah Syariah, kita perlu pertingkatkan dalam hal-hal ini. Hakim-hakim perlu diminta untuk membuat penghakiman secara *detail* dan laporan-laporan itu harus diperluaskan untuk bacaan, akhbar-akhbar boleh membuat laporan. Kalau di England, kita baca *The Times*, penghakimannya dikeluarkan oleh akhbar harian ataupun mingguan. Kita juga boleh selain daripada Akademi Fantasia, selain daripada cerita-cerita hantu, akhbar kita juga boleh mengkhususnya tentang perkara-perkara yang melibatkan orang ramai, pentadbiran, keadilan dan mahkamah. Jadi saya harap kementerian dapat membawa langkah ini atau menjadi *pioneer* dalam hal ini memberi galakan yang sepenuhnya kepada mereka yang boleh dan berkemampuan untuk menulis, untuk mengkritik, untuk membuat *law reporting* yang meluas untuk kegunaan seluruh kakitangan ataupun orang ramai, orang-orang Islam di negara kita ini.

Itulah sahaja sedikit sebanyak ucapan saya Tuan Yang di-Pertua dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih di atas masa yang diberi dan juga Ahli-Ahli Dewan yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Gajah.

4.11 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya untuk turut berbahas pindaan kepada akta ini. Saya menyokong kepada pindaan ini agar undang-undang Islam boleh diseragamkan dan boleh melicinkan proses terutamanya proses mahkamah. Tetapi baru-baru ini kita semua telah dikejutkan termasuk kami dari bukan Islam dikejutkan dengan keputusan yang diberi oleh Mahkamah Syariah di Pahang di mana dua orang adik-beradik didapati telah mengaku bersalah meminum arak di restoran secara terbuka dan telah didenda RM5,000 dan dihukum sebat enam kali. Tetapi persoalan timbul adalah selepas keputusan mahkamah, mereka tidak tahu bagaimana mahu mengendalikan kedua-dua pesalah itu kerana kononnya mahkamah tidak memberi keputusan berkenaan kedua-dua pesalah ini dipenjarakan; ada hukum sebat, ada denda tetapi tidak dipenjarakan.

Kalau kita lihat dan baca undang-undang sivil, kita ada undang-undang sivil kalau ada hukum dan sebat dikenakan, akan dikenakan juga hukuman penjara. Jadi dalam kes ini, saya ingin tahu apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian, oleh kerajaan dan juga bagaimana untuk mengelakkan perkara ini berulang?

Jadi kami terkejut dengan kes ini. Ini Akta Prosedur Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan ada memperuntukkan Seksyen 125(4) bahawa jika pesalah itu dihukum sebat sahaja maka ia hendaklah diperakukan seolah-olah dia dihukum dengan hukuman pemenjaraan sehingga hukuman itu dilaksanakan. Tetapi kononnya bagi kes dua adik-beradik, tidak wujud seksyen yang sedemikian. Jadi saya pohon diperjelaskan, apakah tindakan susulan yang akan diambil oleh pihak kerajaan?

Seterusnya saya ingin bangkitkan berkenaan dengan isu poligami. Tuan Yang di-Pertua, saya adalah penyokong kepada satu suami, satu isteri. *[Tepuk]* Isu poligami ini sering kali menimbulkan pelbagai reaksi daripada orang ramai dan saya tidak akan mempersoalkan Surah An-Nisa, Ayat 3 di mana membenarkan kaum lelaki yang beragama Islam berkahwin lebih daripada seorang isteri. Tetapi persoalan yang saya ingin bangkitkan berkenaan dengan isu poligami ini bukan tadi saya mempersoalkan Surah An-Nisa, Ayat 3 tetapi persoalan bagi kaum Muslimin, kaum wanita kita. Kalau kita tahu ramai saya rasa kita boleh baca dalam surat khabar, ramai lelaki, kalau mereka hendak beristeri lebih daripada seorang, mereka akan lari ke Siam, ke Pattani untuk beristeri yang kedua, yang ketiga atau keempat sama ada dengan alasan tidak dapat keizinan isteri pertamanya atau keduanya.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat bagi Setiu.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid: Tuan Yang di-Pertua terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Ini bila disentuh mengenai poligami, apa yang telah saya dengar tadi soal bersetuju atau tidak bersetuju, nampaknya yang disentuh adalah peraturan, bukan hukum. Mengikut hukum Islam dibolehkan, bukan digalakkan tetapi yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi adalah peraturan. Ini yang perlu diberi penekanan. Saya percaya cadangan daripada Yang Berhormat untuk memberi penekanan dari sudut peraturan. Dalam surat khabar hari ini, saya terbaca di Kelantan, ada seorang isteri bersuami dua. Bagaimana pula pandangan Yang Berhormat?

Cik Fong Po Kuan: Ini saya terkejut Yang Berhormat bila satu kes, bising sangat. Tetapi bila peraturan, tadi saya kata persoalkan Surah yang di dalam Al-Quran, saya tidak persoalkan. Saya tidak juga akan mempersoalkan sunah tetapi persoalannya, memang yang saya hendak bangkitkan ialah berkenaan dengan peraturan di mana para suami tidak dapat keizinan isteri pertama, kedua atau ketiga itu pergi lari ke Thailand untuk daftar perkahwinan mereka lepas itu balik ke sini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang curi tandatangan itu ada, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Okeylah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang curi tandatangan pun ada juga.

Cik Fong Po Kuan: Jadi inilah masalahnya. *[Ketawa]* Jadi lepas balik sini, mereka didenda di mahkamah, denda yang begitu rendah sekali – RM990 sahaja, maksimum RM1,000 sahaja ada di sesetengah negeri dan merayu kepada mahkamah agar tidak dipenjarakan kerana saya mempunyai tanggungjawab berat kepada isteri, kepada keluarga, kepada masyarakat tetapi dia pergi kahwin yang kedua lagi, *[Ketawa]* ketiga lagi tanpa keizinan atau tidak dapat keizinan daripada isteri pertama atau isteri kedua.

Jadi yang ingin saya bangkitkan, apakah ini keadilan untuk wanita? Untuk isteri pertama, kedua atau ketiga? Dan selepas didenda boleh didaftar dan ini jadilah isteri yang sah saya. Yang kahwin dan berdaftar di Siam, balik, didenda bayar RM990 maksimum

RM1,000 lepas itu boleh daftar. Ini boleh jadi isteri yang sah. Apakah perasaan kaum wanita itu?

Jadi kalau kita tengok, kalau kita baca....

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Cik Fong Po Kuan: Ya, Seputeh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Seputeh pun minat juga?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan juga Tuan Yang di-Pertua. Apakah kesemua undang-undang yang melonggarkan syarat untuk mengadakan lebih satu isteri, poligami ini adalah kerana yang undang-undang ini digubal oleh lelaki dan hakim mahkamah juga terdiri di kalangan lelaki. Adakah ini salah satu sebab yang menyebabkan kelonggaran syarat berpoligami ini diadakan?

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat bagi Seputeh, saya sebenarnya amat menghayati dan mengagumi Al-Quran. Ia menekankan prinsip hak saksama, keadilan, as-syura, konsultasi, kebebasan. Tetapi masalah yang timbul ialah penganut-penganut, mufti-mufti kita membuat interpretasi seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh tadi yang lebih memihak kepada lelaki kerana kurang peka dan sensitif.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada tiga yang bangun Yang Berhormat. Hendak beri yang mana?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Penjelasan, empat.

Cik Fong Po Kuan: Jadi, saya bagi peluang Sri Gading, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading, yang lain sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini pun agaknya Yang Berhormat bagi Batu Gajah, dia kena agaknya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya pun hairan Datuk, Yang Berhormat bagi Batu Gajah boleh bercerita tentang poligami.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat terlibatkah? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah, poligami ini ialah bermadu. Bermadu salah satu nikmat minuman ialah madu *[Ketawa]* Di sinilah letaknya kerahiman, kerahmanan Allah antara sifat Rahim Rahman Allah bahawa Allah mengetahui naluri manusia, hambanya.

Lelaki memang sebagai pelindung kepada wanita. Dengan adanya kelonggaran Islam membenarkan seorang lelaki Islam beristeri lebih daripada satu tetapi tidak boleh lebih daripada empat, maka berpeluanglah lelaki memberikan kasih sayangnya kepada perempuan yang harus mendapat pembelaan, jadi tidak salah. Poligami dari segi Islam tidak salah, Tuan Yang di-Pertua.

Cik Fong Po Kuan: Saya tidak menafikan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soal keadilan...

Cik Fong Po Kuan: ada diperuntukkan..... cukup, cukup. Saya tidak menafikan... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading duduk, dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Akhirnya.....

Cik Fong Po Kuan: Saya tidak menafikan ada diperuntukkan undang-undang.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sekejap, saya belum habis lagi, Tuan Yang di-Pertua tentang.....

Cik Fong Po Kuan: ...hukum syarak nyatakan lelaki adalah pelindung.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...cerita poligami ini cerita yang panjang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan. Sila duduk, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan:*maintainer* tetapi Yang Berhormat tertinggal satu prinsip yang sangat penting.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Adil...

Cik Fong Po Kuan:sebelum berpoligami ialah adil.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Keadilan memang ini yang saya hendak ceritakan.....

Cik Fong Po Kuan: Apakah, siapa boleh kita

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sri Gading, sila duduk. Dengar dahulu.

Cik Fong Po Kuan: Kalau pesan di sini, kita semua manusia biasa.....

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada tiga yang bangun, Yang Berhormat, hendak beri jalan lagi.

Cik Fong Po Kuan: Kita semua manusia biasa dan kita tidak boleh nafikan, kita tidak boleh bertindak adil...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, hendak dia jawab dahulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak....

Cik Fong Po Kuan:untuk ke atas isteri-isteri kita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jelas sekejap pada Batu Gajah. Ini keadilan.

Cik Fong Po Kuan: Ya, saya bagi Bukit Mertajam dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain duduk, dia bagi Bukit Mertajam. Yang Berhormat, dia tidak bagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Begini Tuan Yang di-Pertua, keadilan.

Cik Fong Po Kuan: Duduk, duduklah. Duduk dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jangan salah faham. Batu Gajah, dia salah faham.

Cik Fong Po Kuan: Nanti saya bagilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nanti, Yang Berhormat minta jalan kemudian.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hati manusia ini bukan epal, Tuan Yang di-Pertua

Cik Fong Po Kuan: Nanti, nanti. Saya bagi wanita suara dahululah. Tadi sudah ramai lelaki bersuara tetapi tidak hendak bangkitkan isu poligami kerana merasa sangat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekejap, sekejap. Tangga Batu sila duduk, yang lain sila duduk.

Cik Fong Po Kuan:sensitif. Saya bagi Bukit Mertajam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Perempuan sama perempuan mana tahu cerita poligami..... [Ketawa]

Puan Chong Eng: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk.

Puan Chong Eng: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Batu Gajah, dengan pengetahuan yang cetek sayalah. Saya difahami bahawa dulu-dulu yang[*Dewan gamat*]..... poligami dibenarkan kerana dia ada ramai janda dan janda ini pada waktu dahulu dia tidak mampu menjaga anak. Itulah sebabnya dia dibenarkan lelaki. Kalau hendak jaga janda dan anak-anak ini boleh kahwin dua, tiga, empat tetapi sekarang berapa orang lelaki yang dia kahwin itu adalah janda dengan anak-anak.....[*Disampuk*]

Cik Fong Po Kuan: Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam memang benar. Nabi Muhammad dia berkahwin, mengahwini Siti Khadijah, lepas Siti Khadijah meninggal 10 tahun baru dia kahwin yang lain. Semua janda-janda dan baru kecuali Aisyah. Masalahnya sekarang ialah kerana itu balu-balu dan janda dan anak yatim tetapi sekarang ini interpretasi yang digunakan oleh.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat....

Cik Fong Po Kuan:kaum lelaki kita di sini.....

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat, tiga yang bangun.

Cik Fong Po Kuan: ...semua untuk berpihak untuk mereka dan melihat wanita sebagai madu, bermadu. Ini saya rasa, ini biarlah Tuhan akan mengadili mereka.... [*Dewan bertambah gamat*]..... apakah mereka ini ada bertindak adil terhadap isteri-isterinya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Saya tidak akan persoalankan itu tetapi dari segi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat belum jawab saya, hendak bagi jalan ke tidak?

Cik Fong Po Kuan: Nantilah biar saya habiskan perenggan ini dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi lagi, Yang Berhormat. Sila duduk yang lain..... [Ketawa]

Cik Fong Po Kuan: Tetapi saya ingin kerajaan ambillah juga hati kecil kaum wanita ini. Dari segi peraturan bagaimana boleh diperketatkan dan bukan begitu mudah ada *loophole* dalam segi undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat hendak bagi jalan ke tidak?

Cik Fong Po Kuan: Kalau tidak adil hanya satu sahaja itu, itu dalam Islam....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Kita mesti pastikan ada keadilan dan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Tangga Batu, yang lain duduk. *[Disampuk]* Ya, Tangga Batu, teruskan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih saya ucapkan kepada Batu Gajah yang nampaknya begitu prihatin tentang madu ini. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Batu Gajah madu ini nampak sahaja pahit, warna dia hitam macam pahit tetapi rasanya manis. Untuk makluman Batu Gajah, saya balik hendak kepada hasrat asal Batu Gajah ketika membangkitkan isu ini tadi adalah faktor keadilan iaitu isteri yang pertama rasa diri mereka dizalimi. Jika si suami menikah satu lagi tanpa pengetahuan dan keizinan isteri yang pertama.

Oleh kerana itu undang-undang kita telah menetapkan bahawa sang suami perlu memohon keizinan daripada isteri pertama supaya mereka mengetahui. Untuk memudahkan perkara ini, adakah Batu Gajah menyarankan ataupun hendak cadangkan kepada Kementerian supaya membuat satu undang-undang tidak payah minta izin *[Dewan riuh]*

Suami, tidak payah minta izin isteri pertama, tidak payah minta izin kerana *just* beritahu sahaja isteri yang pertama saya ingin menikah lagi satu, itu sahaja. Jadi tidak berlaku pelanggaran undang-undang seperti menikah di Pattani, Siam dan sebagainya. Jadi ini tidak berlaku dan akan mengurangkan masalah sosial di negara kita. Setuju atau tidak, Batu Gajah?

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat, saya tidak setuju. Itu menunjukkan apa, dia mahu melakukan dosa yang lebih besar. *[Dewan bertambah riuh]* Dengan menggunakan alasan.....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Di mana, Tuan Yang di-Pertua.

Cik Fong Po Kuan: ...dengan memudahkan peraturan untuk kegunaan kaum lelaki, itu dosa lagi besar dan dengan isteri kebenaran tidak payah diambil. Padahal isteri bertungkus-lumus untuk membantu ahli keluarganya, dalam kerjayanya. Inilah saya cukuplah ini langsung tidak menghormati wanita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang lain yang bangun, Yang Berhormat, hendak bagi jalan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Cik Fong Po Kuan: ...tetapi saya ingin meneruskan dengan teks ucapan saya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak, yang lain masuk, Tangga Batu.....

Cik Fong Po Kuan:ada yang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Konsep dosa tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Cik Fong Po Kuan: Saya rasa cukuplah.....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Kita pergi ke.....

Cik Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Saya bagi Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk, yang lain sila duduk.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kinabatangan, yang lain sila duduk.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Yang Berhormat Batu Gajah. Memang awal-awal saya sudah cakap itu Tangga Batu bahaya. *[Dewan Gamat]* Yang Berhormat, dalam statistik negara kita, lelaki dengan perempuan, satu lelaki tujuh perempuan. *[Disampuk]* Nisbah ini bermakna menunjukkan bahawa banyak perempuan dalam keadaan darurat. *[Dewan bertambah gamat]* Justeru itu, Undang-undang Islam membenarkan lelaki kahwin lebih daripada satu tetapi bukan saya, rakan saya ini dia*[Menunjuk ke arah Yang Berhormat Sri Gading]* *[Ketawa]*

Cuma pada saya, saya ingat Batu Gajah tidak berhak bercakap soal poligami sebab dia belum pernah kahwin. Belum pernah merasa bagaimana susah, senang dia, *[Disampuk]* apa yang payah, apa yang tidak. Jadi bagilah Bukit Mertajam cakap. Terima kasih, apa pandangan?

Cik Fong Po Kuan: Saya rasa Yang Berhormat Kinabatangan tidak baiklah cakap macam itu. Saya juga ada maklum balas, ada aduan daripada kaum wanita yang memeluk agama Islam beritahu saya, apa boleh buat bila lelaki suami saya mahu kahwin lagi, apa boleh buat. Dia balik denda lepas itu, boleh sahkan perkahwinan, apa boleh saya buat. Dia kata saya tidak boleh buat apa-apa walaupun tidak memberi kebenaran tetapi yang saya ingin nantikan adalah.....

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada tiga, empat yang bangun, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan:itulah biasanya. Maaf, ya. Biar saya sambung dahulu. Itulah biasanya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagi sayalah....

Cik Fong Po Kuan:alasan yang diberi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Batu Gajah, kasilah saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan cakap dahulu.

Cik Fong Po Kuan: Inilah biasanya alasan yang diberi. Ini Yang Berhormat Sri Gading sudah beristeri dua, tidak cukuplah. *[Dewan semakin riuh]* Cukuplah, cukuplah yang penting adalah balik rumah, bersikap adil kepada semua isteri-isteri dua-dua, ya! *[Dewan bertambah gamat]* Tidak payah bahas ini lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya mahu cerita tentang keadilanlah.

Cik Fong Po Kuan: Sudah menggunakan kelemahan undang-undang yang sedia ada untuk beristeri dahulu.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Batu Gajah saya mahu cerita macam mana....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan. Jangan bercakap, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Saya rasa biasanya inilah alasan yang diberi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk.

Cik Fong Po Kuan: Pertama surah al-Quran membenarkan.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Batu Gajah.....

Cik Fong Po Kuan:kahwin lebih dua, lebih seorang maksudnya dua, tiga, empat. Selepas itu hendak kahwin lagi dia kata kerana nafsu lelaki, lepas itu bagi alasan macam Kinabatangan sebagai statistik, perempuan lebih banyak. Kami ada hendak melindungi, hendak menjaga, hendak bagi kasih sayang, inilah alasan tetapi alasan ini begitu lemah sekali.....

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua Yang Berhormat, hendak bagi jalan atau tidak?

Cik Fong Po Kuan: Kaum wanita sekarang.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagi saya jalan sekejap.

Cik Fong Po Kuan: Saya bagi Bera lah, hari itu dia sensitif.....[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bera, yang lain sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya, bagi....

Cik Fong Po Kuan: Saya haraplah dia tanya baik-baik, ya. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk, ya, Bera.

Datuk Ismail Sabri Yaakob: Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Yang Berhormat Batu Gajah, masalah *adultery* merupakan masalah yang serius, *adultery*. Akibat daripada *adultery* ialah anak luar nikah dan sebagainya. Bila timbul anak luar nikah, masalah pemilikan harta pusaka, masalah penjagaan anak. Ini semua menimbulkan masalah yang besar dan setuju tidak Yang Berhormat saya katakan kahwin dua merupakan satu cara untuk mengelakkan berlakunya *adultery*.

Saya hendak tanya apabila di dalam satu keadaan di mana perlu memilih *adultery* atau kahwin dua yang mana Yang Berhormat lebih setuju?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Batu Gajah boleh sambung besok?

Cik Fong Po Kuan: Boleh saya jawab dia dahulukah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak, jawab besok cari, menelaah dahulu.

Cik Fong Po Kuan: OK.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Waktu sekarang jam 4.40 petang, kita ada usul.

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18 (1)**

MENGUTUK SERANGAN BOM DI LONDON

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang masa telah 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah dibuat pada pagi tadi satu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan dibahaskan pada petang ini. Saya sekarang memulakan perbahasan Usul itu. Seperti yang telah pun diputuskan tadi pihak pencadang akan diberi 30 minit dan pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sila kemukakan.

4.31 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Bismillahir Rahmanir Rahim, Tuan Yang di-Pertua dan juga Menteri Luar, saya ucap terima kasih kerana menteri sudi datang untuk menjawab ataupun memberikan pandangan terhadap usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada tanggal 7 Julai 2005 ini sekali lagi dunia telah dikejutkan dengan tragedi pengeboman dan keganasan yang berlaku dan kali ini berlaku di Kota London dan setelah berlakunya tragedi 11 September yang kita anggap suatu tragedi yang sangat dikecam oleh seluruh masyarakat yang bertamadun.

Tuan Yang di-Pertua perbuatan membunuh ataupun perbuatan yang cuba untuk menjadikan orang awam sebagai mangsa adalah merupakan satu perbuatan yang dikutuk oleh semua agama, semua bangsa, dan semua masyarakat yang bertamadun di atas muka bumi ini.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Maka dengan sebab itulah saya berdiri sekali lagi pada petang ini dalam Dewan yang mulia ini sebagai mewakili Ahli-ahli Parlimen dan Parlimen Malaysia pada petang ini mesti berdiri dengan satu kata yang teguh untuk mengutuk perbuatan ini, mengecam tindakan ini dan mengambil suatu pendirian untuk melihat dunia ini kembali aman dan hidup dalam satu keadaan yang harmoni, sebagaimana yang diharapkan oleh warga dunia.

Tuan Yang di-Pertua, di atas sikap inilah Islam sendiri amat mengutuk dan mengecam tindakan membunuh dan tindakan yang tidak bertamadun ini, sebagaimana yang diajar oleh Nabi Muhammad s.a.w. Dalam misi peperangan sekalipun beliau telah berpesan dan dalam suatu peristiwa yang sangat bersejarah di mana pesanan yang sama telah dipesan oleh khalifah Islam yang kedua, iaitu Saidina Omar bin Khatab r.a kepada Saad bin Abi Waqas dalam ekspedisi untuk menakluki negara Rome.

Di dalam ekspedisi ini Saidini Umar Al-Khatab telah memesan kepada Saad bahawa jangan kamu membunuh kanak-kanak, jangan kamu membunuh orang-orang tua, jangan kamu membunuh binatang-binatang ternak, jangan kamu memusnahkan pohon-pohon tanaman yang berbuah dan jangan kamu bunuh paderi-paderi, para-para rahib, orang-orang yang bukan Islam yang berlindung dalam rumah-rumah ibadah mereka.

Inilah satu kenyataan bahawa Islam adalah suatu agama yang mengajar penganutnya supaya dalam keadaan perang sekali pun menghormati apa yang dinamakan kemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila tragedi ini berlaku Parti Islam Se Malaysia (PAS), saya sendiri dan Yang Berhormat daripada Tumpat telah menghantar satu surat takziah kepada Perdana Menteri Britain, Tony Blair di atas kejadian yang berlaku dan kita juga mengecam dengan apa yang di katakan sebagai serangan keganasan yang mengorbankan 50 orang di tujuh tempat strategi yang berlaku pada 7 Julai 2005 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua apa yang kita perlu bincang dan perlu kita melihat secara mendalam dalam isu ini adalah apakah dunia akan tetap diancam oleh keganasan yang seperti ini. Kita mesti melihat apatah lagi Malaysia sebuah negara pemimpin OIC, kita juga adalah negara yang memimpin NAM dan kita mesti melihat perkara ini secara objektif dan kita mesti mengkaji secara mendalam apakah yang di katakan dengan izin, *the root of the problem*, akar umbi kepada masalah keganasan yang sedang berlaku dalam dunia pada hari ini.

Dalam pilihan raya Britain yang lalu, secara faktanya Tony Blair telah kehilangan 167 majoriti, ini bermakna rakyat Britain sendiri telah menunjukkan satu isyarat yang paling jelas kepada Tony Blair. Rakyat Britain sendiri telah memberikan suatu isyarat politik yang cukup *significant* kepada Tony Blair dan di antara bukti yang diterjemahkan oleh rakyat Britain kepada Blair ialah kerana terlibatnya Blair di dalam pakatan ketenteraan yang diketuai oleh George Bush, serangan terhadap umat Islam di Iraq dan Afghanistan.

Saya tidak berkata pada hari negeri secara melulu atau pun *hearsay* kerana Tuan Yang di-Pertua mengikut kajian yang dibuat oleh *the American Political Science Association*, ini artikelnya yang ditulis oleh Barat sendiri, saya baca dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "... *the subsequent failure to find weapons of mass destruction and the widely-publicized suicide of British weapons expert David Kelly turns public opinion firmly against the war. Blair's image was severally tarnished with critics branding him as the lying lapdog of the war American President.*" Hujah ini, hujah yang dikaji secara saintifik oleh *The American Political Science Association* ini membuktikan pandangan umum terhadap rakyat Britain bahawa Parti Buruh yang mengalami kekalahan walaupun menang dalam siri ketiga pilihan raya Britain dengan majoriti yang merosot membuktikan bahawa sokongan terhadap Blair adalah merosot berikutan dengan penglibatan beliau dalam peperangan ke atas Afghanistan dan juga ke atas Iraq.

Dengan kematian Dr. David Kelly seorang pakar senjata nuklear apa yang dituduh oleh Amerika Syarikat dan apa yang dituduh oleh Blair terhadap Presiden Saddam Hussein yang dikatakan memiliki *weapons of mass destruction* tidak benar. Tidak benar sama sekali dan Dr. Kelly mati dalam keadaan misteri dan sampai pada hari ini kerajaan Tony Blair tidak boleh membuktikan kepada dunia apakah sebab musabab kematian Dr. David Kelly yang tidak sekali-sekali diragui kepakarannya untuk membuktikan bahawa Presiden Iraq pada waktu itu Saddam Hussein tidak memiliki apa yang dikatakan *weapons of mass destruction*.

Fakta ini, Tuan Yang di-Pertua, perlu kita lihat secara objektif dan saya sempat dalam masa dua hari ini membaca dua buah buku yang sengaja saya rujuk, satu saya ambil pandangan daripada Dr. Abdullah Irwin bukunya yang bertajuk "*Painting Islam as the New Enemy*".

Buku yang ditulis oleh seorang sarjana yang saya lihat tidak ekstrem pemikirannya terhadap umat Islam dan Agama Islam yang menulis secara akademik yang membuktikan bahawa selepas peristiwa 11 September ini adalah sesuatu apa yang di katakan "*licence to kill*" dengan izin.

Satu lesen untuk membunuh umat Islam yang menjadikan tragedi 11 September yang Amerika, yang Pentagon, yang seluruh umat dunia menunggu apakah benar terdapat satu bukti yang *empirical* - bukti yang kukuh yang boleh membuktikan kepada dunia, meyakinkan kepada dunia apakah benar tuduhan mereka terhadap Kumpulan Al-Qaeda ataupun aman-mana kumpulan Islam yang terlibat dalam tragedi 11 September. Sampai kepada hari ini Tuan Yang di-Pertua, tidak ada satu bukti yang mana-mana di antara mereka menggunakan apa yang dikatakan *barbaric war*, mereka menggunakan apa yang dikatakan *preventive action* atau mereka boleh menggunakan ISA - ala ISA di mana dia? Siapa yang ditangkap? Atau mana-mana mereka yang didakwa dalam mana-mana mahkamah dunia yang membuktikan ada terlibatnya apa yang mereka katakan keganasan yang dilakukan oleh sebahagian daripada umat Islam.

Sebuah buku lagi Tuan Yang di-Pertua, "*An Holy War*", sebuah buku yang ditulis oleh Prof. John Esposito. Saya sengaja mengambil satu buku karangan seorang Islam dan

sebuah buku karangan yang mereka yang bukan Islam, yang mengkaji apa yang dikatakan *terrorist and terrorism* secara objektif dan secara akademik yang mengkaji pola pergerakan dunia selepas tamatnya era perang dingin dan juga kita membaca tulisan-tulisan seperti *Samuel P. Huntington* dalam tulisan yang bertajuk *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order* di manakah hala tuju mereka sebenarnya?

Inilah yang saya cuba untuk bawakan ke dalam Dewan yang mulia ini bahawa keganasan ini mesti dikutuk dan kalau Amerika dan Britain yang mendakwa memiliki pasukan perisikan yang paling cekap di dunia CIA mereka, kita mahu supaya penjenayah-penjenayah ini sama ada mereka Islam, sama ada mereka bukan Islam, mereka mesti dibawa ke muka pengadilan dan dunia mahu melihat bahawa semua yang terlibat dalam keganasan ini tanpa agama, tanpa batas bangsa dan tanpa batas negara mesti di hukum kerana melakukan perbuatan yang terkutuk itu.

Jangan kita mudah untuk terpedaya dengan pelbagai tuduhan yang begitu cepat yang dilemparkan. Apabila berlaku tragedi ini pada sebelah petang, kita menonton televisyen pada sebelah malam, maka dengan begitu pantas sekali, Tony Blair mengatakan inilah *barbaric act*. Ini adalah tindakan *barbaric* dan ditujukan kepada umat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita melihat perkara ini secara objektif, saya sudah katakan tadi bahawa Islam itu sendiri dan mana-mana agama saya rasa ajaran asas bagi semua agama memang mengutuk kejadian ini. Kita kesal di saat seperti ini pun, di saat mereka berada di Scotland untuk menghadiri persidangan G8, kalau kita lihat wajah George Bush dalam televisyen, kalau orang yang mengaji, yang pakar dalam bidang psikologi boleh melihat raut wajah mereka, *body language* mereka, mereka sedikit pun tidak menunjukkan rasa kesal mereka terhadap mereka yang mati dalam tragedi pengeboman ini.

Ini sangat-sangat kita kesalkan. Beliau dengan mudah menuduh, ini tindakan kumpulan Al-Qaeda. Sesiapa sahaja boleh menggunakan laman *web*, sesiapa sahaja boleh menggunakan kemudahan alam maya ini untuk menuduh siapa yang melakukan keganasan ini dan sudah tentu Tuan Yang di-Pertua, bahawa umat Islam tentulah tidak senang dengan istilah pengebom Islam atau Jihad ini. Dengan mudah, dengan begitu cepat mereka melabelkan ini pengebom Islam. Apabila berlaku letupan di sana sini ini pengebom yang melibatkan diri mereka dengan Islam dan seumpamanya. Kita mahu negara-negara besar dunia ini mestilah melihat perkara ini dan menyelidik dan menyiasat perkara ini sampai ke akar umbi.

Adakah kita sebagai contoh orang yang bertamadun kalau Amerika, British mengatakan mereka adalah bangsa yang bertamadun, kalau mereka *civilized*, adakah bangsa yang *civilized* ini dengan segala kemudahan yang ada pada mereka dengan kecanggihan sistem mereka, *satelite* ada di bumi dengan segala pasukan mereka dengan begitu mudah boleh menuduh pada mana-mana kumpulan?

Kita tidak senang dengan gelaran-gelaran yang seperti ini. Kalau RIA sebagai contoh, tentera Republik Ireland Utara mengadakan ataupun dalam sejarahnya telah melakukan beratus-ratus siri keganasan, tentu tidak senang kalau orang-orang Kristian sebagai contoh, kita menyatakan ini pengebom Kristian. Adakah itu yang kita mahu? Kemusnahan sebagai contoh Masjid Babri di Ayodhya, India. Adakah wajar bagi masyarakat yang bertamadun yang saya rasa kita semua dalam Dewan yang mulia ini apabila berlaku satu insiden kita mengaitkan dengan agama? Oh, ini perbuatan pelampau Hindu? Atau perbuatan Red Army daripada Jepun? Adakah kita mengatakan ini pengebom Buddhist? Ini pada saya perbuatan-perbuatan ataupun percakapan-percakapan yang tidak menggambarkan mereka adalah sebuah masyarakat yang bertamadun.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat dalam isu ini apabila masalah ataupun dunia gagal untuk menyelesaikan apa yang dikatakan *the root of the problem* ini - akar umbi kepada masalah ini. Kita mesti melihat apa yang dikatakan istilah yang mereka lemparkan sebagai *state terrorism*. Adakah dunia boleh terima suatu bangsa seperti *Zionist* ini, kumpulan yang disebut *Zionist* ini. yang setiap hari membunuh umat Islam Palestin sebagai contoh. Kalau Amerika dan Britain mengatakan mereka adalah negara yang pengamal demokrasi, pelindung demokrasi, negara yang paling Agung dalam sistem demokrasi,

bangsa yang didakwa paling bertamadun, kita melihat satu pelanggaran demi pelanggaran dalam perjanjian-perjanjian seperti Perjanjian Camp David yang akhirnya kita melihat masalah umat Islam di Palestin juga tidak kunjung selesai.

Tidak adakah dunia boleh melihat, orang yang bertamadun boleh melihat, orang yang bermoral melihat, bangsa yang ada digniti boleh melihat, tentang kemusnahan di Iraq dan kemusnahan di Afganistan? Iraq sampai hari ini kanak-kanak yang menghadapi masalah pelajaran, masalah pendidikan, kanak-kanak yang membesar dalam keadaan ketakutan, ribuan yang terbunuh tetapi tiba-tiba negara-negara seperti ini masih lagi menganggap diri mereka yang kononnya melancarkan apa yang dinyatakan Peperangan Anti Keganasan Global (PAG).

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengambil kesempatan yang terbaik ini dalam Parlimen yang mulia ini untuk mempertegaskan sekali lagi bahawa apa yang dilakukan oleh kumpulan ini, terhadap negara ini yang mungkin hari esok, yang mungkin hari lusa boleh berlaku pada mana-mana negara dalam dunia ini. Seharusnya saya mewakili Ahli-ahli Parlimen sekalian, kita ingin mahu melihat bahawa apakah jalan penyelesaian terbaik dan apakah suatu formula yang terbaik untuk kita mengatasi masalah ini. Maka sudah tentu, saya ingin memberikan beberapa pandangan yang berdasarkan kepada hujah-hujah saya sebentar tadi bahawa, kita mesti melihat perkara ini secara objektif dan kita mesti melihat perkara ini perkara yang tidak mungkin boleh diselesaikan dengan hanya menuduh, Tony Blair boleh menuduh dalam jangka waktu yang singkat terhadap mana-mana kumpulan yang bertanggungjawab.

Bush tidak boleh angkuh dan tidak boleh mendakwa inilah yang dikatakan *terrorism*, peperangan yang mesti diteruskan terhadap negara-negara yang mereka tindas dan saya juga mengambil kesempatan ini untuk saya menyatakan bahawa dengan campur tangan merekalah, sebagai contoh dalam negara Amerika Latin, negara yang dibunuh demokrasinya, negara yang diizinkan para diktator untuk memerintah dengan restu daripada Pentagon dan dengan restu daripada Washington yang akhirnya menjadikan negara-negara ini yang kita kenali dalam sejarah negara-negara Amerika Latin inilah negara yang hilang demokrasinya dan rakyatnya mengambil suatu sikap yang kita khuatiri *when the people take the law into their own hands*, inilah yang sangat kita bimbang.

Negara yang mengamalkan diktator disokong oleh Amerika Syarikat, oleh kuasa besar dunia dan bukannya mereka bertindak di atas keamanan-keamanan sejagat tetapi kuasa-kuasa besar dunia bertindak di atas kepentingan mereka. Dan saya masih ingat lagi Tuan Yang di-Pertua, di waktu saya bersama dengan satu misi kemanusiaan untuk menghantar bantuan ke Afghanistan sebulan selepas Kabul menjadi pada jarak padang tekukur, di sana telah siap sebuah buku yang saya beli di Lahore yang ditulis oleh seorang orientalis barat yang menulis buku *"The Pipelines War"* yang jelas membuktikan berdasarkan kepada kajian penulis ini bahawa peperangan yang dilancarkan oleh Amerika Syarikat ke atas Afghanistan hanyalah berdasarkan kepada kepentingan minyak dan gas yang mereka ingin salurkan daripada negara-negara Asia Selatan, negara-negara bekas blok komunis ini yang

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Salahuddin bin Ayub: yang pada saya Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri ayat terakhir saya. yang saya lihat bahawa peperangan yang mereka lancarkan ini bukan atas nama PAG, bukan atas nama peperangan anti keganasan global untuk menyelamatkan umat manusia tetapi peperangan yang dilancarkan untuk kepentingan mereka. Jadi berdasarkan kepada hujah-hujah saya ini Tuan Yang di-Pertua, maka bagi saya Parlimen Malaysia mesti berdiri untuk mengutuk keganasan ini dan mencari punca sebenar mereka yang melakukan keganasan ini dan dibuktikan dengan bukti yang kukuh dan mereka mesti dibawa ke muka pengadilan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bukit Gelugor, dalam 7 minit.

Tuan R. Karpal Singh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Umumnya Tuan Yang di-Pertua, bahawa usul di bawah Peraturan 18 jarang diberi untuk perbahasan. Syabas kepada Tuan Yang di-Pertua pagi ini meluluskan permintaan rakan saya dari Kubang

Kerian. *Terrorism*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *in any form can never be justified*. Lebih elok jika semua parti politik dalam Dewan yang mulia ini boleh hari ini dengan sebulat suara mengutuk dengan sekeras-kerasnya apa yang terjadi di London baru-baru ini. Tetapi terlebih dahulu daripada itu Tuan Yang di-Pertua, apa yang harus diadakan dalam negara kita ini adalah untuk mengadakan aman dan itu boleh dicapai jika orang-orang Islam dalam negara ini terima orang-orang yang tidak Islam yang menduduki dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kalau saya tidak silap minggu lalu Ahli Yang Berhormat bagi Larut ada menyuarakan satu perkataan iaitu kafir, orang Islam dan orang kafir. Bolehkah perkataan itu menyatupadukan orang ramai tidak kira bangsa dan agama dalam negara ini. Pagi ini Ahli Yang Berhormat bagi Jerai ada keriau menunjukan kepada Ketua Pembangkang iaitu jika tidak boleh menerima negara Islam pergi dari negara ini, halau dia pergi keluar dari negara ini. Bolehkah perkataan-perkataan itu digunakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam ke atas orang-orang yang menduduki negara ini sebagai *citizens*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pertama Tuan Yang di-Pertua, saya hendak betulkan. Memang bagi orang Islam disebut orang Islam dan yang bukan Islam memang kafir. Kafir itu bukan bahasa kasar tetapi itu adalah untuk menunjukkan orang bukan Islam kita sebut kafir. Jadi Yang Berhormat tidak memahami bahasa maka Yang Berhormat kata bahasa tidak elok. Macam Yang Berhormat kata orang celaka di mana celaka itu memang tidak elok itu bahasa biadab namanya.

Tuan R. Karpal Singh: Kafir tidak boleh dianggap sebagai perkataan yang boleh disuarakan oleh seorang yang waras, tidak boleh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Itulah, sebenarnya Yang Berhormat tidak faham. Kalau orang bukan Islam saya hendak panggil apa?

Tuan R. Karpal Singh: Nada, nada yang digunakan apabila menyuarakan perkataan kafir.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kafir itu *non-believer*, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan normal, tidak beberapa orang Islam yang menggunakan perkataan-perkataan seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Lagi saya hendak perelaskan Yang Berhormat. Saya hendak pertahankan hujah-hujah saya. Tidak boleh menuduh saya di mana saya bangun untuk mempertahankan Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Di mana Yang Berhormat sendiri mengatakan langkah mayat Yang Berhormat kalau Malaysia ini jadi sebuah negara Islam.

Tuan R. Karpal Singh: Itu tidak kira, apa yang tajuk depan kami adalah tajuk yang lain.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini maksud saya. Saya akan pertahankan ini dan jangan perkecil-kecilkan Islam Hadhari yang dibawa oleh Perdana Menteri untuk memperkemaskan dan mempereratkan. Dunia antarabangsa menerima Islam Hadhari sebagai Islam persahabatan sebagai kebaikan tetapi Yang Berhormat menidak-nidak, mengecil-ngecilkan dan menolak agama Islam di Malaysia ini. Ini tidak betul. Jadi saya hendak membetulkan minda Yang Berhormat. Jangan membawa saya ke arah yang seolah-olahnya saya anti Islam, tidak. Saya seorang umat Islam yang sederhana, saya boleh berkawan dengan semua orang bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat telah diberi peluang untuk lahirkan perasaan, sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak. Saya hendak beritahu 'Jelutong' ni.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Bukit Gelugor sambung.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, Parti DAP tidak dalam mana-mana masa menolak Islam dalam negara ini. Kami menerima Islam sebagai agama rasmi dalam negara ini kerana ini ada peruntukan di dalam Perlembagaan. Apa yang tidak ada sebagai peruntukan dalam Perlembagaan negara adalah tidak ada satu negara Islam. Negara Islam dan Islam ini berlainan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila tumpukan ucapan kepada melahirkan rasa simpati ke atas pengeboman di London.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab apa yang dikatakan oleh Jerai tadi. Walau bagaimanapun, apa yang perlu adalah untuk semua Ahli-ahli Yang Berhormat tidak kira parti untuk mengutuk dengan keras apa yang terjadi dalam London baru-baru ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Gombak, dalam masa antara 5 ke 10 minit.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Yang pertama, saya ingin menyatakan bahawa saya juga sama-sama menyokong untuk mengutuk keganasan yang berlaku di kota London pada 7 Julai 2005 hari Khamis jam 8.50 pagi yang berlaku dalam minggu lepas, yang berlaku di luar Liverpool Street dan juga di King's Cross. Kita tahu bahawa empat ledakan yang berlaku yang mana 3 ledakan yang meletupkan kereta api *tube* dan satu ledakan yang meletupkan sebuah bas dua tingkat. Itu bukan sahaja meledakkan kota London tetapi juga meledakkan perasaan umat Islam kerana pada saya peristiwa ini merupakan satu lagi liabiliti kepada negara Islam dan juga umat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan bercakap di dalam tajuk-tajuk berkenaan dengan persepsi negatif terhadap Islam, diskriminasi yang berterusan tentang Islam dalam perkara ini, peranan OIC dan juga soal menghapuskan punca.

Kalau kita lihat bahawa seperti mana pengakuan dan juga tuduhan yang dibuat kepada kumpulan Al-Qaeda dari briged Abu Hafiz Al Masri yang dikatakan bertanggungjawab dalam peristiwa ini, peristiwa ini juga membawa implikasi-implikasinya iaitu yang pertama kita tahu bahawa persepsi yang negatif akan berterusan terhadap agama Islam dan orang-orang Islam. Itu implikasi yang pertama. Implikasi yang kedua, gambaran yang menyamakan Islam dan keganasan akan bersemarak dan akan berterusan. Kita akan lihat after effects ataupun kesannya iaitu diskriminasi yang berterusan terhadap orang Islam, hasil daripada peristiwa ini.

Kita tahu bahawa tindakan membunuh sesama manusia ini memanglah seperti mana yang disebutkan tadi ditegah oleh semua orang. Oleh itu, pada saya mesti ada tindakan proaktif daripada PBB dan juga, terutamanya OIC kerana kita tidak mahu bahawa peristiwa keganasan demi keganasan ini memberi liabiliti yang berterusan kepada negara-negara Islam dan juga kepada umat Islam. Dan pada saya apakah perkara-perkara dan langkah-langkah proaktif yang boleh dimainkan peranannya oleh OIC.

1. Soal mengeluarkan fatwa tentang keganasan ini haruslah disebar luas supaya umat Islam tahu bahawa keganasan ini memang sebenarnya bertentangan dengan Islam dan bukan sahaja untuk umat Islam tahu tetapi untuk semua umat yang bukan Islam pun tahu. Semua umat di dunia supaya kita dapat mengaitkan dan menyekutukan bahawa Islam itu dengan perdamaian. Dan ini fatwa ini harus disebar luaskan yang mana peranan ini pada saya harus dimainkan oleh OIC.
2. Memastikan tidak ada negara-negara OIC yang melindungi penganas. Ini juga saya rasa peranan, yang berterusan yang boleh dimainkan oleh OIC.

3. Hubungan kepolisian yang kuat di antara negara-negara OIC di dalam penukaran maklumat tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan keganasan. Saya rasa ini adalah peranan-peranan proaktif. Kalau kita tidak, jika kita tahu bahawa Islam dikaitkan dengan *terrorism* dan peranan yang begitu khusus, spesifik, begitu jelas harus dimainkan oleh pihak OIC. Dan saya juga ingin menyentuh di sini bahawa kita tahu bahawa keganasan ini harus dicegah dan salah satu aspek pencegahan yang paling penting ialah dengan mencari puncanya. Apakah punca keganasan ini?
- (i) dan kita tahu bahawa di antara punca yang selalu dikaitkan ialah penindasan yang berterusan oleh Israel kepada Palestin. Ini yang dikatakan sebagai state sponsored terrorism. Ini juga merupakan punca-punca yang kalau kita ingin cari penyelesaian berpanjangan ini juga harus diperhatikan dan ini juga harus diselesaikan. Dan PBB harus mengambil langkah yang tegas dalam hal ini. Kalau ini tidak diambil kerana kalau ini dianggap oleh orang Islam sebagai satu puncanya keganasan ini akan berterusan;
 - (ii) campur tangan dan pencerobohan terhadap Iraq. Ini juga menjadi satu luka kepada kebanyakan umat Islam dan oleh kerana itu saya rasa punca-punca beginilah yang boleh mencetuskan keganasan di kalangan-kalangan mereka yang mengganas;
 - (iii) aspek ini juga penting kita tahu bahawa bekalan senjata kepada pengganas-pengganas. Siapa yang banyak membekalkan senjata-senjata kepada pengganas-pengganas. Kalau kita lihat daripada statistik-statistik, kalau kita baca majalah-majalah luar negara mereka yang membekal utama senjata-senjata kepada pengganas-pengganas ialah Amerika Syarikat dan Britain. Dan ini harus diberhentikan kerana kalau apabila mereka membekalkan senjata dan sebagainya ini akan menjadikan keganasan itu berterusan;
 - (iv) dan yang paling penting juga langkah yang berterusan oleh PBB dan juga oleh OIC di dalam menangani kemiskinan. Kita tahu bahawa kemiskinan ini boleh menyebabkan rasa tidak puas hati, penindasan boleh menyebabkan rasa tidak puas hati dan perkara ini haruslah dibuat dengan serius;
 - (v) selain daripada itu saya bersetuju seperti yang dibangkitkan sebelum ini bahawa kajian terperinci haruslah dilihat sebelum tuduhan-tuduhan dibuat siapakah yang sebenarnya bertanggungjawab terhadap keganasan ini, siapakah yang bertanggungjawab terhadap pengeboman ini? Kita tidak mahu bahawa mereka yang bertopengkan Islam kerana untuk memberikan satu lagi liabiliti kepada agama Islam mengaku mereka bertanggungjawab terhadap pengeboman ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ya Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong mengutuk keganasan yang berlaku ke atas Kota London.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Jerai, sila tumpukan kepada.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Tuan Yang di-Pertua:melahirkan hasrat simpati, ya...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Tuan Yang di-Pertua:kepada apa yang berlaku....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua:kepada orang yang tidak berdosa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun menyokong usul yang dibawa untuk mengutuk apa juga kekejaman yang berlaku ke atas manusia. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Tuhan suruh kita, manusia makhluk dia hidup di atas muka bumi Dia ini dengan hormat-menghormati di antara satu sama lain. Hormat-menghormati tidak kira bangsa, tidak kira agama, tidak kira keturunan sebab itu Tuhan, Dia mencipta manusia ini dia berbeza-beza, berkaum-kaum, berpuak-puak tetapi Tuhan kita ini berbaik-baik dan menghormati di antara satu sama lain.

Berlakunya pertelingkahan dunia pada hari ini adalah disebabkan oleh tidak ada lagi sikap hormat-menghormati di antara satu sama lain. Hormat menghormati inilah yang penting dan apabila tidak dihormati, maruah dicabar, kedudukan tergugat, tanah air diserang, rumah tangga tidak ada, anak-anak mati kelaparan terbunuh di sana dan di sini maka sudah tentu, Tuan Yang di-Pertua, kebangkitan kebencian ini akan berlaku.

Yang berlaku ini adalah disebabkan oleh kebencian kerana kita benci, kita marah, kerana tanah air kita ini dikuasai, dimiliki secara tentera, secara kekasaran. Kemerdekaan, kedaulatan negara dihapuskan menyebabkan rakyat sudah tidak kemerdekaan lagi. Mengambil bumi-bumi mereka ini, mengambil hasil-hasil bumi mereka ini untuk digunakan sewenang-wenangnya oleh negara-negara yang berkuasa. Pada hari ini, negara yang berkuasalah harus dipersalahkan disebabkan berlaku peristiwa-peristiwa yang menyedihkan ini.

Sebagai manusia, kita juga bersimpati dan bersedih apabila melihat walaupun dia bukan seorang Islam tetapi menangis, mengerang dalam kesakitan disebabkan oleh letupan bom. Kita bersimpati dan rakyat Malaysia bersimpati kerana rakyat Malaysia adalah rakyat yang mempunyai satu Allah Taala bagi sikap sayang menyayangi di antara satu sama lain. Mungkin berbeza pendapat tetapi kita hidup dengan keadaan majmuk di dalam negara yang merdeka ini.

Malaysia sebuah negara Islam yang contoh, Malaysia sekarang sudah mempertahankan maruah Islam di peringkat antarabangsa, memberitahu dunia bahawa Islam bukanlah menyuruh umatnya menjadi pengganas, Islam bukan menyuruh umatnya ini menjadi penjahat, Islam menyuruh umatnya hidup di dalam negara, di dunia yang bertamadun ini bermesra di antara satu sama lain, hormat-menghormati di antara satu sama lain, tolong-menolong di antara satu sama lain.

Ini ajaran Islam, cuma kadang-kadang mungkin Barat hendak melemahkan kedudukan dunia Islam dan mungkin juga peristiwa-peristiwa yang berlaku ini saya terfikir juga, Tuan Yang di-Pertua, adakah ini dilakukan oleh orang Islam ataupun mungkin dilakukan oleh ekstrem-ekstrem negara mereka sendiri untuk menunjukkan kepada dunia bahawa Islam ini ganas. Dan.....

Tuan Yang di-Pertua: Kita tidak tahu lagi.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Kita tidak tahu lagi siapa yang buat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha itulah, itulah yang saya kata mungkin. Jadi, sekarang dia tunjuk bom meletup, Qaeeda, bom meletup, Islam, bom meletup, hinggakan mereka orang Islam begitu hina. Kalau kita masuk ke negara mereka bila tengok passport kita Islam mereka menghina sedangkan kita tidak. Biarlah kita bersabar kerana Tuhan akan bersama dengan kita.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Mencilah sedikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih, Jerai. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, setuju atau tidak pandangan saya. Yang berlaku itu bukan Islam. Itu adalah masalah *human error*, masalah manusia. Setuju tidak? Jangan meletakkan label kepada Islam yang sebab-sebab Yang Berhormat Jerai beri tadi saya terima kerana berlakunya, selepas berlaku 11 September di World Trade Centre ranap maka dicopnya mula-mula Islam jahat. Kemudian setelah Perdana Menteri kita jelas Islam itu tidak jahat itu manusia dia terima, Amerika terima maka sejak itulah kurang sedikit berlaku. Maka setuju tidak itu perkara manusia bukan perkara Islam.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Setuju, setuju kerana manusia, Tuhan dia bagi macam-macam, otak. Tetapi otak itu tidak digunakan sebaik mungkin.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, Ketereh.

Tuan Yang di-Pertua: Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Dalam peristiwa 11 September, beribu-ribu orang mati. Tetapi, kita dapati bahawa semua orang Yahudi pada hari tersebut tidak pergi kerja, ribuan orang dan mereka terselamat daripada bahaya tersebut. Satu persoalan yang disoal ialah bagaimana mereka tidak boleh pergi kerja ramai-ramai pada hari itu? Adakah mereka tahu? Kalau mereka tahu, kenapa mereka tidak bagi tahu? Macam mana mereka boleh selamat sehingga ada orang bertanya, mungkin ini bukan kerja Al-Qaeda. Mungkin mereka juga bersubahat. Boleh minta penjelasan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Sebab itulah saya kata, saya kata dah, mungkin, kerana hendak merosakkan imej Islam, hendak merosakkan negara-negara Islam, hendak mengambil negara Islam secara politik mungkin tidak berjaya, tetapi mereka mengambil secara ketenteraan. Kalaulah Iraq itu dia kata ada senjata nuklear, sampai hari ini tidak keluar senjata itu, pergi mana? Hendak disorok bagaimana, dengan satelit dia di merata ceruk ini, Amerika ini cukup canggih. Tetapi, masih tidak dapat kesan. Teraniaya rakyat Iraq, terkorban rakyat Iraq, menjadi pelarian di negara mereka sendiri, hidup dalam penderitaan.

Iraq adalah sebuah negara Islam yang bertamadun dan yang berjaya. Tetapi, itulah disebabkan oleh politik antarabangsa, politik dunia yang ingin menguasai dunia, maka akhirnya terkorbanlah beberapa buah negara kita. Kita menyeru, kita bersimpati Tuan Yang di-Pertua dan kita tidak menyokong segala perbuatan-perbuatan membunuh orang-orang yang tidak berdosa. Ini bukan ajaran Islam. Islam melarang sekuat-kuatnya untuk membunuh sedangkan kita di Malaysia ini, kadang-kadang kucing lintas jalan Tuan Yang di-Pertua, kereta kita masuk parit. Kita masuk hospital kerana hendak menyelamatkan kucing seekor yang melintas depan itu. Punya baiknya orang kita.

Apa halnya kalau kita langgar kucing itu? Tetapi, kerana kucing bernyawa. Kucing juga makhluk, kita elak, tergelincir masuk dalam parit, masuk wad tidak apa lagi. Si dugong duduk dalam laut, menangis seluruh Malaysia. Punya baik Jelutong, punya baik manusia di Malaysia ini. Kita berharap dunia Islam lain turutlah macam Malaysia ini. Dunia Islam lain berpakat-pakatlh macam kita ini. Kita bersatu, kita tunjuk kepada dunia Barat,

kita tunjuk kepada kuasa besar bahawa perpaduan umat Islam, pendidikan Islam ini boleh mengamankan dunia. Memang Islam adalah agama untuk keamanan dan kebaikan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya menyokong penuh dan kita bersimpati, bukan sahaja di London, tetapi di mana-mana sahaja seandainya nyawa terkorban dengan tidak ada sebab, maka kita bersimpati kepada mereka. Kita berdoa ke hadrat Allah SWT semoga Tuhan menunjukkan kebenaran kepada dunia pada hari ini. Tuhan kemukakan orang-orang yang mempunyai hati yang busuk, hati yang busuk ini supaya kita dapat melihat, dunia dapat melihat betapa busuknya kadang-kadang seorang pemimpin yang tidak bertamadun pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat pihak Menteri Luar Negeri untuk menjawab sehingga 5.30 petang.

5.14 ptg.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian yang telah mengemukakan usul bagi kita mengutuk tindakan keganasan yang menyebabkan kecelakaan kepada orang awam yang tidak berdosa. Kita juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk turut menyokong daripada Tasek Gelugor, Gombak dan Jerai.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan Malaysia terhadap isu keganasan adalah amat jelas sekali. Dari awal-awalnya, Malaysia telah mengatakan, kita tidak menyokong apa-apa bentuk keganasan yang berlaku ataupun perbuatan keganasan yang kita anggap sebagai jenayah kemanusiaan. Di masa yang sama, adalah penting bagi kita untuk memahami, dalam kita mahu mencari punca, ianya tidak menjadi satu alasan untuk kita memberi sokongan terhadap tindakan-tindakan ganas.

Kita mahu tindakan ganas diambil, tindakan secara bersama di peringkat rantau dan antarabangsa supaya masyarakat antarabangsa akan mengetahui bagaimana keganasan itu boleh membawa kemudaratkan kepada umat manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian yang saya nampak menyokong pendirian yang diambil oleh kerajaan iaitu kita semenjak September 11, telah mengatakan kita mengutuk September 11, kita mengutuk apa yang telah berlaku di masa yang sama, bagi mengatasi dan mencari resolusi ataupun rumusan jangka panjang, perlu sebab musabab keganasan berlaku dikaji secara mendalam. Inilah perkara yang penting masyarakat antarabangsa tumpukan perhatian mereka supaya ia tidak menjadi sesuatu yang membawa kecelakaan kepada dunia.

Tuan Yang di-Pertua, di masa yang sama saya fikir adalah penting juga untuk kita bersama-sama mencerminkan dan mempamerkan bahawa Islam itu adalah agama murni, Islam bertentangan dengan keganasan dan keamanan. Kalau kita menunjukkan contoh-contoh yang elok, kita tidak akan dapat memberikan atau membukakan ruang kepada orang lain untuk membuat tanggapan yang salah terhadap agama kita ataupun umat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa pada hari ini, ada kecenderungan. Memang betul ada kecenderungan, seolah-olah keganasan boleh diwarnai oleh agama, kaum ataupun budaya. Sebab itu, apabila kejadian di London berlaku, maka dengan cepat dikatakan *Islamic terrorism*, dengan izin. Sebenarnya kalau *terrorism*, ianya tidak seharusnya dikaitkan dengan apa-apa agama. Sedang kita mengutuk, kita mahu siasatan yang terperinci dilakukan supaya dapat diketahui sebab perkara itu berlaku dan siapa yang sebenarnya bertanggungjawab.

Kita tidak menyokong mana-mana kumpulan sama ada Al-Qaeda atau kumpulan-kumpulan yang majoritinya bertindak di atas nama Islam untuk kita menyokong kalau mereka melakukan keganasan atau mereka melakukan kemusnahan kepada orang-orang

awam, kanak-kanak atau orang-orang tua. Ini bukan akan kita berikan sokongan. Kita tidak akan menyokong. Tetapi yang kita hendak tentulah mereka tidak cepat membuat keputusan terhadap kejadian-kejadian yang berlaku dan dengan sendirinya Tuan Yang di-Pertua dengan izin, *stereotyping of Islam and terrorism*.

Ini satu perkara yang membawa perhatian dan persepsi seolah-olah kejadian itu dipersalahkan setiap kali kepada orang Islam dan apabila siasatan dilakukan, maka sudah ada keputusan sebelum pun siasatan berakhir. Kita berasa sedih di atas kejadian yang berlaku. Di masa yang sama, kita juga mahu tindakan yang diambil adalah satu tindakan yang saksama dan adil yang menggambarkan perkara itu hendak disiasat sebagaimana Yang Berhormat mengatakan secara objektif.

Tuan Yang di-Pertua, kita boleh baca banyak buku-buku yang membincangkan pada hari ini sama ada pertembungan tamadun ataupun buku berkenaan, *terrorism*, berkenaan mengapa ia terjadi. Yang pentingnya ialah kita sama-sama mencari jalan bagi mengubati penyakit keganasan untuk ianya tidak dikaitkan dengan agama Islam. Di peringkat OIC, OIC telah mengadakan beberapa program untuk kita membetulkan imej kita dan mengambil tindakan awal supaya kedudukan kita sebagai umat Islam tidak terus tercemar dan dipandang rendah oleh mana-mana negara atau mana-mana kumpulan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya fikir Yang Berhormat sedia maklum bahawa kita daripada mulanya, berkenaan Iraq, kita menganggap bahawa tindakan di Iraq adalah satu tindakan yang tidak berasaskan undang-undang antarabangsa dan ianya terkeluar dan bertentangan dengan undang-undang antarabangsa. Sebab itu, kita dari awal lagi kita mengatakan bahawa tindakan sebenarnya mahu menukar pimpinan di dalam sebuah negara, bukan bertujuan untuk mencari senjata ataupun senjata pemusnah sebagaimana diperkatakan awal-awal lagi oleh pihak negara-negara Barat.

Tetapi masih, pada ketika ini, tuduhan yang di hadapan kita didapati betul bahawa tidak ada senjata pemusnah yang sebenarnya, yang mereka hendak lakukan ialah mahu menukar pimpinan yang mereka tidak senangi. Pada hari ini, apabila pimpinan telah bertukar, maka kita bertanggungjawab untuk bersama-sama melahirkan suasana dan persekitaran yang boleh mendatangkan keamanan ke negara Iraq. Memanglah kita perlu.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Orang Islam selalu terdedah kepada salah sangka, tuduhan melulu pihak-pihak yang tertentu. Apa yang diterangkan adalah benar bahawa Islam tidak menggalakkan keganasan. Sekarang sudah berlaku di London, apakah tindakan kerajaan Blair melindungi orang-orang Islam yang ketakutan atas sangkaan buruk, konon yang melakukan ini orang Islam sedangkan mereka tidak bersalah. Apa agaknya tindakan kerajaan Blair untuk melindungi orang Islam yang tidak berdosa?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Dia daripada awalnya apabila kita menyebut seolah-olah keganasan itu adalah kumpulan Islam yang bertanggungjawab, ia daripada mulanya terpancar satu tanggapan yang negatif terhadap umat Islam. Hasil daripada itu, 70 insiden telah berlaku di UK dan satu bom yang dikatakan tidak dikaitkan dengan *terrorism* di Birmingham, seolah-olah ia adalah jawapan kepada apa yang berlaku kepada rakyat di Kota London.

Sebab itu kita mengatakan jangan membuat rumusan dan kesimpulan terlampau awal. Kita bersama-sama turut sedih, mengutuk dan mahu tindakan yang tegas diambil dan saya merasakan pada masa ini Kerajaan Britain sudah mula membawa tanggapan yang mula-mula tidak tepat kepada satu keadaan yang akan membolehkan orang-orang Islam di London ataupun di UK merasa selamat dan tidak terancam dan ini tidak patut dipersalahkan kepada umat Islam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya sedikit tentang keselamatan rakyat Malaysia ekoran daripada apa yang berlaku di London sama ada mereka yang belajar ataupun yang bekerja di sana secara rasmi.

Keduanya penjelasan Yang Berhormat, apakah formula OIC terutamanya untuk membersihkan imej kita sebagai negara Islam, Malaysia sebagai negara Islam yang dilihat berlakunya keganasan ini berpunca daripada negara Islam sedangkan sebagaimana yang rakan-rakan bercakap tadi, kekejaman yang berlaku di negara-negara Islam yang lain ekoran yang dibuat oleh negara-negara yang bertindak kejam, ini tidak dilihat sebagai satu keganasan dan kekejaman.

Jadi minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat, kita sebagai Ketua Negara-negara OIC terutamanya bila kita hendak minta supaya dibersihkan imej buruk yang dilihat berkaitan negara Islam ini, kita terutamanya negara Islam walaupun ada yang tidak anggap kita negara Islam, terpulang, itu sikap dia.. Jadi dua perkara yang saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Larut. Sebenarnya Malaysia, kita punya penuntut di UK ada 11,000 orang dan 6,000 orang Malaysia yang menetap di UK dan daripada maklumat yang kita ada, mereka semuanya selamat kerana kita menubuhkan bilik-bilik operasi untuk mereka berhubung dan mendapatkan maklumat-maklumat yang terkini.

Jadi kita juga menasihatkan supaya rakyat Malaysia agar tidak mengunjungi Kota London pada ketika keadaan itu tegang dan suasananya tidak menentu. Walau bagaimanapun, kita nampak pihak berkuasa UK telah berjaya dalam masa empat hari ini untuk mengembalikan atau memulihkan keyakinan dan dengan itu suasana dan keadaan lebih baik. Tetapi lebih baik berhati-hati mengambil tindakan yang kita tidak tahu ada kemungkinan perkara-perkara sedemikian boleh berlaku semula.

Berkenaan dengan pertanyaan Yang Berhormat, apa yang telah diambil oleh Malaysia dan negara-negara OIC, sebagaimana Yang Berhormat ketahui, pada Sidang Kemuncak OIC di Malaysia di Putrajaya, kita telah mengadakan satu usul berkenaan dengan imej OIC dan telah menubuhkan satu kumpulan pakar untuk membincangkan secara mendalam berkenaan tindak-tanduk negara OIC dan bagaimana kita dapat berinteraksi dengan tamadun berbeza-beza dan mempunyai hubungan yang baik bagi mempamerkan imej masyarakat Islam di peringkat antarabangsa.

Kita telah mengadakan dua mesyuarat, satu di Kuala Lumpur dan lagi satu di Islamabad. Dan hasil daripada mesyuarat itu, kumpulan pakar, kita akan mengadakan satu lagi mesyuarat di Arab Saudi iaitu di Mekah pada bulan September ini dengan kumpulan ulama, para *political scientists* dan *social science* untuk membincangkan bagaimana kita dapat memulihkan nama, imej dan kedudukan masyarakat Islam supaya kita tidak tercemar dan dianiaya oleh masyarakat antarabangsa.

Jadi banyak tindakan yang kita ambil dan kita berharap pada sidang kemuncak yang akan diadakan pada bulan Disember ini di Mekah juga, di kalangan Ketua-ketua Kerajaan dan Ketua-ketua Negara OIC akan dibincangkan berkenaan soal ummah, masa depan dan hala tuju kita dalam kita tidak mahu dipinggirkan dan terletak di arus utama, politik dan perhubungan antarabangsa.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Jadi soal-soal ini memang menjadi satu perkara yang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Ketereh.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: ...kita bincangkan secara berterusan.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Menteri. Saya diberitahu semalam di New Zealand, tujuh buah masjid telah diserang oleh orang yang tentunya bukan Islam kerana menganggap ini sebagai satu reaksi kepada apa yang dikatakan orang Islam menyerang orang-orang yang tidak berdosa di Kota London.

Selepas peristiwa 11 September, kalau tidak silap saya seorang Punjabi yang memakai *turban* diserang di Kanada kerana *mistakenly taken for a Muslim* yang pakai *turban* pada 11 September. Ini membuktikan bahawa dalam membalas serangan juga mereka mungkin silap. Saya ada anak di New Zealand, saya akan berinteraksi dengan dia malam ini dengan *e-mail* dan ini menjadi satu *concern* yang besar kepada umat Islam.

Penjelasan yang saya pohon ialah selaku juru bicara kepada negara Islam, Malaysia harus mengambil peranan untuk membicarakan soal ini dengan ketua-ketua negara yang tidak memahami bahawa ini sebenarnya tidak boleh dipersalahkan kepada Islam sahaja. Saya mohon jaminan daripada Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, memang tiap-tiap kali ada kejadian, dia ada *backlash*, dengan izin, di negara-negara lain, di Eropah dan di tempat-tempat lain yang dengan sendirinya memberikan kesan terhadap umat Islam. Jadi sebab itu di dalam pucuk pimpinan kita, kerajaan kita dalam tiap-tiap perjumpaan dengan pimpinan Negara-negara G8 atau Ahli-ahli Tetap Majlis Keselamatan, kita mengambil pendekatan menerangkan bahawa mereka dan media mereka tidak sepatutnya mengaitkan soal keganasan ini dengan Islam dan ini dapat persetujuan daripada mereka.

Tetapi soalnya bukan persetujuan dari segi kata-kata, ia mestilah dilaksanakan secara tindakan supaya kedudukan umat Islam yang menjadi rakyat di negara-negara tersebut tidak terjejas dan mereka akan sentiasa dalam keadaan yang selamat. Ini tidak dapat kita nafikan bahawa ada kesannya apabila kejadian berlaku dan dengan cepat dibuat keputusan. Jadi saya berharap tindakan yang diambil oleh Parlimen Malaysia, saya fikir akan dipandang mulia dan dipandang tinggi kerana kita turut serta mengutuk dan dalam masa yang sama kita mahu tentukan bahawa kerja-kerja yang dilakukan seterusnya akan memberikan jawapan dan memberikan perkara-perkara yang dapat menyelesaikan masalah ini secara jangka panjang.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pendang.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya tidak ada masa ini, saya ada dua minit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak lagi? Bagi sekejap.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Biar saya habiskanlah sahaja because..

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Saya hendak tanya, Dato' Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada letupan-letupan yang Yang Berhormat sebut tadi ini, banyak letupan lebih kurang 70 siri keganasan. Apakah siasatan yang telah dijalankan membuktikan bahawasanya letupan ini atau keganasan ini dilakukan oleh umat Islam ataupun orang Islam?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fikir ada yang ada pembuktian, ada yang tidak ada pembuktian. Yang pentingnya ialah orang ini tidak seharusnya dianggap dan dikaitkan dengan agama kita. Ini bukan masalah agama, masalah kemanusiaan yang dilakukan bukan oleh kelemahan agama, ia adalah kelemahan manusia yang melakukan jenayah.

Kalau kita sendiri mengatakan umat Islam *equal to* atau sama dengan, maka kita juga akan terheret dengan hujah yang mengatakan ini adalah masalah umat Islam. Pada saya ini bukan masalah umat Islam. Ia adalah masalah masyarakat antarabangsa, ketidakadilan, ketidaksemaan dan kepinggiran yang berlaku. Banyak persoalan yang perlu kita rumuskan bagi tujuan untuk mendapat penyelesaian jangka panjang.

Jadi berkenaan perkara ini, sebagaimana saya katakan, saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah menghantar surat takziah kepada Kerajaan Britain oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada Ratu Elizabeth II dan Perdana Menteri kita kepada Tony Blair dan juga saya telah menghantar surat takziah kita kepada Jack Straw.

Jadi kita buat ini semua, di masa yang sama kita mahu mereka bersikap adil, mereka akan melaksanakan penyiasatan mereka dengan sebaik mungkin dan menghukum mereka yang bertanggungjawab bukan di atas asas agama ataupun prejudis ataupun *bias* kepada agama tetapi kita semua menentang jenayah terhadap manusia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbincangan kita mengikut Peraturan Mesyuarat 18(1) telah tamat. Kita minta pihak Menteri untuk membawa usul.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang."

Tuan Yang di-Pertua: Sokongan?

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

PENINGKATAN HARGA BARANGAN KEPERLUAN HARIAN MENJEJASKAN PARA PESARA

5.30 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Beribu-ribu pesara mengalami masa depan yang amat gelap kerana kenaikan harga minyak petrol dan diesel dan telah mengakibatkan kenaikan harga barangan keperluan harian termasuk kos perkhidmatan. Adalah amat mudah bagi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri untuk menyuarakan agar para pengilang dan para pemberi perkhidmatan mengelakkan kos kenaikan harga barangan ditanggung oleh para pengguna. Mereka seharusnya melihat sendiri berapa ramai peniaga yang menuruti nasihat mereka itu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Orang ramai dan pengguna-pengguna telah dinasihatkan agar pembeli barangan di tempat harganya paling berpatutan. Ini mungkin sesuai bagi orang yang mempunyai kenderaan sendiri. Namun demikian, ramai yang berkenderaan sendiri telah pun mengadu

belanja yang besar yang ditanggung untuk membeli minyak. Para pesara yang menggunakan kemudahan perkhidmatan awam seperti bas dan teksi telah terjejas teruk sejak peningkatan harga itu.

Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-Menteri Kabinet seharusnya turun padang ke semua pasar termasuk pasar basah, pasar malam, pasar tani dan pasar raya-pasar raya untuk melihat sendiri keadaan harga dan inflasi di negara ini dan hanya bercakap kosong. Sebenarnya sebelum peningkatan harga yang terbaru ini pun aduan-aduan telah diterima dari pesara-pesara tentang institusi kewangan yang genting ini. Sebilangan besar menghadapi kesulitan kerana pencen bulanan yang diterima amatlah rendah. Sebilangan besar pesara di negara ini hanya mendapat pencen sebanyak RM300 sebulan atau kurang. Amaun ini adalah terlalu rendah bagi seorang yang masih bujang apatah lagi bagi orang yang berkeluarga atau yang hendak berkeluarga dan mempunyai beberapa orang anak yang bersekolah. Bagaimana keluarga lima ataupun enam beranak dapat ditanggung pada amaun serendah ini setiap bulan? Bolehkah Menteri-Menteri Kabinet hidup pada tahap gaji sedemikian? Bolehkah anjing-anjing atau kucing-kucing mereka yang berharga ditanggung pada amaun sedemikian?

Kelihatan yang amat memeranjatkan ialah terdapat beribu-ribu pesara yang terpaksa menyara diri dengan pencen yang amat jauh di bawah garisan kemiskinan rasmi iaitu kurang daripada RM500 sebulan. Perdana Menteri harus bangun dengan segera dan menghadapi kenyataan bahawa pesara yang telah banyak memberi sumbangan kepada masyarakat di satu masa dahulu kini telah berumur dan memerlukan pembelaan. Apakah jenis layanan itu? Saya menyeru kepada Perdana Menteri dan kerajaan untuk mengambil inisiatif dan menyemak semula sistem persaraan di negara ini dengan tujuan menambah amaun pencen yang berpatutan, realistik, serius dengan hakikat dan ekonomi semasa serta inflasi yang semakin meruncing. Beribu-ribu pesara di Malaysia hidup dalam keadaan serba kekurangan dan kemiskinan. Kerajaan haruslah bertindak dengan segera menangani situasi ini. Mereka mestilah tidak diabaikan lagi. Ini adalah masalah sosial yang amat ketara sekali dan semakin bertambah. Bagi memastikan keadilan dan kesaksamaan, kita seharusnya mengaitkan pesara dengan inflasi. Jika tidak, pesara dan keluarga mereka akan menjadi mangsa setiap kali harga barangan meningkat.

Perdana Menteri dan kerajaan tidak seharusnya mengabaikan laungan para pesara dan mereka yang bersimpati dengan mereka kerana laungan-laungan ini adalah dari hati yang telah patah. Berikanlah perhatian kepada laungan-laungan ini. Dalam surat pembaca, S. Ragunathan, dari Petaling Jaya, dalam surat khabar The New Straits Times menyatakan, *"...sebagai pesara saya simpati dengan Abdul Rahman dari Klang yang sukar menampung kehidupan dengan pencen bulanan yang tidak seberapa. Terdapat beribu-ribu pesara yang telah menyumbang kepada negara dan adalah di dalam kategori ini dan sumbangan mereka tidak harus diabaikan"*. Kenyataan ini adalah dari beribu-ribu bekas pekerja mahir dari Kereta Api Tanah Melayu, Jabatan Kerja Raya dan agensi-agensi kerajaan telah memberikan sumbangan kepada pembangunan negara sebelum dan selepas kemerdekaan. Kerajaan yang selama ini prihatin tentang kebajikan bekas pekerja-pekerja awam seharusnya memenuhi tuntutan yang dibuat oleh Persatuan Pesara Perkhidmatan Awam (Malaysian Government Pensioners Association), terutamanya sekali tentang tuntutan minimum yang seharusnya tidak kurang dari amaun garis kemiskinan sebanyak RM500 sebulan iaitu perhitungan pencen atas dasar perkhidmatan RM400 sebulan. Hanya dengan demikian sahaja golongan berpendapatan rendah akan menikmati faedah. Pesara telah menghadapi kesulitan akibat peningkatan kos barangan keperluan dan perkhidmatan. Sejak bertahun-tahun para pesara menyara agar pembayaran pencen dibuat berdasarkan jumlah bilangan bulan perkhidmatan tetapi pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hanya mendiamkan diri tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, petikan di atas menunjukkan hakikat sebenar pesara di Malaysia ini. Kerajaan mestilah secara serius menimbang atas perhitungan pencen. Pada 21 Mei 2005, surat khabar The Star telah mencetak surat berikut oleh *pensioner* dari Petaling Jaya yang bertajuk, *"Inflation Hurting Pensioner"*. Saya petik surat itu yang menyebut seperti berikut, *"Sejak lapan bulan lepas harga petrol dan diesel telah naik dua kali dan ini mengakibatkan harga barangan naik. Peniaga barangan di pasar-pasar,*

pembekal dan penjaja pasar malam seperti lazimnya mengambil kesempatan kenaikan harga untuk menaikkan harga barangan. Di pasar malam di SS2 Chiong Yeng, Petaling Jaya, harga telur gred A naik ke RM3 untuk sepuluh biji dari RM2.80 dari satu minggu dahulu. Dengan meningkatkan harga barangan, rakyat menghadapi kesusahan menampung keperluan harian. Sebagai pesara, peningkatan barangan terjejas teruk kepada diri saya."

Saya fikir kerajaan seharusnya mengambil kira kesusahan yang dihadapi oleh pesara apabila perubahan gaji perkhidmatan awam dilakukan.

Saya bersetuju dengan pandangan Timbalan Perdana Menteri bahawa kita harus mengikis mentaliti subsidi. Kerajaan tidak sanggup meneruskan pemberian subsidi. Dengan pengurangan subsidi bagi minyak, diesel dan petrol, kerajaan boleh membantu pesara dari perkhidmatan awam yang pada amnya menerima gaji yang lebih rendah dari pesara sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, laungan pesara di negara ini hendaklah ditangani dengan segera. Mereka sedang menderita. Penderitaan mereka dan keluarga mereka adalah amat tidak baik kepada masyarakat. Kerajaan harus mengambil langkah-langkah segera menangani masalah ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, dijemput.

5.39 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]: Tuan Yang di-Pertua, kadar pensen bulanan serta penerima pensen awam ditetapkan berdasarkan formula yang telah mengambil kira beberapa prinsip termasuk peningkatan nilai pensen hanya ketika berlakunya pelarasan gaji bagi anggota sektor awam yang sedang berkhidmat. Pensen bagi pesara sektor awam serta pensen terbitan bagi ahli keluarga tanggungan pegawai dan pesara sektor awam yang telah meninggal dunia diberi penyelarasan undang-undang pensen yang telah digubal dengan mengambil kira prinsip-prinsip yang berikut.

Yang pertama, kemampuan kerajaan. Pensen diberi setiap bulan seumur hidup kepada mereka yang layak. Oleh yang demikian, kerajaan terpaksa mengambil kira jangkaan hayat pesara dan penerima pensen serta jumlah pesara dan penerima pensen yang bertambah dengan ramainya setiap tahun sebelum membuat penambahbaikan kepada kadar pensen demi mengelakkan kos pembiayaan skim pensen menjadi beban kepada negara. Di bawah Undang-undang Penyelarasan Pensen, kadar pensen adalah diselaraskan setiap kali anggota sektor awam yang sedang berkhidmat keseluruhannya diberi pelarasan gaji.

Adanya unsur penyelarasan pensen ini bererti formula asas bagi perkiraan pensen asal tidak boleh diperuntukkan satu kadar pensen yang terlalu lumayan, dikhuatiri terlalu membebankan kerajaan apabila tiba masa penjelasan pensen.

Yang kedua, *relativity* berasaskan perkhidmatan. Di bawah Perlembagaan Persekutuan tafsiran "*Superannuation*" di Perkara 160, hak pensen sektor awam adalah digolongkan bersama-sama faedah di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ataupun KWSP iaitu sebagai pemberian faedah perkhidmatan dan bukan faedah kebajikan. Ini bererti bahawa kadar pensen perlu dikaitkan secara langsung dengan tempoh perkhidmatan dan gaji seseorang pesara khususnya gaji terakhir bagi pesara itu di bawah Skim Pensen dan gaji sepanjang tempoh perkhidmatan bagi pesara di bawah Skim KWSP.

Demi keadilan *relativity* antara pesara dan penerima pensen berasaskan kedua-dua angkubah ini yang terpakai dalam tempoh perkhidmatan hendaklah dikekalkan dalam bentuk nilai pensen bulanan. *Relativity* perkhidmatan hendaklah dikekalkan dalam persaraan kerana ia menjadi asas penyelarasan pensen yang adil dan saksama iaitu yang di *wage index* pada mata gaji baru yang bersamaan setiap kalinya pelarasan gaji sektor awam.

Yang ketiga, pencukupan. Pencen diberi sebagai hanya satu daripada beberapa unsur faedah persaraan atau faedah terbitan iaitu sebahagian daripada satu pakej faedah persaraan atau terbitan. Pakej ini kini merangkumi:

- (i) ganjaran sekali gus yang dikira berasaskan formula $7.5\% \times \text{tempoh perkhidmatan} \times \text{gaji terakhir}$. Sekiranya jumlah ganjaran ini dilabur dengan bijaknya, pulangnya dapat menambahkan nilai pakej faedah persaraan. Sebaliknya, sekiranya ganjaran ini digunakan untuk membayar balik baki pinjaman secara sekali gus, pesara akan mengurangkan beban membayar balik baki bagi pinjaman secara berkala semasa dalam persaraan;
- (ii) wang tunai sebagai gantian cuti rehat dikira berasaskan formula $1/30 \times \text{cuti rehat yang terkumpul} \times \text{emolumen terakhir sebulan}$. Pemberian ini iaitu dengan maksimum yang empat bulan emolumen terakhir boleh diguna untuk menambahkan nilai pakej faedah persaraan ataupun untuk mengurangkan beban membayar balik baki pinjaman sebagaimana ganjaran; dan
- (iii) kemudahan rawatan dan perubatan percuma di hospital kerajaan untuk pesara, suami atau isterinya dan anak iaitu anak sehingga umur 18 tahun atau sehingga 21 tahun sekiranya masih belajar dan seumur hidup sekiranya daif kerana kelemahan otak atau jasmani.

Pencen maksimum 50% daripada gaji terakhir adalah memadai kerana pertimbangan-pertimbangan berikut:

- (i) gaji terakhir menjadi satu asas kerana gaji merupakan upah untuk sara hidup berbeza dengan imbuhan-imbuhan serta elaun bulanan yang semuanya ada kaitan secara langsung dengan tugas dan tanggungjawab seharian semasa dalam perkhidmatan. Seorang pesara tidak wajar menerima pencen berasaskan unsur emolumen yang hanya mempunyai kaitan dengan kerja kerana beliau telah berhenti bekerja; dan
- (ii) had maksimum 50% daripada gaji terakhir adalah berlandaskan andaian yang munasabah bahawa kos sara hidup pesara dan isteri, suami tanpa anak yang lazimnya sudah dewasa adalah kurang daripada yang ditanggung olehnya semasa masih muda dan masih dalam perkhidmatan. Antaranya kerana anak sudah dewasa dan boleh menanggung nafkah sendiri, pinjaman besar ataupun *major loan* seperti untuk pembelian rumah dan kereta sudah pun dibayar balik dan keperluan rawatan dan perubatan ditanggung hampir sepenuhnya oleh kerajaan.

Pencen terbitan disusut menjadi 70% daripada kadar asal kerana kadar iaitu 100% adalah bagi membiayai hidup pesara pegawai bersama-sama pasangan dan anak-anaknya dan sebaliknya pencen terbitan hanya diberi bagi membiayai kurang seorang dalam keluarga berkenaan iaitu dengan kematian pesara ataupun pegawai.

Dalam pada itu susutan kadar ini tidak dilaksanakan dengan serta-merta tetapi hanya selepas tempoh 12 setengah tahun dari tarikh persaraan atau kematian dalam perkhidmatan pegawai berkenaan. Oleh kerana kadar pencen adalah *wage index* iaitu dikaitkan secara langsung dengan gaji anggota awam yang sedang berkhidmat, maka kadar pencen sentiasa mengambil kira kadar inflasi iaitu setakat mana kadar inflasi di masuk kira dalam penentuan gaji anggota sektor awam yang sedang berkhidmat.

Konsep garis kemiskinan tidak boleh digunakan sebagai tanda aras terhadap pencen yang mencukupi kerana sebab-sebab yang berikut. Pertama indeks garis kemiskinan dirangkakan oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri berlandaskan saiz isi rumah seperti berikut iaitu bagi tahun 2002 iaitu penetapan terkini di Wilayah Semenanjung pendapatan bulanan garis kemiskinan ialah RM529 bagi saiz isi rumah 4.6, bagi Wilayah Sabah pendapatan garis kemiskinan ialah RM690 bagi saiz isi rumah 4.9 dan bagi Sarawak pula pendapatan bulanan iaitu garis kemiskinan ialah RM600 bagi saiz isi rumah 4.8.

Sekiranya digunakan asas penetapan garis kemiskinan di atas ini pun dengan andaian saiz isi rumah 2 sahaja iaitu pesara dan suami isteri seperti mana norma pertimbangan pakej faedah persaraan, pendapatan garis kemiskinan untuk pesara sepatutnya RM230 sebulan di Semenanjung, RM281 sebulan di Sabah dan RM250 di Sarawak. Kadar-kadar penetapan ini bererti kadar pencen terendah iaitu RM280 sebulan iaitu bagi pesara yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 300 bulan adalah melebihi pendapatan garis kemiskinan di Semenanjung dan Sarawak dan kurang RM1 di Sabah.

Kajian sedang dilakukan untuk menambahkan kadar pencen terendah ini untuk mencerminkan mata gaji yang bersamaan di bawah Sistem Saraan Malaysia. Pendapatan garis kemiskinan di atas merangkumi kos rawatan dan perubatan. Walhal....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagi kah Yang Berhormat.

Tan Sri Benard Giluk Dompok: Tidak lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Pendapatan garis kemiskinan di atas merangkumi kos rawatan dan perubatan, walhal rawatan dan perubatan sebenarnya diberi secara percuma pada pesara dan isteri suami kecuali caj wad yang *nominal*. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih. Seputeh sila.

KONTRAK PEKERJAAN BERUNSUR DISKRIMINASI TERHADAP PRAMUGARI MAS

5.47 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masyarakat wanita di negara kita, dan saya berasa amat kesal terhadap kontrak yang dibaharui di antara *Malaysia Airlines System Employees Union* (MASEU) dengan pihak majikan MAS pada 3 Mei tahun 2005 yang masih berunsur diskriminasi terhadap pramugari MAS.

Apa yang kelihatan bertambah baik dalam kontrak kolektif yang baru dimanterai ini ialah pramugari MAS dibenarkan untuk melahirkan tiga orang anak dan gratuiti mereka selepas tamat kerja bertambah daripada RM800 setahun kepada RM1000 setahun, manakala majikan MAS masih tidak membayar bayaran *maternity* kepada pramugari yang hamil dan pramugari dikehendaki berhenti kerja apabila mereka hamil pada bulan kedua.

Mereka masih dipaksa berhenti kerja pada umur 40 tahun, manakala pramugara dibenarkan untuk berkhidmat sehingga umur 55 tahun.

Banyak persatuan wanita dan saya merasa kesal bahawa kontrak kolektif yang baru tersebut masih disokong oleh Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Wanita Keluarga dan Pembangunan Masyarakat walaupun kontrak tersebut masih bercanggah dengan Fasal 8(2) dalam Perlembagaan Persekutuan kita.

Saya bersetuju dengan Menteri Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat bahawa kontrak kolektif ini memang mempunyai sedikit kemajuan tetapi kemajuan ini adalah begitu sedikit dan jauh berbeza dengan layanan di syarikat penerbangan di luar negeri. Ia bukan sahaja mencabuli Artikel 11 dalam CIDAW yang ditandatangani oleh

Malaysia dan Seksyen 37(C) dalam Akta Pekerjaan tetapi yang penting sekali ialah kontrak kolektif ini ada bercanggah dengan prinsip dan jiwa dalam Fasal 8(2) dalam Perlembagaan Persekutuan kita.

Kalau kita lihat dari segi umur persaraan pramugari syarikat penerbangan yang lain, umur persaraan Air Asia ialah 55 tahun, Air India 60 tahun, Cathay Pacific 60 tahun, Air Nippon Airways ialah 65 tahun, kesemua syarikat penerbangan ini merupakan syarikat penerbangan yang terkenal dan beruntung. Umur persaraan pramugari mereka langsung tidak menjejaskan keuntungan syarikat mereka. Sehubungan dengan itu, saya tidak faham kenapakah pihak pengurusan MAS menggunakan *double standard* terhadap pramugari asing yang berkhidmat dengan MAS?

Di mana mereka dibenarkan untuk bersara pada umur 60 tahun ataupun 65 tahun iaitu mengikut umur bersara negara asal mereka, tetapi MAS berdiskriminasi terhadap pramugari yang berasal dari Malaysia. Selain itu banyak persatuan wanita juga merasa amat tidak puas hati dengan tindakan pengurusan MAS yang ingin menuntut kos undang-undang daripada bekas pramugari Beatrice Fernandez yang mengambil tindakan mahkamah terhadap MAS kerana beliau dipecat kerana beranak dalam tahun 90an. Tindakan pengurusan MAS ini menunjukkan MAS memang berdiskriminasi terhadap hak dan manfaat wanita yang pernah berkhidmat dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, kami amat menyokong cadangan Perdana Menteri untuk menubuhkan pusat kajian dan Pembangunan *Gender* 6 di Malaysia sebagai institusi antarabangsa bagi memperkasakan wanita dalam Mesyuarat Peringkat Menteri Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) mengenai kemajuan wanita pada 8 Mei tahun ini di Putrajaya. Tetapi kalau kerajaan Malaysia sebagai pengerusi NAM dan penganjur sidang antarabangsa NAM untuk memperkasakan wanita gagal meyakinkan syarikat penerbangan negara kita untuk melaksanakan prinsip keadilan terhadap pramugarinya ia memang merupakan satu tamparan hebat terhadap kerajaan kita.

Saya menyeru kerajaan jangan lagi menggunakan alasan bahawa kontrak pengubahan MAS ialah kontrak di antara MASEU dengan majikan MAS kerana keputusan kepimpinan MASEU tidak mewakili kehendak semua pramugari MAS. Tetapi pihak kerajaan sepatutnya bercampur tangan untuk membetulkan apa-apa persetujuan pekerjaan yang berdiskriminasi terhadap wanita di syarikat yang berkaitan dengan kerajaan. Sehubungan dengan itu kerajaan juga sepatutnya mengarah MAS supaya tidak menuntut kos undang-undang daripada bekas pramugari MAS, Beatrice Fernandez yang telah kalah dalam tindakan mahkamah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.52 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Seputeh telah membangkitkan tiga isu utama yang didakwa mempunyai usur diskriminasi terhadap pramugari MAS. Isu pertama ialah mengenai faedah bersalin. Pada masa ini MAS tidak membayar faedah bersalin kepada pramugari yang hamil dan pramugari yang hamil itu dikehendaki berhenti kerja pada bulan kedua.

MAS mengamalkan dasar tidak membenarkan pramugari bertugas mulai bulan ketiga kehamilan atas sebab-sebab keselamatan dan kesihatan. Pada waktu tiga bulan hamil mereka tidak dapat memberi tumpuan keselamatan sewajarnya kepada penumpang dan pada masa yang sama untuk menjaga keselamatan dan kesihatan dirinya sendiri. Di samping itu, MAS tidak membayar gaji ketika hamil kerana pramugari yang berkenaan tidak menjalankan apa-apa tugas berbanding dengan *ground staff* yang hamil, yang perlu terus bertugas sehinggalah tiba masa bersalin. Dengan demikian adalah mengundang masalah baru apabila berlaku ketidakadilan kepada golongan *ground staff* jika MAS membayar gaji kepada pramugari hamil yang tidak bertugas mulai bulan ketiga kehamilan.

Gaji pramugari adalah lumayan berbanding dengan pekerja-pekerja yang mempunyai kelayakan akademik yang sama. Mereka yang berjaya menjadi penyelia dalaman penerbangan akan menerima gaji dan elaun dalam lingkungan hampir RM7000 sebulan, berbanding dengan sekitar RM3000 bagi *on ground supervisor*. Dengan mengambil kira terma dan syarat perkhidmatan berhubung dengan faedah bersalin yang telah tersedia maklum dan dipersetujui pada masa menerima jawatan pramugari itu serta membuat perancangan perbelanjaan berkhemah, seharusnya mereka bersedia untuk menghadapi pemerhatian gaji selepas tempoh dua bulan hamil apabila mereka tidak bertugas.

Pada masa ini, MAS mempunyai 5,186 orang pramugara dan pramugari, daripada jumlah ini 2,950 atau 58 peratus terdiri daripada pramugari bagi semua kategori. Pada puratanya seramai 180 orang pramugari tidak bertugas setiap bulan kerana hamil dan tidak akan bertugas antara 12 hingga 14 bulan. Pramugari-pramugari ini perlu diganti dan MAS membelanjakan secara purata dalam lingkungan RM6.2 juta untuk urusan mendapatkan pramugari-pramugari baru bagi tujuan menggantikan mereka.

Walaupun MAS seberapa boleh cuba menempatkan pramugari yang hamil melepasi dua bulan untuk bertugas sebagai *ground staff* langkah ini tidaklah begitu berkesan dan tidak dapat ditawarkan kepada semua yang terlibat memandangkan jumlah yang terlibat adalah besar yang mana menyukarkan MAS menyediakan jawatan sementara untuk diisi oleh mereka. Lebih-lebih lagi kemahiran yang mereka ada adalah terlalu khusus dalam bidang kerja-kerja kabin sahaja. Isu kedua yang dibangkitkan ialah mengenai umur persaraan yang berbeza di antara pramugari dan pramugara, sebelum tahun 1995, umur persaraan pramugari MAS adalah 35 tahun berbanding dengan 55 tahun bagi pramugara.

Kemudian, ianya diperbaiki lagi di mana mulai tahun 1995 umur persaraan pramugari MAS adalah dilanjutkan kepada 40 tahun dan dikekalkan 55 tahun bagi pramugara.

Walau bagaimanapun, syarat dan terma berkaitan dengan umur persaraan ini telah diperbaiki lagi melalui later of exchange ataupun LOE yang baru ditandatangani oleh MAS dan Malaysia Airlines System Employees Union ataupun MASEU pada 3 Mei 2005. Di bawah LOE tersebut pramugari penyelia diberi option setelah mencapai umur 45 tahun sama ada untuk bersara atau meneruskan perkhidmatan sebagai *ground staff* sehingga umur 55 dengan gaji dan gred yang sama. Tanpa ... kemudahan-kemudahan asas yang lain. Sekiranya option bersara dipilih, pramugari penyelia ini akan dibayar ganjaran khas sebanyak RM1000 bagi setiap tahun dalam perkhidmatan.

Ganjaran khas ini tidak dinikmati oleh pramugara biasa kerana ia merupakan *compensation* kepada pramugari memandangkan mereka dikehendaki bersara awal. Untuk makluman, lazimnya pramugari biasa yang berkhidmat selama tujuh hingga lapan tahun dan mempunyai prestasi yang memuaskan akan dinaikkan pangkat kepada kategori pramugari penyelia yang terdiri daripada penyelia dalaman penerbangan ataupun flight supervisor, ketua pramugari ataupun chief stewardess dan juga pramugari utama ataupun leading stewardess. Hanya sebilangan kecil pramugari yang tidak mempunyai prestasi perkhidmatan yang baik sahaja akan kekal dalam kategori ini. Buat masa terhadap hanya tiga orang pramugari biasa yang berumur antara 39-40 tahun.

Umur persaraan pramugari yang lebih awal adalah juga diamalkan oleh syarikat penerbangan lain di rantau ini. Adalah diperhatikan bahawa hampir semua syarikat penerbangan di rantau ini bukan sahaja mengehadkan umur perkhidmatan pramugari kepada 45, 46 tahun tetapi mereka mempunyai fleksibiliti untuk menamatkan perkhidmatan pramugari mengikut keperluan keadaan kerana pengambilan dibuat secara kontrak berbanding dengan pengambilan secara tetap yang diamalkan oleh MAS dan Garuda.

Sebagai contoh, terma perkhidmatan yang digunakan oleh beberapa syarikat penerbangan antarabangsa serantau memberi fleksibiliti sepenuhnya kepada syarikat-syarikat berkenaan untuk menamatkan kontrak bagi pramugara dan pramugari sekiranya diperlukan. Satu daripada syarikat-syarikat ini mempunyai dasar hanya memperbaharui kontrak 5 tahun bagi pramugara dan pramugari yang benar-benar berkebolehan. Dengan itu dapat mengekalkan mutu perkhidmatan ataupun in-flightnya berbanding dengan

syarikat-syarikat penerbangan lain. Ini bermakna seseorang pramugari yang diberi kontrak pertama semasa berumur 18 tahun akan tamat perkhidmatannya ketika mencapai umur 43 tahun, tertakluk kepada pramugari tersebut diberi kenaikan pangkat sebagai in-flight supervisor. Bagi mereka yang tidak berjaya memperoleh kenaikan pangkat in-flight supervisor tempoh perkhidmatan mereka adalah lebih singkat. Syarat dan terma MAS berkaitan dengan umur persaraan pramugari dan pramugara seperti mana yang terkandung dalam LOE baru tersebut adalah jauh lebih baik daripada apa yang ditawarkan di dalam perjanjian bersama sebelum ini.

Berkenaan dengan pramugari asing yang diambil bekerja oleh MAS yang mana mereka dibenarkan bersara pada usia 60 tahun adalah dimaklumkan bahawa perkara ini dibuat pada awal tahun 1980-an. Pada waktu itu MAS telah mengambil pramugari berbangsa Jepun khusus untuk membantu meningkatkan perkhidmatan kepada penumpang berbangsa Jepun di laluan sektor Tokyo-Kuala Lumpur-Tokyo. Mereka ini berpangkalan di Jepun dan dengan demikian mereka adalah tertakluk kepada undang-undang tempatan negara yang mana umur persaraannya ialah 60 tahun. Dalam hal ini MAS tidak mengamalkan diskriminasi terhadap pramugari tempatan, sebaliknya MAS terpaksa menyesuaikan dasar mengikut persekitaran dan kehendak undang-undang di mana ia beroperasi. Malah ia adalah satu strategi untuk menembusi pasaran dan mengekalkan daya saing MAS di peringkat antarabangsa. Dasar pengambilan ini telah pun berubah di mana MAS mengambil kerja pramugari dan juga pramugara asing dan kesemuanya mereka berpangkalan di Kuala Lumpur. Mereka ditawarkan kerja secara kontrak selama tiga tahun dengan pilihan untuk diperbaharui bergantung kepada keperluan dan prestasi mereka. Isu ketiga ialah berhubung dakwaan bahawa perjanjian bersama antara MAS dan 'MASYO' itu bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Saya tidak perlu memberi ulasan apa-apa kerana seperti mana kita sedia maklum dalam kes Beatrice Fernandez lawan Penerbangan Malaysia Berhad dan 2004, Mahkamah Persekutuan telah mengesahkan keputusan Mahkamah Rayuan bahawa Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan tidak boleh digunakan sebagai alasan untuk mengetepikan perjanjian bersama yang merupakan aturan persendirian yang dibuat di antara individu. Oleh yang demikian perjanjian bersama tersebut adalah terkeluar daripada skop pemakaian Undang-undang Perlembagaan. Terma dan syarat perkhidmatan bagi pengambilan pramugara dan pramugari MAS adalah dilakukan secara telus di mana terma dan syarat dan perkhidmatan tersebut dipersetujui di antara majikan dan kumpulan Kesatuan Sekerja MAS yang mewakili pekerja. Melalui perbincangan di antara kedua-dua pihak, usaha-usaha diambil dari semasa ke semasa terutamanya untuk pramugari MAS. Adalah tidak benar mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Teresa Koh mengenai kos undang-undang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak perlu sebut nama.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Minta maaf, Yang Berhormat bagi Seputeh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Seputeh.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Yang Berhormat bagi Seputeh, minta maaf.mengenai kos undang-undang yang terlibat. Ingin saya maklumkan bahawa adalah keputusan Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan untuk menolak rayuan Beatrice Fernandez dengan kos. Keputusan mahkamah-mahkamah berkenaan pada pendapat saya mempunyai alasan-alasan yang tersendiri, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ucapan-ucapan penangguhan telah kita selesaikan. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia akan bersidang semula pada jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.03 petang.

